

**ANALISIS BALAGHAH TERHADAP AYAT RUQYAH
DARUSSYIFA'**

MOHD KHAIRUL AKHBAR BIN JAHIRUDDIN

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

ANALISIS BALAGHAH TERHADAP AYAT RUQYAH DARUSSYIFA'

MOHD KHAIRUL AKHBAR BIN JAHIRUDDIN

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Mohd Khairul Akhbar bin Jahiruddin**

No Pendaftaran/Matrik: **TGA080018**

Nama Ijazah: Sarjana Pengajian Bahasa Moden

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja Ini"):

Analisis Balaghah Terhadap Ayat Ruqyah Darussyifa'

Bidang Penyelidikan: **Wacana Bahasa Arab**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisannya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini.
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa menghasilkan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hal yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui dihadapan

Tandatangan Saksi:

Nama : Dr. Mat Taib b Pa

Jawatan :Penyelia

Tarikh:

ABSTRAK

Kajian ini membuat analisis terhadap ayat *ruqyah syar'iyah* dalam perubatan Islam dari segi balaghah bahasa Arab di samping menjelaskan jenis-jenisnya yang diamalkan di Pusat Perubatan Islam Darussyifa'. Komponen ruqyah yang dikaji hanya difokuskan kepada 14 ruqyah yang bersumberkan Hadith dan doa yang *ma'thur*, bukan daripada ayat al-Quran al-Karim. Semua data dikumpul daripada buku teks yang menjadi sukatan pengajian di Darussyifa'. Ayat-ayat ruqyah ini dianalisis berdasarkan ilmu *ma'ani*.

Kajian mendapati terdapat ciri-ciri keunikan di sebalik gaya balaghah yang digunakan dalam ayat-ayat ruqyah dan tujuannya berdasarkan jenis penyakit dan masalah yang dirawat. Kajian mendapati beberapa jenis gaya yang selalu digunakan dalam ruqyah seperti gaya *tawkid* (penegasan), *uslub amr*, *uslub fasl* dan *wasl*, penggunaan *nakirah* dan *makrifah*. Begitu juga dengan *takrar* (pengulangan) yang banyak berlaku dalam ruqyah ini merupakan satu cara mustajab untuk mendapat kesembuhan dari bacaan ruqyah dengan izin Allah SWT. Hasil kajian ini juga membuktikan segala ruqyah dan rawatan yang dibuat segalanya bergantung pada Allah SWT semata-mata dan secara mutlak.

ABSTRACT

This study analyzed the Islamic medical treatment or *ruqyah syar'iyah* in terms of balaghah Arabic and its types practiced in the Islamic Medical Centre Darussifa. Ruqyah components studied only focused on the 14 Hadith sourced ruqyah and prayer ma'thur, not from the Koran al-Karim. All data was collected from textbooks syllabus used in Darussifa. Ruqyah verses were analyzed based on knowledge which is the Ma'ani.

The study found that there is a unique feature behind balaghah style used in the ruqyah verses and objectives based on the types of diseases and the problem being treated. The study found some kind of force is always used in ruqyah as *tawkid* style (affirmation), *uslub amr*, *uslub fasl* and *wasl*, the use *nakirah* and *makrifah*. Similarly *takrar* (repetition) which always happens in this ruqyah is an effective cure by reading ruqyah with Allah's permission. The results of this study also prove that the treatment and ruqyah depends on God ultimately.

PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله الذي أنزل القرآن العظيم شفاء ورحمة للمؤمنين والصلاة والسلام على سيد المرسلين محمد صلى الله عليه وسلم طب القلوب ودوائها وعافية أبدان وشفافها ونور الأبصار وضياؤها وعلى آله وأصحابه الأخيار أما بعد،

Ucapan syukur saya dipanjatkan kepada Allah SWT atas kurniaan rahmat, keizinan dan panduan dengan sifat-Nya yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih dapat saya menyiapkan kajian ini. Setinggi penghargaan kepada Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Ketua Jabatan Bahasa Arab dan pihak Perpustakaan Universiti Malaya atas sokongan dan bantuan dalam menyiapkan disertasi ini. Penghargaan khas ditujukan kepada guru, pembimbing, penasihat yang setia lagi banyak bersabar dalam menyelia disertasi ini iaitu Dr. Mat Taib bin Pa. Tanpa beliau tiadalah saya dapat meneruskan pengajian sehingga ke peringkat ini.

Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Bahasa dan Linguistik terutama pensyarah-pensyarah di Jabatan Bahasa Arab antaranya Dr. Mohd Zaki bin Abd. Rahman, PM. Dr. Hj. Muhammad bin Seman, Prof. Dr. Salahuddin, Dr. Wan Hassan bin Wan Mat, Dr. Ahmad Fikri dan Dr. Arifin Sapar yang sentiasa memberi tunjuk ajar, motivasi dan nasihat tanpa jemu. Saya juga tidak lupa kan sahabat seperjuangan di Jabatan Bahasa Arab & Bahasa-bahasa Timur Tengah dan Akademi Pengajian Islam Nilam Puri staf akademik dan sokongan yang tak dapat saya sebutkan disini nama-nama mereka yang setia dan banyak membantu dan memberi dorongan kepada saya sepanjang tempoh saya menyiapkan keperluan sarjana ini.

Saya juga ingin mengucapkan sayang dan kasih kepada kedua ibubapa saya yang sentiasa berdoa untuk kebaikan saya dunia dan akhirat. Ini juga adalah wasiat terakhir ayahanda saya Jahiruddin Mohd Shafi untuk saya menyiapkan pengajian saya. Semoga Allah SWT mencucurinya keatas rohnya dengan rahmat yang berterusan. Kepada bonda tersayang Akhtarinis Mustapha terima kasih di atas doamu, nasihatmu dan kata semangatmu yang tiada pernah berhenti untukku, semoga sentiasa sihat dan dipanjangkan umur serta berada dalam jagaan Allah SWT sentiasa. Seterusnya adik beradik yang banyak membantu serta sahabat-sahabat seperguruan di Fakulti Bahasa dan Linguistik yang banyak membantu saya semasa menjalankan kajian ini.

Sayang dan kasih juga tidak dilupakan kepada anak-anak didik terutama pelajar-pelajar Asasi Pengajian Islam dan Sains dan pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam yang sentiasa hadir bila diperlukan. Akhirnya yang terlibat dalam menjayakan kajian ini, sama ada yang dinyatakan atau tidak dinyatakan di sini. Semoga jasa kalian mendapat balasan yang setimpal daripada Allah SWT, *Jazakumullah khairan kathira wa Barakallahufikum*.

Semoga penyelidikan ini mendapat restu dan keberkatan daripada Allah SWT yang Maha Esa seterusnya dapat membantu memartabatkan bahasa Arab dan menegakkan syiar Islam di negara kita yang tercinta.

Mohd Khairul Akhbar bin Jahiruddin
Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya, 50603
Kuala Lumpur

SENARAI KANDUNGAN

ABSTRAK	I
ABSTRACT	II
PENGHARGAAN	III
SENARAI KANDUNGAN	V
PANDUAN TRANSLITERASI HURUF ARAB KE HURUF RUMI	IX
SENARAI SINGKATAN	XII

BAB 1: PENGENALAN

1.0.	PENDAHULUAN	1
1.1.	LATAR BELAKANG	3
1.2.	PERMASALAHAN KAJIAN	10
1.3.	OBJEKTIF KAJIAN	13
1.4.	SOALAN KAJIAN	13
1.5.	BATASAN KAJIAN	13
1.6.	SOROTAN LITERATUR	14
1.7.	METODOLOGI KAJIAN	16
1.8.	KEPENTINGAN KAJIAN	18

BAB 2: ILMU MA'ANI DALAM BALAGHAH

2.0.	PENDAHULUAN	20
2.1.	BALAGHAH	21
2.1.1.	Definisi Balaghah	21
2.1.2.	Faedah Ilmu Balaghah	23

2.1.3.	Pecahan Ilmu balaghah	25
a.	Ilmu <i>Bayan</i> (علم البيان)	25
b.	Ilmu <i>Badī‘</i> (علم البديع)	26
c.	Ilmu <i>Ma‘āni</i> (علم المعاني)	26
2.2.	<i>AL-KHABARIY</i> (الخباري) DAN <i>AL-INSYĀ’IY</i> (الإنشائي)	28
2.2.1.	<i>Al-Khabariy</i> (الخباري)	28
a.	Definisi	28
b.	Tujuan al-khabar	29
c.	Gaya penyampaian al-khabar (<i>aḍrub al-khabar</i>)	31
d.	Keluar khabar daripada konteks asal	32
e.	Lafaz-lafaz <i>al-Taukīd</i>	33
2.2.2.	<i>Al-Insyā’iy</i> (الإنشائي)	35
a.	Definisi	35
b.	Pecahan al- <i>Insyā’iy</i>	35
2.3.	<i>AL-QASR</i> (القصر)	45
2.4.	<i>AL-FAṢL</i> (الفصل) DAN <i>AL-WAṢL</i> (الوصل)	46
2.5.	<i>ĪJĀZ</i> (إيجاز), <i>Iṭṭāb</i> (إطناب) DAN <i>AL-MUSĀWĀT</i> (مساواة)	49
2.6.	<i>AL-MUSNAD</i> DAN <i>AL-MUSNAD LLAIYH</i>	52
2.6.1.	Ayat Namaan (<i>Al-Jumlat al-Ismiyyah</i>) dan Ayat Kerjaan (<i>al-Jumlat al-Fi‘liyah</i>)	53
2.6.2.	Pendepanan (<i>Al-Taqdīm</i>) dan Pengakhiran (<i>al-Ta’khīr</i>)	54

2.6.3.	Penyebutan (<i>al-Dhikr</i>) dan Pengguguran (<i>al-Hadhf</i>)	56
2.6.4.	<i>Al-Ta 'rīf</i> dan <i>al-Tankīr</i>	59
2.7.	PENUTUP	63

BAB 3: DARUSSYIFA' DAN RUQYAH

3.0.	PENDAHULUAN	65
3.1.	DARUSSYIFA'	65
3.1.1.	Penubuhan Darussyifa'	65
3.1.2.	Objektif dan Matlamat	66
3.1.3.	Pengasas Darussyifa'	67
3.1.4.	Peranan dan Fungsi Darussyifa'	68
3.1.5.	Kelas Pengajian dan Pengijazahan	68
3.1.6.	Etika Perawat dan Rawatan	70
3.2.	RUQYAH	71
3.2.1.	Ruqyah Dari Sudut Istilah	72
3.2.2.	Jenis Ruqyah	74
3.3.	RUQYAH DARUSSYIFA'	81
3.4.	PENUTUP	100

BAB 4: ANALISIS AYAT-AYAT RUQYAH

4.0.	PENDAHULUAN	101
4.1.	ANALISIS BALAGHAH TERHADAP AYAT-AYAT RUQYAH	102
4.1.1.	Ruqyah Pertama: Doa Penghilang Kesakitan	102
4.1.2.	Ruqyah Kedua: Ruqyah Jibril	104

4.1.3.	Ruqyah ketiga: Doa Penyakit Mata	106
4.1.4.	Ruqyah keempat: Doa ‘Ilaj Ilahi	108
4.1.5.	Ruqyah kelima : Doa Penerang Hati	111
4.1.6.	Ruqyah kelima: Doa Mengatasi Sukar Tidur	114
4.1.7.	Ruqyah keenam: Doa Mengatasi Penyakit Rumit	118
4.1.8.	Ruqyah ketujuh: Doa Bertemu Jodoh	119
4.1.9.	Ruqyah delapan: Doa Penyejuk	120
4.1.10.	Ruqyah kesembilan: Doa Mengatasi Kerunsingan	122
4.1.11.	Ruqyah kesepuluh: Ruqyah Nabawiyah	123
4.1.12.	Ruqyah kesebelas: Doa Menghindar Syaitan	125
4.1.13.	Ruqyah kedua belas: Doa Menghindar Hasutan Syaitan	127
4.1.14.	Ruqyah ketiga belas: Doa Menghindar Gangguan Syaitan	128
4.1.15.	Ruqyah keempat belas: Mengembalikan Barang yang Hilang	129
4.2.	PENUTUP	131

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0.	PENDAHULUAN	132
5.1.	RUMUSAN	132
5.2.	CADANGAN	135
5.3.	PENUTUP	136
	BIBLIOGRAFI	138

PANDUAN TRANSLITERASI HURUF ARAB KE HURUF RUMI

1. KONSONAN

HURUF ARAB	NAMA DAN TRANSKRIPSI
ء	'
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	ṣ
ض	ḍ

ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ	h
ي	y
ة	ṭ

2. VOKAL PENDEK (علة قصيرة)

ـُ (dommah)	U
ـَ (fathah)	A
ـِ (kasrah)	I

3. VOKAL PANJANG (علة طويلة)

ـَـ (ā)	Ā
ـُـ (ū)	Ū
ـِـ (ī)	ī

3. VOKAL PANJANG (علة مركبة)

أَوْ (aw)	Aw
أَيَّ (ay)	Ay

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Maksud
SWT	Subhanahu Wa Ta'ala
SAW	Salallah 'Alayhi Wa Sallam
AS	'Alayhi al-Salam

University of Malaya

BAB 1

PENGENALAN

1.0. Pendahuluan

Bahasa merupakan sesuatu yang amat unik dalam menghubungkan antara manusia, kehidupan dan alam seagat. Bahasa juga merupakan satu alat perhubungan dan perantaraan. Walaupun bahasa dapat diungkap oleh kedua bibir manusia tetapi ianya dapat mempengaruhi jiwa yang mendengar serta memahaminya. Menerusi bahasa kita dapat berhubung dengan alam dan penghuninya bahkan dapat menjadikan atau mengubah sesuatu seperti menyuruh, menceritakan, bertanya, meminta, mengajar, mempengaruhi dan sebagainya.

Bahasa mempunyai 'kuasa' yang unik, sangat abstrak serta amat sukar untuk dikaji. Dalam penciptaan makhluk, Allah SWT dengan kekuasaan yang tiada bandingnya hanya mengungkapkan satu ayat sahaja untuk mencipta sesuatu makhluk sebagaimana termaktub dalam al-Quran al-Karim:

﴿إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya urusan-Nya apabila Dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepadanya: "Jadilah!" Maka terjadilah ia." Surah Yasin 36:82*

Bahasa manusia bermula seawal penciptaan Nabi Adam AS, bahasa diajarkan oleh Allah SWT sendiri. Sebagaiman diterangkan dalam al-Quran, Allah berfirman:

﴿وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَٰؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ﴾

Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman: "Sebutkanlah (wahai para malaikat) kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu memang orang-orang yang benar.

Terdapat banyak bahasa dituturkan di dunia dan semuanya berkembang selari dengan tamadun manusia, ada yang telah pupus dan ada yang makin maju berkembang. Pelbagai faktor yang menyebabkan kekal dan berkembangnya sesuatu bahasa mengikut ketamadunan sesuatu bangsa antaranya penghijrahan, penaklukan, peperangan dan kemajuan teknologi. . Antara bahasa-bahasa yang lama yang masih kekal dan berkembang ialah bahasa Arab. Faktor utama bahasa Arab berkembang dan kekal sehingga hari ini ialah kerana wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia akhir zaman ialah dengan bahasa Arab. Al-Quran merupakan kitab rujukan utama umat Islam.

Al-Quran al-Karim merupakan penawar kepada manusia. Ia juga merupakan satu mukjizat yang telah dianugerahkan kepada Nabi Muhammad S.A.W dan seluruh umat akhir zaman. Ia merupakan kitab suci bagi umat Islam yang dijadikan sebagai sumber utama kepada ajaran Islam yang merangkumi segala perkara yang berkaitan kehidupan di alam dunia dan alam selepasnya. Al-Quran juga merupakan satu bacaan yang diberikan ganjaran pahala apabila seorang daripada muslim membacanya. Ia diturunkan oleh Tuhan sekalian alam dalam bahasa Arab yang merupakan antara kemukjizatan al-Quran itu sendiri sebagaimana yang dijelaskan dalam firman yang Maha Esa:

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.” Surah Yusuf 12:2

Al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Quraishy iaitu bahasa Arab mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan sama ada ilmu tentang keduniaan dan ilmu tentang akhirat. Ilmu perubatan moden atau *Alopathy* bermula dengan seorang ilmuan Islam bernama Ibnu Sina yang mengkaji tentang manusia, penyakit dan pelbagai jenis rawatan termasuk melalui pembedahan, hingga timbul daripadanya ilmu perubatan yang menjadi ikutan sehingga hari ini dengan menggunakan alatan moden.

1.1. Latar Belakang

Ilmu ruqyah juga satu daripada cabang ilmu *turath* (warisan) yang menjadi turutan dan telah disebut jelas dalam al-Quran al-Karim dengan memperakui kewujudannya seperti dalam firman Allah SWT:

﴿كَلَّا إِذَا بَلَغَتِ التَّرَاقِيَ ﴿٦٦﴾ وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ ﴿٦٧﴾﴾

Maksudnya: “Sedarlah apabila rohnya sampai ke pangkal kerongkongan. Dan (orang yang hadir di sisinya heboh) berkata: Siapakah yang dapat menjampinya (mengubatnya)?” surah al-Qiyāmah 75:26-27

Ilmu ini bersumberkan ayat-ayat al-Quran al-Karim dan juga Hadith-Hadith sahih dari Rasulullah SAW serta ijtihad para *mujtahidin salafussoleh* (ulama muktabar terdahulu) yang menyusun dan menyantuni segala sunnah Rasulullah SAW yang menjadi panduan sehingga hari ini.

Antara Hadith yang menceritakan tentang ilmu ruqyah ini sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Jabir RA (Hadith riwayat Muslim, no. Hadith 5731):

”نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الرُّقَى فَجَاءَ آلُ عَمْرِو بْنِ حَزْمٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّهُ كَانَتْ عِنْدَنَا رُقِيَّةٌ تَرْفِي بِهَا مِنَ الْعُقْرِبِ وَإِنَّكَ نَهَيْتَ عَنِ الرُّقَى فَعَرَضُوهَا عَلَيْهِ فَقَالَ: مَا أَرَى بِأَسَا، مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ أَخَاهُ فَلْيَنْفَعْهُ.“

Terjemahannya: “Rasulullah SAW telah melarang dari jampi menjampi. Maka datanglah keluarga Amr Ibn Hazm menemui Rasulullah SAW lalu berkata: “Wahai Rasulullah kami mempunyai jampi yang boleh menjampi sengatan kala jengking, sedangkan engkau melarang kami daripada jampi menjampi. Lalu mereka membacakan jampi tersebut kepada Nabi SAW (bagi mendapat kepastian). Maka sabda Nabi SAW; “Aku lihat ia tidak mengapa. Sesiapa antara kalian yang mampu untuk membantu saudaranya, maka hendaklah dia melakukannya.”

Sabda Rasulullah SAW lagi yang diriwayatkan oleh Abd al-‘Azīz RA (Hadith riwayat al-Bukhari, no. Hadith 5742):

”دَخَلْتُ أَنَا وَثَابِتٌ عَلَى أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ فَقَالَ ثَابِتٌ: يَا أَبَا حَمْزَةَ، اسْتَكَيْتُ فَقَالَ أَنَسٌ: أَلَا أَرْقِيكَ بِرُقِيَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: بَلَى، قَالَ: اللَّهُمَّ رَبِّ النَّاسِ مُذْهِبِ الْبَاسِ اشْفِ أَنْتَ الشَّافِي لَا شَافِيَ إِلَّا أَنْتَ شِفَاءً لَا يُعَادِرُ سَقَمًا.“

Terjemahannya: “Aku dan Thabit telah masuk bertemu dengan Anas Ibn Malik RA. Maka Thabit berkata: ‘Wahai Aba Hamzah (Anas Ibn Malik RA), sesungguhnya aku sakit.’ Berkata Anas: ‘Bolehkah sekiranya aku menjampi kamu

dengan ruqyah (jampi) Rasulullah SAW?’ Jawab Thabit: ‘Bahkan boleh.’ Lalu (Anas) menjampi dengan membacakan:

”اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ مُذْهِبَ الْبَاسِ اشْفِ أَنْتَ الشَّافِي لَا شَافِيَ إِلَّا أَنْتَ شِفَاءً لَا يُغَادِرُ سَقَمًا.“

Bermaksud: Wahai Tuhan manusia dan yang menghilangkan kesusahan sembuhkanlah, Engkau adalah penyembuh, tidak ada kesembuhan kecuali kesembuhanMu, kesembuhan yang tidak diiringi sakit).”

Banyak lagi Hadith yang berkaitan ruqyah ini. Apapun semuanya menjelaskan keharusan berubat dengan ruqyah yang diajar oleh Rasulullah SAW dan para sahabatnya yang masih digunakan hingga ke hari ini, walaupun sesetengah daripada orang Islam masih jahil tentang perkara ini.

Penggunaan ayat-ayat ruqyah dalam perubatan Islam pada hari ini tidak asing lagi kerana ia sesuatu yang menjadi ikutan turun-temurun dari zaman Rasulullah SAW yang datang bersama wahyu agung iaitu al-Quran yang suci. Walau bagaimanapun jampi ini wujud pada zaman yang lebih awal apabila banyak daripada ayat-ayat jampi itu telah bercampur aduk dengan amalan yang mendatangkan unsur kesyirikan kepada Allah SWT. Setelah kedatangan Islam ia telah diasimilasikan dan diadaptasi mengikut syariat Islam.

Selain itu, rawatan ruqyah juga terbukti dengan menjadi penawar kepada pelbagai penyakit manusia sama ada penyakit rohani mahupun penyakit fizikal terutama yang menggunakan mukjizat agung iaitu al-Quran

Sebagai contoh, al-Quran al-Karim telah mengulangi beberapa kali ungkapan yang membawa makna penyembuhan penyakit. Firman Allah SWT:

﴿وَنُزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا﴾

Maksudnya: “Dan Kami turunkan dari al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman”. al-Isra’ 17:82

Walaupun berbagai jenis ubat-ubatan telah dicipta oleh manusia, namun masih banyak lagi penyakit yang belum diketahui punca dan ubatnya. Umat Islam juga tidak terkecuali daripada menghidap sebarang penyakit, maka pelbagai usaha dan kaedah rawatan yang boleh dilakukan. Rasulullah SAW menggalakkan umatnya berusaha untuk mendapatkan ubat bagi setiap penyakit yang dihidapi. Malah Baginda menekankan pentingnya pencegahan penyakit melalui langkah-langkah tertentu. Pepatah Arab ada menyatakan:

“الْوَقَايَةُ خَيْرٌ مِنَ الْعِلَاجِ”

Maksudnya: “Mencegah itu lebih baik daripada mengubati.”

Rasulullah SAW sendiri mempunyai kemahiran untuk merawat sesetengah penyakit tertentu. Kaedah rawatan yang diamalkan oleh Baginda berasaskan akidah dan nilai-nilai Islam dengan menggunakan dua unsur utama, iaitu unsur bumi dan unsur langit, atau bahan dari sumber bumi dan bahan samawi (al-Quran al-Karim).

Harun Din (2006), seorang tokoh yang sangat masyhur penglibatannya serta kepakarannya dalam dunia perubatan Islam di Malaysia, telah mengatakan bahawa amalan merawat pesakit dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran, Hadith, amalan sunnah Rasulullah SAW dan doa-doa yang digunakan oleh para Nabi merupakan satu bidang yang masih agak baru. Usaha untuk menjalani segala bentuk rawatan penyakit melalui cara ini merupakan satu kaedah yang jelas, sistematik dan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak boleh dikatakan amat berkurangan walaupun memang tidak dapat dinafikan terdapat ramai pengamal

perubatan Melayu tradisional yang menyumbangkan tenaga mereka dengan menggunakan kaedah ini.

Hakikatnya, usaha membongkar kandungan al-Quran al-Karim dan sunnah Rasulullah SAW untuk tujuan rawatan penyakit adalah masih di peringkat awal di Malaysia. Ia memerlukan keikhlasan, minat, pengamatan yang serius serta ketabahan yang berterusan. Kejayaan usaha seumpama ini adalah bergantung kepada usaha-usaha yang dijelaskan seperti di atas.

Menurut Haron Din (2006) lagi, pendedahan kandungan al-Quran al-Karim, sunnah Rasulullah SAW dan doa-doa yang dijelaskan berkaitan dengan sumber wahyu dan sejarah Islam memberikan satu kesedaran yang agung dalam kalangan umat Islam untuk mengagumi dan menghargai betapa besarnya peranan kitab Allah yang selama ini menjadi panduan dalam kehidupan seseorang. Hal ini merupakan salah satu jalan utama dalam tujuan memperkuat iman seseorang terhadap Allah SWT.

Pengubatan dengan menggunakan ayat-ayat seperti yang dijelaskan di atas bukanlah merupakan satu amalan baru dalam kalangan umat Islam biarpun ramai orang yang masih meragui kesahihannya. Keraguan itu timbul adalah kerana kurangnya pemahaman terhadap sejarah ilmu perubatan dan al-Quran al-Karim itu sendiri.

Tiada kesepakatan dari kalangan para ulama terdahulu atau terkini yang dapat menjelaskan definisi sebenar perubatan Islam. Ramai dari kalangan mereka mentafsirkan istilah perubatan Islam mengikut selera atau gaya mereka sendiri demi untuk mengiktiraf apa yang mereka amalkan adalah perubatan Islam sebenar. Justeru itu terdapat kekeliruan dalam kalangan orang ramai tentang perkara sebenar dalam perubatan Islam. Sepertimana yang diketahui, perubatan Islam sangat berbeza dengan perubatan Melayu tradisional yang

bercampur-aduk antara agama dan adat resam Melayu. Kedua-dua pendekatan perubatan ini terdapat padanya satu kaedah rawatan yang sama iaitu menggunakan kaedah penjampian.

Ulama terdahulu telah banyak membicarakan tentang rawatan secara jampi dengan menggunakan komponen ayat-ayat al-Quran al-Karim dan doa-doa ini serta mengumpulkannya dalam beberapa buah buku yang terkenal antaranya *Tibb al-Nabawi* oleh *Abu Naim al-Asfahani*, *Zadd al-Ma'ad fi Hadi Khair al-'Ibad*, *Ibn Qayyim al-Jauziyyah*, *al-Rahmah fi al-Tibb wa al-Hikmah* oleh *Jala al-Din al-Suyuti* dan banyak lagi kitab-kitab muktabar yang menjadi rujukan sepanjang zaman.

Dalam mengungkap tentang rawatan atau pengubatan, al-Quran al-Karim mengulangi beberapa kali ungkapan شفاء yang membawa makna kesembuhan penyakit dan memberi penekanan bahawa al-Quran al-Karim merupakan satu mukjizat mengandungi khasiat yang dapat menyembuhkan penyakit rohani mahupun fizikal. Sejarah juga telah membuktikan sirah Rasulullah SAW yang mengajar tentang rawatan dengan cara ruqyah ini sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh 'Uthmān bin Abu al-'As al-Saqāfiy RA (Hadith riwayat Muslim, no. Hadith 5737):

”أَنَّهُ شَكََا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَجَعًا يَجِدُهُ فِي جَسَدِهِ مُنْذُ أَسْلَمَ فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ضَعْ يَدَكَ عَلَى الَّذِي تَأَلَّمَ مِنْ جَسَدِكَ وَقُلْ : بِإِسْمِ اللَّهِ ثَلَاثًا وَقُلْ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَعُوذُ بِاللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأُحَاذِرُ.“

Terjemahannya: “Bahawasanya dia (‘Uthman Ibn Abi al-‘As al-Saqāfiy RA) telah mengadu kepada Rasulullah SAW tentang penyakit yang dihidapi pada tubuhnya sejak dia masuk Islam lagi. Maka sabda Rasulullah SAW kepadanya;

“Letakkan tangan kamu pada bahagian tubuhmu yang sakit, lalu bacalah بِاسْمِ اللَّهِ tiga kali, dan baca pula tujuh kali doa ini;

أَعُوذُ بِاللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأُحَازِرُ

Terjemahannya: “Aku berlindung dengan Allah dan kekuasaan-Nya daripada kejahatan yang aku alami dan aku takuti.”

Banyak lagi Hadith yang menceritakan tentang bagaimana Rasulullah SAW mengajarkan ruqyah kepada sahabat dan bagaimana Baginda mengiktiraf ruqyah dan larangan-larangan berkaitan dengannya. Perbincangan ini akan dilanjutkan dalam bab yang ketiga.

Haron Din (2011:1) menyatakan bahawa perubatan Islam adalah satu bidang ilmu pengubatan berasaskan kaedah rawatan penyakit rohani dan jasmani berpandukan al-Quran dan as-Sunnah serta *ijtihad as-salafussoleh*. Cara pengubatan ini adalah satu ikhtiar atau usaha untuk menyembuhkan penyakit menggunakan cara khusus berdasarkan tiga sumber utama yang dibincangkan. Ikhtiar yang dimaksudkan bersifat luas dan bukan semata-mata ditujukan untuk merawat manusia sahaja malah meliputi haiwan, bangunan, rumah kediaman, tumbuhan, sekolah, jalan raya, jambatan dan sebagainya.

Para perawat yang menggunakan jampi harus mempunyai keimanan dan ketaqwaan supaya dapat meraih keyakinan daripada pesakit. Di saat-saat begini, kebiasaannya pesakit bukan sahaja mengharapkan penawar dari pelbagai jenis ubatan dan tatacara rawatan, malah ianya perlu sokongan emosi dan mental. Ia juga memerlukan segala-galanya untuk menceriakan diri, suasana. nasihat dan bimbingan ketika ini jugalah merupakan saat yang sangat berkesan untuk seseorang menyampaikan dakwah.

1.2. Permasalahan Kajian

Terdapat sebilangan orang Melayu menggunakan jampi serapah dan mentera dalam perubatan tradisional Melayu tanpa mengetahui dan mengkaji asal-usul serta makna jampi-jampi yang digunakan dari turun-temurun. Ada antaranya dalam bahasa Melayu, Jawa, Sanskrit, Arab dan bahasa-bahasa yang aneh yang tidak diketahui maknanya.

Perubatan Islam ini merupakan satu daripada elemen pengubatan yang berteraskan al-Quran al-Karim dan al-Sunnah serta menggunakan pendekatan doa dan jampi. Lazimnya, jampi dikaitkan dengan masalah penyakit berbentuk sihir dan perbuatan yang melibatkan pengamal ilmu hitam. Kebanyakan masyarakat Melayu menganggap apa sahaja yang dibacakan turun temurun itu merupakan jampi-jampi yang datang daripada ajaran Rasulullah SAW terutama yang menggunakan bahasa Arab. Namun mereka tidak meneliti dan menilai asal-usul setiap jampi mentera yang diajarkan dari keturunan ke keturunan. Banyak yang tertipu dengan amalan syaitan ini yang sentiasa membenarkan sesuatu kesyirikan kepada Allah SWT dengan mempercayai dukun dan bomoh yang hanya berbekalkan kopiah dan panggilan ustaz untuk mempercayai setiap ilmu tentang pengubatan ini berlandaskan syarak sedangkan ia sebaliknya. Masih ramai juga yang tidak mengetahui akan konsep sebenar ruqyah yang dianjurkan oleh syarak dan masih bercampur-aduk dengan kesyirikan kepada Allah SWT.

Jampi mempunyai pengertian yang luas dan mempunyai makna positif dan negatif mengikut persepsi masyarakat setempat. Malangnya, kebanyakan masyarakat terutamanya masyarakat Melayu di Malaysia hanya melihat takrif jampi dari satu sudut negatif sahaja iaitu sebagai satu perbuatan khurafat dan syirik tanpa menyedari kewujudan jampi ini dalam bidang perubatan dan pengubatan yang berlandaskan syariat Islam. Maka kajian ini

menjelaskan konsep ruqyah yang dibenarkan oleh Islam dan yang tidak dibenarkan serta menyalahi hukum.

Kebiasaannya ruqyah yang dibaca dalam perubatan Islam ini dalam bahasa Arab. Namun begitu, terdapat segelintir masyarakat yang tahu serta mengamalkan ayat-ayat ruqyah (jampi) ini yang diambil daripada pelbagai sumber termasuklah berguru, tetapi mereka tidak memahaminya dari sudut penggunaan bahasa Arab itu sendiri. Mendalami erti sebenar jampi atau ruqyah itu merupakan perkara yang penting terutamanya dalam konteks penuturan serta berkaitan dengan penyakit atau pesakit yang berkaitan.

Berikut adalah beberapa contoh ruqyah bukan ayat al-Quran al-Karim yang biasa digunakan dalam perubatan Islam yang mempunyai keunikan bahasanya tersendiri berbeza dengan ayat-ayat lain. Antaranya ialah seperti berikut (Hadis riwayat Abu Nu 'aim, no. Hadith 1920):

”بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ، مِنْ كُلِّ شَيْءٍ يُؤْذِيكَ، مِنْ شَرِّ كُلِّ نَفْسٍ أَوْ عَيْنٍ حَاسِدٍ، اللَّهُ يَشْفِيكَ، بِاسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ“

Terjemahannya: *“Dengan nama Allah aku menjampimu, daripada setiap penyakit yang menyakitimu, dan daripada kejahatan setiap diri dan pandangan mata jahat orang yang hasad, Allah akan menyembuhkan dikau, dengan nama Allah aku menjampi kamu.”*

Hadith daripada riwayat Muslim, no. Hadith 5737:

بِسْمِ اللَّهِ بِسْمِ اللَّهِ بِسْمِ اللَّهِ، أَعُوذُ بِعِزَّةِ اللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأُحَازِرُ

Terjemahannya: *“Dengan nama Allah, dengan nama Allah, dengan nama Allah, aku berlindung dengan kemuliaan Allah dan kekuasaan-Nya daripada kejahatan yang aku alami dan aku takuti.”*

Kemudian Hadith lain menyebut:

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ مُذْهِبَ الْبَاسِ، اشف أنت الشافي،
لا شفاء إلا شفاؤك، شفاء لا يُعَادِرُ سَقَمًا وَلَا أَلَمًا إِلَّا شَفَاؤُكَ.

Terjemahannya: “Ya Allah, Tuhan (yang memelihara) manusia, yang menghilangkan kesusahan, sembuhkanlah, Engkaulah yang menyembuhkan tidak ada sesuatu penyembuhan kecuali kesembuhan-Mu, sembuh yang tidak diiringi sakit juga penderitaan kecuali kesembuhanNya.”

Ayat jampi atau ruqyah berkenaan adalah daripada al-Sunnah serta berkaitan dengan pengubatan yang diajar oleh Nabi Muhammad SAW melalui pengalaman hidup Baginda dengan Jibril AS, pengalaman sahabat bersama Baginda dan mutiara Hadith yang dikeluarkan dari mulut Baginda SAW sendiri yang diriwayatkan oleh para sahabat dan juga doa-doa berupa jampi yang dianjurkan oleh ulama serta para *salihin* terdahulu.

Jika diperhatikan dari sudut bahasa jampi sememangnya unik kerana pilihan uslub dan susunan katanya begitu unik. Di samping itu, nama-nama Allah SWT yang digunakan kebanyakannya seumpama doa tetapi kadang-kadang datang dalam *uslub* berkomunikasi dengan pesakit dan ada juga berkomunikasi dengan penyakit dan makhluk yang mengganggu. Penggunaan gaya bahasa seperti *uslub nida'*, *uslub amr* (perintah), *uslub takrar* (pengulangan) pada ayat yang sama dan kadang-kadang datang dalam bentuk ayat yang berbeza.

Penulis melihat persoalan ini sebagai suatu perkara penting yang harus dinilai dari sudut bahasa. Penulis akan menilai jampi dalam perubatan Islam yang menggunakan bahasa Arab yang bersumberkan selain daripada al-Quran al-Karim menerusi konteks *ilmu ma'ani* dalam bahasa Arab dalam menilai dan mencungkil ciri-ciri keunikan di sebalik *uslub* balaghah

yang digunakan dalam ayat-ayat jampi tersebut. Kajian ini berlatarbelakangkan balaghah bahasa Arab yang digunakan dalam doa-doa atau ayat-ayat jampi yang digunakan oleh pengamal perubatan Islam Darussyifa’.

1.3. Objektif Kajian

Kajian ini dibina di atas beberapa objektif dan tujuan yang diharap dapat dirungkaikan di akhir kajian ini seperti berikut:

- 1.3.1. Menjelaskan konsep ruqyah khususnya yang digunakan di Darussyifa’ .
- 1.3.2. Menganalisis gaya bahasa balaghah yang terdapat dalam ayat-ayat ruqyah mengikut penyakit yang dihadapi.
- 1.3.3. Merumuskan ciri-ciri khusus keunikan gaya bahasa balaghah dalam ayat-ayat ruqyah.

1.4. Soalan Kajian

- a. Apakah konsep ruqyah khususnya yang digunakan di Darussyifa’?
- b. Apakah gaya bahasa balaghah yang terdapat dalam ayat-ayat ruqyah mengikut penyakit yang dihadapi?
- c. Apakah ciri-ciri khusus keunikan gaya bahasa balaghah dalam ayat-ayat ruqyah.

1.5. Batasan Kajian

Dalam kajian ini penulis hanya menumpukan kajian terhadap ayat-ayat ruqyah atau jampi bersumberkan Hadith, bukan bersumberkan daripada al-Quran al-Karim. Hal ini kerana, penulis melihat dalam ayat-ayat ruqyah terdapat keunikan gaya bahasa yang tinggi serta tersirat dan juga perlu dikaji sejauh mana keunikannya dalam membantu menyembuhkan

penyakit. Ruqyah ini digunakan oleh para perawat perubatan Islam di bawah Persatuan Pengubatan Islam Malaysia Darussyifa'. Kajian ini juga hanya menumpukan terhadap *uslub* balaghah di dalam ayat-ayat ruqyah yang terpilih daripada silibus yang digunakan di Darussyifa' sahaja. Kajian ini juga hanya menfokuskan analisis dalam ilmu *ma'ani* sahaja iaitu salah satu cabang ilmu balaghah Arab dan fokus kajian juga hanya terhadap ayat-ayat ruqyah yang bukannya bersumberkan al-Quran daripada komponen-komponen doa yang diamalkan perawat-perawat di Darussyifa'. Ia bersumberkan Hadith dan doa-doa *mathur*.

1.6. Sorotan Literatur

Antara rujukan kajian ini ialah, kajian Wan Rohani Wan Mokhtar (2012) yang bertajuk "Penggunaan *Uslub Khabariy* dalam al-Quran: Kajian Terhadap Surah Yasin." Penulis tersebut membahaskan tentang *uslub khabariy* dan fungsinya dalam surah Yasin. Sememangnya kajian rintis ini difokuskan kepada tafsiran al-Quran semata-mata dan menjadi panduan awal kepada penulis dalam menilai *uslub khabariy* dalam teks bahasa Arab yang lain.

Rujukan kedua ialah kajian bertajuk "Konsep Bidadari Dalam al-Quran Al-Karim: Satu Analisis Balaghah tulisan Abdullah Hamzah (2013) yang menganalisis perkataan bidadari dalam al-Quran secara balaghah. Kajian ini memberi panduan cara analisis balaghah terhadap leksikal dalam teks.

Kajian berikutnya oleh Kasyfullah bin Abdul Kadir dalam kajiannya bertajuk "Ayat Perintah dalam Surah al-Taubah: Satu Analisis Wacana," (2005). Beliau mengkaji tentang ayat-ayat perintah dalam al-Quran yang merupakan suruhan Allah SWT kepada umat Islam dan menerangkan hikmah dalam kata-kata perintah itu serta menjawab dakwaan-dakwaan

serta tafsiran yang tidak tepat dan yang diselewengkan oleh orientalis Barat dan Yahudi terutama dalam mentafsirkan perintah berjihad dan perintah atau hukum yang lain-lain.

Analisis gaya bahasa doa dalam al-Quran al-Karim penulisan Saiful Barin bin Ramli (2004). Ini merupakan satu kajian deskriptif. Kajian berbentuk komparatif juga dilakukan dengan membuat perbandingan gaya bahasa dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Kajian ini hanya menekankan gaya bahasa yang diungkapkan dalam semua jenis doa dalam al-Quran al-Karim . Ia juga menjelaskan pemilihan perkataan tertentu disamping membincangkan strukturnya yang asal merangkumi makna di sebalik penggunaan leksikal dalam doa serta tujuan pemilihannya.

Kajian analisis Hadith-hadith mengenai rawatan sihir dalam *al-kutub al-sittah* berkaitan aplikasi di pusat rawatan Islam di Malaysia yang dikaji oleh Khader Ahmad (2012) merupakan satu kajian ilmiah yang cukup berkualiti terhadap *al-ruqyah al-syari'iyah* dalam mengambil ruqyah yang disandarkan kepada Rasulullah SAW dan yang tidak dapat disandarkan kepada Hadith. Kajian ini juga membincangkan tentang rawatan sihir dan kaedah yang digunakan oleh persatuan-persatuan perubatan Islam seluruh Malaysia. Selain itu, penulis menjelaskan pertentangan dan cara perubatan yang digunakan tidak mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh syariat dengan erti kata lain tidak bertepatan dengan kehendak Islam.

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berteraskan kajian ilmu *ma'āni* yang mengkhususkan kajian terhadap *uslub khabariy* dan *uslub insyā'iy*. Penulis telah memilih teks ruqyah atau jampi yang diguna pakai dalam rawatan di Darussyifa'.

1.7. Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan yang menggunakan pengumpulan data-data kualitatif yang dianalisis secara metod analisis .

Data yang dikumpul adalah diperolehi daripada sukatan pembelajaran ilmu perubatan secara ruqyah atau jampi yang digunakan dalam buku teks pengajaran di Darussyifa' yang dikarang sendiri oleh pengasasnya sendiri iaitu Dr. Harun Din (2010). Data kemudiannya akan dikelaskan mengikut kategori jampi yang dipilih iaitu ruqyah yang bukan bersumberkan ayat-ayat al-Quran.


Metod analisis digunakan pada kemuncak kajian ini dan merupakan kerangka asas kepada penganalisan. Analisis uslub balaghah dijalankan ke atas setiap data yang telah dikumpulkan dengan mengeluarkan ciri- ciri khusus keunikan gaya bahasa yang terdapat pada ayat ruqyah mengikut penyakit yang dialami. Analisis ini dilakukan terhadap semua ayat ruqyah yang bukan bersumberkan al-Quran tidak termasuk ayat al-Quran yang dinukilkan sebagai *al-iqtibas* dalam ayat ruqyah. Kajian ini dibuat terhadap setiap ruqyah dengan tidak mengikut turutan tajuk dalam balaghah kerana balaghah sangat luas perbincangannya dan juga kerana kajian ini hanya berfokus kepada satu cabang sahaja daripada cabang-cabang ilmu balaghah iaitu ilmu *ma'ani*. Hasil analisis merupakan penemuan dalam kajian ini yang akan dibentangkan di akhir kajian.

Kajian ini menggunakan pembahagian ilmu *ma'ani* ini berdasarkan teori yang diperkenalkan oleh Fadl Hassan 'Abbas (1997) iaitu membahagikan perbincangan bermula dengan *al-khabar*, *al-insya*, *al-musnad*, *al-musnad ilayh*, *fasl wa waslu* dan *al-ijaz wa al-itnab wa al-musawah*. Penulis mendapati teori susunan ini agak sistematik berbanding

dengan teori lain dalam kitab-kitab balaghah Arab yang lain yang mempunyai susunan yang agak kompleks dan kurang sistematik.

Kesahan merupakan pernyataan atau penjelasan yang sah atau benar sekiranya ia mewakili secara tepat ciri-ciri fenomena yang cuba dijelaskan, diterangkan atau diteorikan (Othman Lebar, 2015:184). Kajian ini dibuat kesahan dengan menggunakan tiga kaedah iaitu kaedah rujukan terhadap buku-buku yang muhtabar dalam bidang ini dan kajian-kajian berkaitan, kedua ialah kaedah penilaian penyelia yang merupakan pakar dalam bidang ini dan ketiga kaedah perbincangan dengan pakar-pakar yang ada di Jabatan Bahasa Arab, Universiti Malaya diantaranya Dr. Mohd Zaki Abd Rahman, Dr. Mohammad bin Seman, Dr. Wan Hassan bin Wan Mat dan Dr. Arifin bin Sapar.

Kerangka perjalanan kajian ini akan diringkaskan dalam jadual 1.0 sebagaimana berikut:



1.8. Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian yang menilai dan mengkaji dengan lebih mendalam lagi apa yang dimaksudkan dengan ruqyah. Kajian ini juga akan menjelaskan tentang ruqyah terutama yang digunakan semasa rawatan di Darussyifa' dan melihat fungsinya secara tidak langsung dalam memperjuangkan perubatan Islam di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga akan mendedahkan penggunaan ruqyah dari segi bentuk serta gaya bahasa Arab dalam ayat-ayat yang digunakan serta keunikannya.

Penulis akan menggariskan *uslub* balaghah yang biasa diguna pakai dalam ayat-ayat ruqyah yang bersumberkan Hadith dan yang berkaitan dengannya dalam rawatan serta tujuan penggunaannya. Kajian ini akan juga akan merungkaikan ciri-ciri keunikan *uslub* balaghah yang terdapat pada setiap ayat ruqyah itu dan kaitannya dengan penyakit yang diubati dengan ruqyah-ruqyah tersebut.

Selain itu, kajian ini diharapkan akan menjadi satu landasan kepada keunikan bahasa Arab yang terdapat dalam ruqyah yang dibenarkan oleh syarak. Kemudian ia juga menjadi asas kepada perawat-perawat pengubatan Islam untuk beramal dengan yakin serta menambah keimanan mereka setelah rahsia keunikan ini dibongkar melalui kajian ini.

1.8 Rangka Kajian

Kajian ini diasaskan diatas lima bab yang disusun mengikut bab yang ditetapkan setiap peranannya dalam memberikan hasil yang terbaik.

Bab Pertama: Bab ini akan membincangkan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pengenalan, latar belakang kajian, objektif kajian, batasan kajian, metodologi kajian dan kepentingan kajian.

Bab Kedua: Bab ini membicarakan tentang kajian kepustakaan terhadap bidang balaghah dan pecahan serta perbahasan ilmu-ilmu dibawahnya terutama ilmu *ma'āni* .

Bab Ketiga: Bab ini memperkenalkan Darussyifa' dan peranannya dalam perubatan Islam di samping membicarakan takrif dan konsep jampi dalam Islam dan penggunaan bahasa dalam penjampian.

Bab Keempat: Bab ini akan membicarakan tentang analisis setiap data yang telah dikumpul iaitu jampi-jampi yang bukan daripada al-Quran dengan menilai dari sudut ilmu *ma'āni* dan dapat merumuskan bentuk-bentuk rahsia keunikan *uslub* Balaghah dan tujuannya dalam ayat-ayat ruqyah dan kaitannya dengan rawatan.

Bab Kelima: Bab akhir ini akan membicarakan tentang rumusan kesimpulan kepada kajian ini seluruhnya. Penulis juga akan mengemukakan beberapa cadangan dan kesimpulan yang berkaitan dengan hasil dapatan kajian ini.

Kajian ini merupakan gabungan tentang rawatan penyakit dengan menggunakan jampi atau ruqyah yang dibenarkan oleh syarak di Darussyifa' dan kajian ilmu *al-ma'āni* dalam balaghah bahasa Arab terhadap ayat ruqyah bahasa Arab yang mana penulis ingin mengeluarkan rahsia dan makna tersirat penggunaan *uslub* balaghah tertentu ke atas penyakit dan pesakit serta keadaan tertentu dalam rawatan dengan cara Islam di Darussyifa'.

BAB 2

ILMU MA'ANI DALAM BALAGHAH

2.0. Pendahuluan

Ilmu balaghah bermula selepas kedatangan Islam tetapi unsur-unsur balaghah telah dibincangkan pada zaman jahiliyah lagi. Ia tidak bermula dengan begitu saja bahkan melalui kajian dan penelitian orang-orang terdahulu semenjak zaman jahiliyah lagi dengan berkembangnya bait-bait sajak Arab yang disusun rapi dan indah serta cukup memukau para pendengarnya pada ketika itu.

Sajak-sajak diperdengarkan dan dipertandingkan di pasar-pasar dan majlis-majlis keraian dan keramaian. Kemahiran penyair dalam ilmu balaghah yang tinggi dapat menarik dan mempesonakan telinga-telinga yang mendengar. Sajak mereka yang penuh dengan keajaiban penyusunan kata-kata yang indah lagi memukau serta menusuk kalbu para pendengar yang hadir dalam majlis diadakan di pasar-pasar yang menjadi tumpuan para pedagang dari pelbagai kabilah ketika itu.

Perkembangan ilmu ini kemudiannya berterusan dari zaman *jahiliyah*, zaman kedatangan Islam, zaman pemerintahan Umawiyah serta Abbasiyyah ke zaman-zaman berikutnya. Ulama sependapat bahawa ilmu ini dipelopori atau diasaskan oleh Abdul Qahir al-Jurjaniy yang juga merupakan pengarang kitab terawal dalam balaghah iaitu *دلائل الإعجاز* dan *أسرار البلاغة* pada kurun ke-5 Hijrah yang menjadi rujukan hingga ke hari ini (Siti Ikbal, 1999).

2.1. Balaghah

2.1.1. Definisi Balaghah

Balaghah merupakan satu gaya kesenian bahasa Arab yang merangkumi sejumlah besar daripada cabang-cabang ilmu linguistik Arab. Ilmu balaghah menurut ulama' ialah ilmu yang membahaskan tentang ungkapan yang bersesuaian dengan keadaan serta bersifat 'fasih' (Abu al-Qasim, 1986).

Balaghah ialah *uslub* atau gaya bahasa yang menunjukkan keupayaan seseorang untuk menyampaikan ungkapan atau percakapan yang bersesuaian dengan kehendak situasi dan tempat melalui lafaz-lafaz yang tepat dan mudah difahami serta mengandungi makna-makna yang indah supaya ia benar-benar memberi kesan yang mendalam dalam pendengar.

Balaghah dalam percakapan atau بلاغة الكلام mengikut istilah ialah sesuatu kata yang diungkapkan sesuai dengan keadaan (مقتضى الحال) dengan fasih dan penyusunan perkataannya menggamit telinga pendengar dengan tidak dipisahkan dua syarat penting iaitu:

- a. fasih dalam menyusun dan menggunakan perkataan serta ayat-ayatnya
- b. kata-kata yang bersesuaian dengan keadaan dan kondisi penuturannya yang merupakan sesuatu yang memerlukan penelitian kerana jika ada dua orang penutur semestinya ia berbeza antara satu sama lain dalam mengungkapkan sesuatu mesej sampai kepada pendengar yang kena dengan tajuk percakapan (Aiman Amin, 2011).

Kondisi atau keadaan yang membezakan gaya bahasa penyampaian ialah seperti ungkapan yang ringkas dan padat, ungkapan yang ringkas dengan tambahan sederhana dan ungkapan dengan tambahan yang panjang.

Bahasa yang diguna di dalam balaghah juga merupakan bahasa yang berbeza dari percakapan biasa dalam menitikberatkan penerimaan pendengar daripada percakapan itu.

Sebagai contoh:

Ayat biasa : Muhammad seorang yang berani.

Ayat balaghah : Muhammad seperti singa.

Kedua-dua ayat di atas membawa maksud yang sama tetapi menggunakan gaya bahasa yang sedikit berbeza. Ayat pertama menggunakan perkataan yang jelas dan menepati makna yang dikehendaki, manakala ayat yang kedua menggunakan perumpamaan dalam menyampaikan makna yang dikehendaki.

Jadi tidak menghairankan jika terdapat banyak perbezaan dan percanggahan pandangan dalam kalangan ahli bahasa dalam membandingkan balaghah dengan ilmu lain. Ada pendapat yang mengatakan ilmu ini adalah semantik Arab, ada juga pendapat mengatakan ia adalah ilmu retorik Arab dan tidak kurang juga berpendapat ia merupakan ilmu pragmatik Arab.

Namun pada pandangan penulis semua itu masih kurang tepat kerana semua bidang ilmu berkenaan adalah terangkum dalam ilmu balaghah. Mengikut penafsiran umum, ia meliputi makna kemahiran dalam penyusun percakapan yang tepat maknanya. Justeru penulis akan menggunakan istilah balaghah dalam mentakrifkan ilmu kesenian bahasa ini dalam linguistik sepanjang kajian ini dijalankan.

Cabang ilmu balaghah sangat luas, pelbagai takrifan dan definisi yang dibawa oleh para linguis Arab sama ada lama atau baharu, ia tetap menunjukkan suatu ilmu yang mengolah kesenian halus bahasa Arab serta cabang-cabangnya yang cukup kompleks. Sebagai kesimpulan balaghah merupakan suatu bidang ilmu kefasihan bahasa Arab dalam

penyusunan dan pemilihan ungkapan bersesuaian dengan kondisi dan tempat serta pendengar. Balaghah adalah kesesuaian ungkapan dengan kondisi, pada masa yang sama, ungkapan tersebut adalah *fasih*. Ungkapan balaghah mestilah menggunakan ungkapan yang *fasih*, selari dari segi lafaz dan maksud, mengambil berat tentang situasi pengungkap, menjaga kepentingan dan mempunyai pengaruh terhadap penerima pesanan tersebut.

2.1.2. Faedah Ilmu Balaghah

Ilmu balaghah mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan kemampuan seseorang dalam menyampaikan ungkapan yang bersesuaian dengan tuntutan keadaan dan tempat agar dapat memberikan kesan yang mendalam kepada pendengar.

Balaghah memerlukan kepada pengetahuan tentang tema yang ingin diperkatakan, mengetahui pemikiran dan jiwa pendengar serta membuat pemilihan terhadap perkataan, ayat dan gaya bahasa yang sesuai dengan tahap penerimaan pendengar.

Penjelasan mengenai ilmu balaghah ini telah menunjukkan bahawa ilmu ini adalah sebahagian daripada pengajian bahasa dan sastera Arab yang mementingkan unsur dan nilai keindahan yang tinggi dalam seni pertuturan. Justeru ilmu balaghah merupakan satu disiplin ilmu dan juga satu seni yang menyediakan panduan kepada pengguna bahasa Arab untuk menilai unsur-unsur keindahan yang terdapat dalam bahasa tersebut.

Hasilnya ilmu ini muncul sebagai satu disiplin yang tersusun kesan daripada pengkajian terhadap keunggulan bahasa al-Quran al-Karim serta unsur-unsur sastera dan estetika yang

terdapat padanya. Selepas peringkat ini barulah ilmu *balaghah* meningkat kepada tahap pengajian bahasa dan sastera Arab yang lebih bersifat umum (Siti Ikbāl, 1999).

Berasaskan kepada susur galur, kelahiran ilmu ini terbentuk sebagai salah satu disiplin ilmu, maka pengkajian dalam ilmu ini amat diperlukan. Kepentingan pengkajian ilmu ini terserlah apabila dikaitkan dengan gaya bahasa al-Quran al-Karim sebagai model terulung kepada gaya bahasa Arab. Ahmad al-Sya'ib (1991:17) menegaskan kepentingan ilmu *balaghah* ini bagi memberi manfaat yang amat besar kepada mana-mana sasterawan, pengkritik sastera, penulis, pemedato, pensyarah atau guru. Menurut beliau, ilmu ini dapat menjadikan pertuturan atau gaya bahasa yang disampaikan oleh seseorang lebih mantap, menarik, berkesan serta melapangkan minda, rohani dan cita rasa.

Menurut Abū Hilāl al-'Asykariy dalam kitabnya al-Sina'atun:1971 mengatakan bahawa sesungguhnya sebenar-benar ilmu yang perlu dibahas dan dikaji selepas mengenal keesaan Allah ialah ilmu *balaghah* dan mengetahui kefasihannya, dengan ilmu ini kita dapat mengenali kemukjizatan al-Quran al-Karim yang menuturkan kebenaran, memandu ke jalan yang lurus dalam membenarkan risalah Allah dan kefasihan para Nabi AS. *Balaghah* ialah satu keunikan gaya bahasa itu sendiri dan ia dapat dikaji selain bahasa Arab sekalipun tetapi ia belum dikembangkan oleh mana-mana pengkaji bahasa-bahasa lain .

Kepentingan mempelajari ilmu *balaghah* adalah untuk mengetahui rahsia kemukjizatan al-Quran al-Karim melalui gaya bahasa *fasahah* yang tidak dapat ditandingi oleh sesiapaapun. Melalui kajian berkaitan gaya bahasa *al-insyā'iy* dalam al-Quran, Siti Ikbāl Sheikh Salleh

(1999:13-15) menegaskan bahawa balaghah amat penting dalam pengajaran bahasa Arab kerana tanpa pemahaman yang mendalam dalam ilmu ini, amat sukar bagi seseorang untuk memahami isi kandungan al-Quran al-Karim dan kemukjizatannya. Di samping itu, pengetahuan yang mendalam dalam ilmu balaghah amat berfaedah untuk mengenali rahsia-rahsia keindahan bahasa Arab itu sendiri.

2.1.3. Pecahan Ilmu balaghah

Perbahasan ilmu balaghah dibahagikan kepada tiga pecahan besar iaitu ilmu *ma'ani*, ilmu *bayan* ' dan ilmu *badi*.

Ketiga-tiga ilmu ini membincangkan tentang kemahiran yang perlu dikuasai oleh sasterawan dan ahli bahasa sebelum menyampaikan atau mengungkapkan sesuatu. Perkara ini perlu dititikberatkan kerana ia berkait rapat dengan tujuan percakapan dan situasi pendengar sama ada ia berbentuk lisan atau pun bertulis.

a. Ilmu *Bayan* (علم البيان)

Ilmu ini merupakan satu ilmu yang membincangkan sesuatu makna yang dinyatakan dengan cara yang pelbagai dalam menerangkan maksud yang dikehendaki. (Aiman Amin, 2011:24) Antara perbincangannya ialah:

i. *Tasybih*. Contohnya:

طَلَّعَهَا كَأَنَّهُ رُءُوسُ الشَّيَاطِينِ ﴿٦٥﴾

Maksudnya: *Buahnya seolah-olah kepala syaitan-syaitan.*

(Surah al-Saffat: 65)

ii. *Majaz* Contohnya:

... يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ ... ﴿٦٦﴾

Maksudnya: ...Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya)... (Surah al-Fath: 10)

iii. *Kinayah*. Contohnya:

أَحْمَدُ كَثِيرُ الرَّمَادِ

Maksudnya: Ahmad itu banyak abunya (dikatakan banyak abu kerana Ahmad banyak masak dan banyak menerima tetamu maka dia seorang yang mulia kerana memuliakan tetamu.)

b. Ilmu *Badr*' (علم البديع)

Ilmu ini pula membicarakan mengenai cara dan gaya mengindahkan percakapan, dengan menjaga kesesuaian perkataan dan dapat menyatakan sesuatu lafaz dengan jelas dalam pemilihan kata yang indah secara zahir. (Aiman Amin,2011:24) Antara perbincangannya ialah:

- a) *Muḥsināt al- lafẓiyyah* yang meliputi *jinās*, *iqtibās* dan *saja* ‘
- b) *Muḥsināt ma ‘nawiyyah* yang membincangkan mengenai *al-tauriyyah*, *al-ṭibāq*, *al-muqābalah*, *husn ‘ala al-ta ‘līl*, *ta ‘kīd al-ma ‘ādah bimā yubihu al-dham* dan *uslub al-ḥākīm*.

c. Ilmu *Ma ‘āni* (علم المعاني)

Ilmu *ma ‘āni* (المعاني) dari segi bahasa adalah perkataan jamak berasal daripada leksikal ‘معنى’ iaitu yang bermaksud erti atau pengertian. Dari segi istilah ia merupakan kata-kata dan lafaz yang disusun mengikut situasi atau kondisi ia diungkapkan. Al-Hasyimiy mentakrifkan ilmu *ma ‘āni* dari sudut balaghah sebagai asas-asas atau kaedah-kaedah untuk mengetahui tatacara dalam menyesuaikan percakapan dengan konteksnya (مقتضى الحال) sehingga bersesuaian dengan tujuan yang dikehendaki (Al-Hasyimiy, t.t.:37).

Ma'āni juga merupakan panduan yang kukuh dan perlu diikuti oleh para sasterawan dalam menyampaikan tujuan-tujuannya dalam pelbagai bentuk percakapan yang bersesuaian dengan konteks serta kondisi pendengar. Ia mengajar bagaimana menyusun ungkapan-ungkapan Arab supaya bertepatan dengan matlamat yang hendak disampaikan berpanduan kepada situasi dan konteks yang tertentu (Zahazan, 2001).

Aiman Amin Abd. Ghani (2011: 327) mentakrifkan *al-ma'āni* sebagai satu ilmu yang mengkaji fenomena pengungkapan yang pelbagai seperti gaya bahasa (الأسلوب), *al-taqdīm* (التقديم) dan *al-ta'khīr* (التأخير), *al-ta'rīf* (التعريف) dan *al-tankīr* (التنكير), penggunaan kata penegasan dan pengabaian terhadapnya, *al-qasr* (القصر) pembatasan pertuturan dan pengabaianya dan banyak lagi yang menjadi perbincangan dalam ilmu ini.

Al-Khaṭīb Al-Qazwīnī (1985:84) pula telah mendefinisikan ilmu *ma'āni* sebagai satu ilmu yang dapat mengenal bentuk-bentuk lafaz Arab yang bersesuaian dengan konteksnya. Pengertian yang telah dibuat oleh al-Khaṭīb Al-Qazwīnī ini lebih masyhur dan padat daripada pengertian-pengertian ilmu *ma'āni* yang lain. Ia telah diterima pakai oleh majoriti ulama balaghah dalam kitab-kitab penulisan mereka (Siti Ikbal, 1999).

Ilmu *ma'āni* juga merupakan kaedah-kaedah untuk kita mengenal cara-cara penyesuaian percakapan dengan konteksnya supaya kita dapat mengelak daripada kesilapan-kesilapan dalam menyampaikan tujuan yang dimaksudkan. Dengan itu, kita dapat mengetahui rahsia-rahsia ungkapan itu wajar didahulukan atau diakhirkan, digugurkan atau disebutkan dan lain-lain lagi daripada bahasan-bahasan ilmu *ma'āni*. Apabila penutur itu mengikut dasar-dasar ini dalam setiap ungkapannya, ia tidak akan menyimpang daripada susur galur gaya bahasa Arab dan percakapannya akan bertepatan dengan konteksnya.

Secara ringkas penulis dapat merumuskan bahawa ilmu *ma'āni* merupakan satu bidang dalam balaghah yang membincangkan susunan kata dan makna bahasa Arab untuk penyampaian mesej kepada pendengar dengan mengambil kira konteks atau kondisi semasa dan tujuan dituturkan. Di samping itu mempunyai nilai bahasa yang tinggi dalam setiap pengucapan yang dibuat dengan gaya yang penuh dengan keunikannya yang tersembunyi disebaliknya. Ilmu *ma'āni* perlu dikaji mengikut pembahagian-pembahagiannya yang khusus dalam usaha untuk mendalami ilmu ini.

2.2. *Al-Khabariy* (الخبري) dan *al-Insyā'iy* (الإنشائي)

2.2.1. *Al-Khabariy* (الخبري)

a. Definisi

Al-khabariy dari sudut bahasa diambil daripada kata kerja (خبر) yang bererti berita. Dalam kamus *Lisan al-Arab* diterangkan bahawa lafaz *al-khabar* (الخبير) itu ialah kata tunggal bagi lafaz jamaknya, iaitu *al-akhbār* (الأخبار). Yang dimaksudkan dengan 'الخبير' ialah suatu berita yang telah disampaikan kepada kita apabila kita bertanya tentangnya melalui seseorang (Ibnu Manzur, 1990: Juz 4:227).

Al-khabariy dari sudut istilah ialah kata-kata yang mungkin dikatakan benar atau tidak. (al-Hashimiy,1999). Kebenaran di sini bermaksud kata-kata yang disampaikan benar berdasarkan konteksnya. Contoh: Syurga adalah ganjaran bagi orang yang beriman (لِلْمُؤْمِنِينَ الْجَنَّةُ). Dalam hal ini, kita semua maklum bahawa syurga adalah ganjaran bagi sesiapa yang beriman. Jadi kata-kata berikut merupakan ayat *khabariy* kerana terdapat kebenaran padanya. Manakala pendustaan bermaksud kata-kata itu tidak benar pada konteksnya. Contoh: Hujan sedang turun (الْمَطَرُ نَازِلٌ). Apabila kita keluar dari rumah, kita

dapati hari cerah tanpa hujan. Jadi kata-kata ini juga merupakan ayat *khabariy* kerana terdapat pendustaan padanya.

Ayat-ayat di dalam bentuk *al-khabariy* terdiri daripada *al-musnad ilayh* (subjek), *al-musnad* (predikat) dan *al-isnad* (sandaran). Contohnya seperti ayat “*Kitab itu berfaedah.*” Maka ‘kitab’ dinamakan *al-musnad ilayh* (subjek) dan ‘berfaedah’ dinamakan *al-musnad* (predikat) dan nisbah atau kaitan lafaz berfaedah kepada lafaz kitab itu dinamakan *al-isnad* (sandaran) (Zahazan, 1999).

Dalam bahasa Melayu, الخبر diistilahkan sebagai ayat berita. Asmah Haji Omar (2008) mentakrifkan ayat *khavar* sebagai sistem ayat berita yang juga digunakan dalam bahasa Inggeris sebagai *statement* atau ayat pernyataan, iaitu mengenai butir maklumat atau pendapat dari pihak penutur kepada pihak kedua. Terpulanglah kepada pihak kedua atau pendengar memberi atau tidak memberi reaksi balas terhadap pernyataan itu sama ada menerima dan bersetuju tanpa sebarang komen, tidak bersetuju dengan memberi komen ataupun tidak bersetuju dengan tanpa sebarang komen. Beliau juga membahagikan ayat penyata kepada dua bahagian iaitu ayat perbuatan dan ayat keadaan (Asmah Omar, 2008).

b. Tujuan al-khabar

Dalam perbahasan *uslub khabariy* sememangnya perkara utama yang harus dibincangkan ialah tujuan *khavar*. *Al- khavar* mempunyai dua tujuan asas seperti berikut:

- i. ‘***Fa:idaṭ al-khabar***’ ialah untuk memberitahu pendengar sesuatu berita yang tidak diketahuinya contohnya: Nabi Muhammad s.a.w dilahirkan pada Tahun Gajah, diwahyukan pada umur 40 tahun dan menetap di Mekah selama 13 tahun dan Madinah selama 10 tahun.

- ii. **‘La:zim al-fa:’idaṭ’** ialah untuk memberitahu pendengar yang kita juga tahu tentang berita tersebut bukan tidak mengetahuinya. Contohnya: Sesungguhnya kamu mampu menahan marah, berlembut ketika marah, tidak endahkan cabaran lawan dan memaafkannya .

Namun terdapat beberapa fungsi *khavar* lain mengikut konteks ayat yang telah dihuraikan oleh sarjana bahasa antaranya ialah (‘Abbas, 1997:107-109):

- i. Menzahirkan keluhan (*al-taḥassur*):

﴿رَبِّیْ إِيَّیْ وَضَعْتُهَا أُنْثَىٰ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا وَضَعْتَ﴾

Maksudnya: “Ya Tuhanku, sesungguhnya aku melahirkannya seorang anak perempuan; dan Allah lebih mengetahui apa yang dilahirkannya itu”. (Ali ‘Imran: 36)

- ii. Menzahirkan kelemahan (*izhār al-da’f*):

﴿فَسَقَىٰ لَهُمَا ثُمَّ تَوَلَّىٰ إِلَى الظِّلِّ فَقَالَ رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنْزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ﴾

Maksudnya: “Maka Musa pun memberi minum kepada binatang-binatang ternak mereka, kemudian ia pergi ke tempat teduh lalu berdoa Dengan berkata: "Wahai Tuhanku, Sesungguhnya aku sangat berhajat kepada sebarang rezeki pemberian Yang Engkau berikan.” (al-Qasas: 24)

- iii. Menzahirkan cemuhan (*al-taubīkh*):

﴿...وَعَرَّيْتُمْ الْأُمَانِي حَتَّىٰ جَاءَ أَمْرُ اللَّهِ وَعَرَّيْتُمْ بِاللَّهِ الْغُرُورُ﴾

Maksudnya: “dan (selain itu), kamu pula diperdayakan oleh bisikan Syaitan Dengan (pengampunan) Allah (semata-mata dan melupakan azab-Nya).” (al-Hadid: 14)

- iv. Memohon belas kasihan (*al-istirham wa al-isti’af*):

﴿قَالَ رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي فَغَفَرَ لَهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ﴾

Maksudnya: “*Ia merayu (dengan sesalnya): “Wahai Tuhanku, Sesungguhnya Aku telah menganiaya diri sendiri; oleh itu ampunkanlah - apalah jua kiranya - akan dosaku”.* (maka Allah Taala menerima taubatnya) lalu mengampunkan dosanya; Sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (al-Qasas: 16)

v. Peringatan (*al-tanbih*) :

﴿كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ...﴾

Maksudnya: “*Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati...*” (Ali ‘Imran: 185)

c. Gaya penyampaian al-khabar (*aḍrūb al-khabar*)

Aḍrūb al-khabar berfungsi dalam membincangkan tentang bagaimana sesuatu khabar atau berita itu dinyatakan dan ia bergantung kepada golongan sasaran sebagai pihak ketiga sama ada pendengar atau pembaca. Mereka ini terbahagi kepada tiga golongan (al-Marāghiy, 1993:49-50):

- i. Golongan yang tidak mempunyai sebarang maklumat atau pengetahuan mengenai sesuatu berita dan hanya menerima apa saja yang disampaikan kepadanya. *Khabar* atau berita untuk golongan ini tidak memerlukan unsur penegas. Jenis berita ini dinamakan ‘*ibtidā’iy*’. Contohnya:

﴿الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا﴾

Maksudnya: “*Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.*” (al-Kahfi: 46)

- ii. Golongan yang masih keraguan terhadap kesahihan sesuatu berita dan memerlukan satu unsur penegas untuk memberi keyakinan kepadanya. Jenis berita ini dinamakan ‘*ṭalabiy*’. Contohnya:

﴿إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ...﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam...*”

(Ali ‘Imran: 19).

- iii. Golongan yang menolak dan tidak menerima sesuatu berita. Berita untuk golongan ini memerlukan lebih daripada satu unsur penegas. Jenis berita ini dinamakan ‘*inkāriy*’. Contohnya:

﴿ثُمَّ إِنَّكُمْ بَعْدَ ذَلِكَ لَمَيِّتُونَ ﴿١٥﴾ ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ تُبْعَثُونَ ﴿١٦﴾﴾

Maksudnya: “*Kemudian, Sesungguhnya kamu sesudah itu akan mati. Kemudian Sesungguhnya kamu akan dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat.*” (al-Mu’minun: 15-16)

Di sini *aḍrūb al-khabar* boleh dikategorikan kepada dua, iaitu khabar berpenegas (*al-khabar al-mu’akkad*) dan khabar yang tanpa penegas (*al-khabar al-khāliy min al-mua’kkad*). Khabar berpenegas ini menggunakan kata penegas yang pelbagai.

d. Keluar khabar daripada konteks asal

Pada asasnya setiap khabar atau berita yang disampaikan mestilah bersesuaian dengan konteks kebiasaan, sebagaimana yang telah dijelaskan dengan pembahagiannya. Khabar yang ini ialah yang ditakrifkan sebagai tidak menyampaikan berita dalam konteks dan situasi kebiasaan. Kadang-kadang penutur yang fasih tidak mengikut gaya kebanyakan ini dan mengubahnya gaya bahasa kepada bentuk-bentuk yang lain tetapi masih mengambil kira syarat kefasihan ayat dan konteks situasi pendengar. Beberapa perubahan berlaku sebagaimana pecahan berikut :

- i. Merubah gaya ungkapan penerima tiada maklumat (خَالِي الدَّهْنِ) kepada gaya penerima ragu (الْمُتَرَدِّدُ), contohnya:

﴿وَأَصْنَعِ الْفُلَّكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا وَلَا تُخَاطِبْنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُغْرَقُونَ﴾

Dan buatlah bahtera dengan pengawasan serta kawalan kami, dan dengan panduan wahyu Kami (tentang cara membuatnya); dan janganlah engkau merayu kepada-Ku untuk menolong kaum yang zalim itu, kerana sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan (dengan taufan)". Surah Hud : 37

ii. Merubah gaya ungkapan penerima bukan inkar (غير المنكر) kepada gaya penerima inkar (المنكر) Contoh dalam firman Allah SWT:

﴿ثُمَّ إِنَّكُمْ بَعْدَ ذَلِكَ لَمَيِّتُونَ﴾

Kemudian, sesungguhnya kamu sesudah itu akan mati. Al-Mu'minun : 15

iii. Merubah gaya ungkapan penerima bukan inkar (غير المنكر) kepada gaya penerima inkar (المنكر). Contoh dalam al-Quran :

﴿وَاللَّهُمَّ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ﴾

Dan Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) selain dari Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (Surah al-Baqarah : 163)

Tidak terdapat *tawkid* dalam ayat di atas seolah-olah tiada orang yang mengingkari perkara tersebut sedangkan orang kafir mengingkari bahawa Allah adalah Tuhan mereka. Tetapi, jika diamati sekalian orang kafir itu pasti akan mengakui bahawa hanya Allah Tuhan yang berhak disembah jika mereka memerhati kebenaran.

e. Lafaz-lafaz *al-Taukid*

Lafaz-lafaz *al-taukid* digunakan untuk memperkuat *kalam khabar* itu banyak sekali, di antaranya ialah :

i. *Inna* (إِنَّ), *anna* (أَنَّ)

Lafaz ini digunakan pada *jumlat ismiyyat* yang mengandungi *mubtada*’ dan *khavar* pada asalnya. Apabila ditambah dengan lafaz ini, ia membawa maksud “sesungguhnya”, iaitu berlaku penegasan dalam ayat tersebut.

﴿إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ﴾

“Sesungguhnya kami telah memberikan kepada kamu telaga al-Kauthar”

Tanpa lafaz *inna*, ayat tersebut hanya berbentuk pernyataan. Setelah dimasukkan lafaz *inna* ke dalam ayat ini, ia memberikan penegasan bahawa Allah benar-benar telah menganugerahkan telaga *al-Kauthar* kepada Nabi Muhammad SAW. Hamzah tersebut dibaca fathah apabila ia berada di tengah-tengah ayat .

ii. *lām al-ibtida*’

Huruf lam berbaris fathah yang ditambah pada awal *fi’il mudari*’, di awal huruf bertujuan untuk menegaskan sesuatu:

وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ وَلَنِعَمَ دَارُ الْمُتَّقِينَ

..dan memanglah negeri akhirat ialah sebaik-baik negeri bagi orang-orang Yang

bertaqwa.

iii. *Qad* (قد)

قَدْ ذَهَبَ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

Sesungguhnya dia telah pergi sekolah.

Penggunaan *qad* selepasnya *fi’il maḍy* untuk menunjukkan makna sesungguhnya , iaitu menegaskan benar-benar telah berlaku sesuatu perkara itu.

Antara partikel penegasan yang digunakan ialah *'inna, lām al-ibtidā', ḍamīr al-faṣl, al-qasam, immā al-sharṭiyya, ala:, amā, an, mā, qad* dan lain-lain. Kalam *khābariy* ini juga boleh dipertegasakan secara ungkapan iaitu dengan menggunakan ayat namaan dan *taqdīm al-fā'il min ḥaith al-ma'nā* (mendahulukan kata *fā'il* berdasarkan makna), sebagaimana contoh طَلَعَتِ الشَّمْسُ bermaksud 'matahari telah naik.' Kata *al-fā'il* diulang dua kali yang pertama secara zahir dan yang kedua secara tersembunyi (Faḍl Ḥassan 'Abbas, 1997:113-121).

2.2.2. *Al-Insyā'iy* (الإنشائي)

a. Definisi

Al-insyā' (الإنشاء) dari sudut bahasa ialah kata *maṣdar* yang diambil daripada kata kerja (أَنْشَأَ) yang bermaksud mengadakan atau melaksanakan atau menciptakan. Perkataan ini juga terdapat dalam al-Quran al-Karim daripada surah al-'An'ām, 6:98:

﴿وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ ...﴾

Maksudnya: “Dan Dialah yang menciptakan kamu dari diri yang satu (Adam).”

Al-insyā'iy (الإنشائي) dari sudut balaghah ialah satu ungkapan atau percakapan yang yang tidak boleh dikatogerikan sebagai benar atau dusta, dan penuturnya pula tidak boleh dikatakan seorang yang benar atau pendusta. Inilah definisi yang diterima pakai oleh para ulama balaghah (Al-Hasyimiy, t t: 61).

b. Pecahan *al-Insyā'iy*

Ayat-ayat *al-insyā'iy* terbahagi kepada dua bahagian seperti berikut.

i. *Al-Insyā' al-Talabiy*

Al-insyā' al-ṭalabiy ialah permintaan sesuatu yang masih belum berlaku sewaktu berlangsungnya permintaan dan ia terbahagi kepada lima jenis iaitu *al-amr*, *al-nahyu*, *al-istifha:m*, *al-tamanni* dan *al-nida:* '.

a) Ayat *al-amr* (الأمر)

• Definisi

Amr ialah perintah dari pihak yang lebih tinggi kepada pihak yang lebih rendah untuk melakukan sesuatu perbuatan. Contoh firman Allah Taala:

﴿وَأَقِمْوْا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ﴾

Maksudnya: “Dan dirikanlah solat dan tunaikan zakat” (Surah al-Baqarah:110).

• Bentuk-bentuk *al-amr*

Ayat al-Amr dapat dikenali dengan empat bentuk iaitu:

- Kata kerja perintah (*al-amr*), seperti contoh di atas.
- Kata *masdar* yang menggantikan kata kerja. Contohnya sabda Rasulullah s.a.w: (صَبِرًا آلَ يَاسِرٍ، فَإِنَّ مَوْعِدَكُمْ الْجَنَّةُ). Maksudnya: Sabarlah keluarga Yasir, bagi kalian syurga).
- Kata kerja kala kini yang didahului oleh *lam al-amr*. Contohnya firman Allah Ta'ala:

﴿لِيُنْفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ﴾

Maksudnya: “Hendaklah orang kaya memberi nafkah mengikut berdasarkan kekayaannya” (Surah al-Talaq :7).

- *Ism fi'il al-amr*. Contohnya:

صَهْ! لَا تَتَكَلَّمْ إِلَّا بِحَيْرٍ

Maksudnya: Diam! Jangan bercakap kecuali perkara yang baik.

• **Uslub khabariy yang bermaksud uslub insyā'iy**

Ayat yang datang *uslub khabariy* tetapi membawa maksud ayat *uslub insyā'iy* contohnya seperti ayat keterangan yang merupakan suruhan Allah kepada perempuan yang dalam 'iddah :

﴿وَالْمُطَلَّقَاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ ۚ وَلَا يَحِلُّ لَهُنَّ أَنْ يَكْتُمْنَ مَا خَلَقَ اللَّهُ فِي أَرْحَامِهِنَّ إِنْ كُنَّ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ وَبُعُولَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا ۚ وَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْعُرْفِ ۚ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ ۚ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ﴾

Maksudnya: *Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid). dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan (tidak memberitahu tentang) anak yang dijadikan oleh Allah dalam kandungan rahim mereka, jika betul mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat. dan suami-suami mereka berhak mengambil kembali (rujuk akan) isteri-isteri itu dalam masa idah mereka jika suami-suami bertujuan hendak berdamai. dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak). Dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya). dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

• Tujuan *al-Amr*

Antara tujuan ayat *al-amr* ialah :

- Doa. Contohnya: “Ya Allah! *Tunjukkan* kami jalan yang benar.”
- Minta tolong. Contohnya: “*Tolong* buka beg itu.” Ayat ini biasanya diguna untuk pendengar yang setara dengan penutur.
- Tunjuk ajar/nasihat. Contohnya: “*Tinggalkan* perbuatan yang tersembunyi yang tidak sesuai dilakukan secara terang.
- Penganugerahan/Syukur. Contohnya:

﴿كُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ﴾

Maksudnya: “*Makanlah* apa yang Allah kurniakan kepada kamu.” (surah al-An‘am:142)

- Kelonggaran. Contohnya: “*Duduklah* di mana-mana awak suka.”
- Penghormatan. Contohnya :

﴿ادْخُلُوهَا بِسَلَامٍ آمِنِينَ﴾

Maksudnya “*Masuklah* ke dalamnya dengan aman sejahtera.”

Mendidik. Contohnya: “*Makanlah* apa yang terdekat denganmu dahulu.”

- Cabaran melemahkan. Contohnya :

﴿فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ﴾

Maksudnya: “Maka *bawakanlah* satu surah yang serupa dengannya.” (surah al-Baqarah:23)

- Ugutan. Contohnya:

﴿اعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ﴾

Maksudnya: “*Buatlah* apa yang kamu suka, Allah maha melihat apa yang kamu lakukan.” (surah Fuṣṣilat:40)

- Penghinaan:

﴿كُونُوا حِجَارَةً أَوْ حَدِيدًا﴾

Maksudnya: “*Jadilah* kamu batu atau besi.” (surah al-Isrā’:50)

- Mengangankan: “Hai malam yang panjang, *cepatlah* engkau beredar.”
- Pilihan: “Untuk meningkatkan kesihatan, *makanlah* buah-buahan tempatan atau buah-buahan import.” (Mohd Zaki Abdul Rahman, 2013:32).

b) *Ayat al-nahy* (النهي)

• Definisi

Al-Nahy ialah larangan atau tegahan dari melakukan sesuatu perbuatan daripada pihak yang lebih tinggi kepada pihak yang lebih rendah.

• Bentuk *al-nahy*

Ayat *al-nahy* dapat dikenali melalui satu bentuk sahaja. Iaitu kata kerja kala kini yang digunakan bersama huruf *lam nahy*. Contohnya:

﴿وَلَا تَقْرُبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا﴾

Maksudnya : “Dan janganlah kalian mendekati zina; Sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. dan suatu jalan yang buruk.” (Surah al-Isrā’:32)

• Tujuan ayat *al-nahy*

Antara tujuan ayat-ayat *al-nahy* adalah untuk:

- Doa: Ayat larangan ini digunakan dari pihak yang rendah kepada pihak yang lebih tinggi. Contohnya:

﴿... رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ كُنَّا سَافِرِينَ وَلَا تَحْزَنْهُمْ قُلُوبُنَا...﴾

Maksudnya: “Wahai Tuhan kami, janganlah engkau mengambil kira setiap apa yang kami lupa atau kami tersalah.”

- Minta kerjasama: biasanya digunakan bagi pendengar yang setara dengan penutur.

Contohnya: Apabila kita memberitahu kawan kita:

” (لَا تَسْبِقْنِي)

“Jangan mendahuluiku

- Mencela/menempelak. Contohnya:

﴿وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu mencampur adukkan antara yang benar dan yang salah dengan menyembunyikan kebenaran sedangkan kamu mengetahui.”

- Nasihat. Contohnya: “Janganlah kamu berdusta dalam berkata-kata.”
- Memujuk. Contohnya: “Janganlah engkau bersedih kerana Allah sentiasa bersama kita.”
- Ugutan: Larangan ini memerlukan pendengar faham akan maksud berlawanan yang dikehendaki oleh penutur. Contohnya: “Jangan buat nanti saya akan pukul”
- Mengangankan. Contohnya: “Janganlah dilindungi cahayamu wahai bulan.”

c) **Al-istifhām (الاستفهام)**, iaitu tanya.

• Definisi

Ayat *al-istifhām* adalah pertanyaan yang digunakan untuk mendapat maklumat yang belum diketahui.

• Adat al-istifham

Perkataan (lafaz) untuk bertanya atau *adat al-istifhām* itu sangat banyak. Antaranya dua yang utama:

i - Hamzah: digunakan untuk menanyakan dua perkara:

- *Taşşawur* : Digunakan untuk menentukan antara dua perkara yang tidak kita ketahui situasinya yang sebenar. Contohnya: أَيْهِمَا أَصْعَبُ اللُّغَةُ الْعَرَبِيَّةُ أَوْ اللُّغَةُ الْمَنْدَرِينِيَّةُ
Maksudnya :Bahasa Arab atau bahasa Mandarin yang susah? Dalam hal ini kita ingin tahu yang mana susah. Jawabannya adalah dengan menentukan salah satu sama ada bahasa Arab atau bahasa Mandarin seperti: . اللُّغَةُ الْمَنْدَرِينِيَّةُ .
- *Taşdiq*: Digunakan untuk menanyakan kepastian hakikat satu perkara yang kita ketahui. Contohnya kita belum mengetahui bahawa ustaz akan datang. Bagi memastikannya kita bertanya, adakah ustaz telah datang?

أَجَاءَ الْأُسْتَاذُ؟

Jawapannya adalah dengan ya atau tidak.

ii - Hal: kata tanya digunakan untuk meminta *tasdīq* (kepastian). Contohnya:

هَلْ يَسْتَعِدُّ أَحْمَدُ لِلْإِمْتِحَانِ

Maksudnya : Adakah Ahmad bersedia untuk menghadapi peperiksaan?

Jawapannya adalah dengan ya atau tidak.

• Tujuan Pertanyaan

Tujuan *balaghiyy istifham* sangat banyak dan mempunyai tujuan yang tertentu. Makna asal *al-istifham* ialah meminta keterangan sesuatu Yang belum diketahui. Namun begitu, gaya bahasa *al-istifham* ini boleh terkeluar daripada maksud asal apabila terdapat petunjuk / tanda menunjukkan maksud lain. Ia dikenali sebagai makna *majazi* atau *balaghi* dan ia

difahami oleh pendengar melalui struktur ayat yang diungkapkan. Makna balaghi dibahagikan kepada makna berikut:

- i. **Pertanyaan hairan:** laras takjub digunakan untuk melahirkan rasa hairan terhadap perkara yang ditanya. Sebagai contoh:

وَتَفَقَّدَ الطَّيْرَ فَقَالَ مَا لِيَ لَا أَرَى الْهَدْهَدَ أَمْ كَانَ مِنَ الْغَائِبِينَ ﴿٦٠﴾

Maksudnya: “Dan (setelah itu) Nabi Sulaiman memeriksa kumpulan burung (yang turut serta Dalam tenteranya) lalu berkata: “Mengapa Aku tidak melihat burung belatuk? Adakah ia dari mereka yang tidak hadir?”

- ii. **Pertanyaan ancaman** seperti:

أَمْ أُوَدِّبُ فَلَانًا؟

Maksudnya: “Adakah aku tidak sempat mengajar orang itu?”

- iii. **Pertanyaan pengakuan:** laras pertanyaan taqir digunakan untuk mendapatkan pengakuan orang yang ditanya. Seperti contoh berikut:

أَلَمْ نَحْجِدْكَ يَتِيمًا فَآوَىٰ ﴿٦١﴾

Maksudnya: “Bukankah Dia mendapati Engkau yatim piatu, lalu Ia memberikan perlindungan?”

- d) Seruan, *al- nidā'* (النداء)

• **Definisi**

Seruan ialah permintaan seorang penutur untuk menarik perhatian pendengar dengan menggunakan kata seruan. Contohnya: يَا مُحَمَّدُ ertinya, “Wahai Muhammad.”

• Huruf *al- nidā'*

Huruf *nidā'* dapat dibahagikan kepada dua, iaitu huruf *nidā'* yang digunakan untuk memanggil sesuatu yang dekat dan huruf *nidā'* yang digunakan untuk memanggil sesuatu yang jauh. Huruf *nidā'* yang digunakan untuk jarak dekat adalah:

- Huruf hamzah. Contohnya: أَبَيَّ. Maksudnya: wahai anakku.
- Kata أَي. Contohnya: أَي بني. Maksudnya: Wahai anakku.

Antara huruf *nidā'* yang digunakan untuk jarak jauh adalah:

- Huruf يَا. Contohnya: يَا الله. Maksudnya: Wahai tuhan, wahai Allah.

• Tujuan seruan

Antara tujuan seruan (*nidā'*) adalah untuk menunjukkan :

- Dukacita dan simpati . Contohnya dalam firman Allah:

﴿أَنْ تَقُولَ نَفْسٌ يَحْسَرْتُنِي عَلَى مَا فَرَطْتُ فِي جَنْبِ اللَّهِ
وَإِنْ كُنْتُ لَمِنَ السَّخِرِينَ﴾

"(Diperintahkan demikian) supaya jangan seseorang (menyesal dengan) berkata: `

sungguh besar sesal dan kecewaku kerana Aku telah mencuaikan kewajipan-kewajipanku terhadap Allah serta Aku telah menjadi dari orang-orang yang sungguh memperolok-olokkan (ugama Allah dan penganut-penganutnya)

- Takjub atau keterujaan. Contohnya dalam ayat:

يَا اللَّهُ، أَفِي يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ تَخْتِمُ الْقُرْآنَ

Maksudnya : Ya Allah dalam masa sehari semalam kamu mengkhataam al-Quran

e) *Al-Tamanni* (التمني)

• **Definisi**

Al-tamanni adalah permintaan terhadap sesuatu perkara yang mustahil dan ia adalah impian yang mustahil (Fadl Hassan ‘Abbas :1989)

Contohnya: كَيْتَ الشَّبَابُ يَعُودُ يَوْمًا ertinya, “Semoga usia muda kembali lagi suatu hari.”

• **Lafaz/ adawat al-tamanni**

Lafaz *al-tamanni* yang banyak digunakan adalah كَيْتَ. Contohnya seperti di atas.

ii. *Al-Insyā’ Ghayr al-Talabiy*

Ayat ini adalah ayat yang digunakan bukan untuk meminta sesuatu perkara untuk dilakukan. Jenis ayat ini ialah:

a. *Al-qasam* (القسم) iaitu sumpah.

Contohnya: مَا فَعَلْتُ الْمُنْكَرَ وَاللَّهِ bermaksud, “Demi Allah saya tidak buat kemungkaran.”

b. *Al-ta’ajub* (التعجب) iaitu ayat kagum.

Contohnya: مَا أَجْمَلَ السَّمَاءَ bermaksud, “Alangkah indahny langit.”

c. *Al-madh* (المدح) dan *al-dhammu* (الذم) iaitu ayat pujian dan kejian.

Contohnya:

i) Pujian – نَعَمَ الرَّجُلُ أَبُو بَكْرٍ bermaksud, “Sebaik-baik lelaki ialah Abu Bakar.”

ii) Kejian – بئسَ الرَّجُلُ أَبُو لَهَبٍ bermaksud, “Sejahat-jahat lelaki ialah Abu Lahab.”

d. *Kam al-khabariyyat* (كم الخبرية) iaitu ayat yang membawa makna betapa banyak.

Contohnya: كَمْ مِنْ فَضْلٍ لَهُ bermaksud, “Betapa banyaknya kelebihan yang ada padanya.”

- e. *Siagh al-‘uqūd* (صيغ العقود) iaitu ucapan akad dan *ijab qabul*.

Contohnya: “Saya jualkan baju ini kepada awak.” (بِعْتُكَ هَذَا الثَّوبَ)

2.3. *Al-Qasr* (القصر)

a. Definisi

Al-Qasr pada bahasa adalah (الْخُبْسُ) iaitu penahanan atau pengurangan. *Al-Qasr* pada istilah adalah mengkhususkan sesuatu perkara dengan perkara lain dengan cara tertentu. Sibawaih telah mentakrifkan *al-qasr* sebagai mengkhususkan perkataan sebelum ‘إِلَّا’ dengan perkataan selepasnya dan menolak makna yang selain daripada itu. (Dipetik daripada Faḍl Ḥassan ‘Abbas:1987).

b. Partikel *al-Qasr*

Ayat-ayat *al-qasr* boleh dibuat dengan menggunakan partikel yang telah ditentukan seperti:

- i. *Al-naḥi* dan *al-istithna*’ (مَا & إِلَّا)

Contoh: مَا مُسَافِرٌ إِلَّا أَجِي. maksudnya “hanya saudara saya musafir.”

- ii. *Innamā* (إِنَّمَا). Contoh:

﴿...وَأِنَّمَا أَنَا نَذِيرٌ مُّبِينٌ﴾

“saya hanyalah orang yang memberi peringatan.” (Surah Al-Ankabut, 29:50)

- iii. ‘*Atf* dengan لَا, بَلْ, dan لَكِنْ. Contohnya: السَّيَّارَةُ مُتَحَرِّكَةٌ لَا ثَابِتَةٌ.

Maksudnya: Kereta itu bergerak tidak berhenti.

- iv. Mendahulukan yang kemudian: Contohnya: إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ.

Maksudnya: Hanya kepada-Mu kami sembah dan memohon pertolongan.

2.4. *Al-Faṣl* (الفصل) dan *Al-Waṣl* (الوصل)

Tajuk ini membincangkan mengenai penggunaan *harf al-a 'taf*, iaitu *waw*.

1 - *Al-Faṣl*

a. Definisi *Al-Faṣl*

Al-faṣl (الفصل) dari segi bahasa ialah *al-masdar* kepada kata kerja فصل yang membawa maksud memotong atau memisahkan kepada beberapa bahagian. Definisi dari segi istilah pula adalah dua ayat yang tidak dia 'tafkan dengan *waw* atau tiada huruf *waw* di dalamnya . (Al-Hashimy:214:2008).

b. Tempat *Al-Faṣl*

Al-Faṣl (الفصل) berlaku pada tempat-tempat berikut:

- Dua ayat yang bersambung sempurna. Hal ini bermakna ayat kedua bersambung dengan ayat pertama secara sempurna. (Al-Hashimy: 2008: 224)

Contohnya:

﴿وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَمَدَّكُمْ بِمَا تَعْلَمُونَ ﴿١٣٢﴾ أَمَدَّكُمْ بِأَنْعَمٍ وَبَنِينَ ﴿١٣٣﴾﴾

Maksudnya: "Dan berbaktilah kamu kepada Allah yang telah menolong kamu dengan pemberian nikmat-nikmatNya yang kamu sedia mengetahuinya."Diberinya kamu binatang-binatang ternak (yang biak) serta anak-pinak (yang ramai), (Surah Al-syu 'ara':132-133)

- Dua ayat bersambung separuh sempurna. Ini bermaksud ayat yang kedua merupakan jawapan kepada soalan yang difahami dari ayat pertama (Al-Hashimy: 2008: 224). Contohnya:

﴿وَمَا أُبَرِّئُ نَفْسِي إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ﴾

Maksudnya: "Dan tiadalah aku berani membersihkan diriku; sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan. (Surah Yusuf:53).

Dalam hal ini, ayat *وَمَا أُبْرِئُ نَفْسِي* merupakan jawapan kepada ayat *إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ*.

- Dua ayat yang terputus secara sempurna. (Al-Hashimy: 2008: 224). Contoh:

﴿وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ﴾

Maksudnya: Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu. (Surah al-Anfal: 60)

- Dua ayat yang terpotong secara sempurna. Ayat yang kedua ialah *تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ* Terpotong di sini bermaksud ayat yang pertama dan kedua merupakan jenis ayat yang berlainan. Ayat pertama merupakan ayat jenis insyayi manakala ayat kedua merupakan jenis *khabariy*.
- Dua ayat yang terputus separuh sempurna. Dalam hal ini, terdapat satu ayat utama yang mempunyai dua ayat kecil. Ayat yang pertama dari kedua ayat ini harus dimasukkan huruf 'atf. Manakala ayat kedua tidak perlu dimasukkan huruf 'atf. (Fadl Hassan 'Abbas:1989). Contohnya :

أَتَحْسَبُ أَنَّنِي نَسَى وَطَنِي! أَوَكَيْدُ أَنَّكَ مُخْطِئٌ

Maksudnya: Adakah engkau menyangka aku melupakan tanah airku! Aku tegaskan bahawa engkau sudah tersalah. Dalam contoh ini, ayat *أَوَكَيْدُ* mungkin boleh dimasukkan huruf 'atf di depannya dan menjadi: *وَأَوَكَيْدُ أَنَّكَ مُخْطِئٌ* kerana ini

merupakan maknanya yang sebenar tetapi dalam penggunaanya disini diabaikan ‘atf itu kerana akan merosakkan makna.

2 - Al-Waṣl (الوصل)

a. Definisi Al-Waṣl (الوصل)

Al-waṣl (الوصل) dari segi bahasa merupakan kata terbitan daripada kata kerja (وصل) yang bermaksud menghimpunkan atau menyambung. Manakala dari segi istilah Al-waṣl bermaksud *dia’atfkan* satu ayat dengan ayat yang lain dengan huruf ‘atf iaitu huruf (و). (Al-Hashimy:214:2008)

b. Tempat Al-Waṣl (الوصل)

Al-Waṣl (الوصل) berlaku pada tempat-tempat berikut:

- Dua ayat yang sama bentuk sama ada keduanya berbentuk *khabariy* atau *insyā’i*. Contoh:

﴿إِنَّ الْأَبْرَارَ لَفِي نَعِيمٍ﴾ ﴿وَإِنَّ الْفُجَّارَ لَفِي حَرِيمٍ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya: orang-orang yang berbakti (dengan taat dan amal kebajikan), tetap berada dalam Syurga yang penuh nikmat;. Dan sesungguhnya orang-orang yang bersalah, bertempat dalam neraka yang menjulang-julang. (Surah al-Infitaar:13-14)

- Dua ayat yang sekiranya berlaku *fasl* atau tidak disebut *waw*, ia akan menyebabkan kekeliruan dan maksud yang berbeza. Contohnya apabila kita ditanya oleh sahabat kita seperti berikut:

”هَلْ تُرِيدُ مِنِّي شَيْئًا؟ فَتَقُولُ: لَا، وَبَارَكَ اللَّهُ فِيكَ“

Maksudnya: Adakah kamu memerlukan sesuatu dari saya? Maka kita menjawab: Tidak, semoga Allah memberkati kamu. Dalam contoh ini, lafaz لا merupakan ayat khabari kerana taqdirnya ialah: لَا أُرِيدُ شَيْئًا. Maksudnya: saya tidak memerlukan sesuatu. Manakala ayat

kedua **بَارَكَ اللَّهُ فِيكَ** pula merupakan ayat *insyā'i* kerana ia merupakan doa. Sepatutnya berlaku *fasl* di sini kerana kedua ayat ini berbeza bentuk. Namun apabila berlaku *fasl* iaitu dengan membuang huruf *waw'atf*, akan berlaku kekeliruan bahawa ayat itu dari bentuk yang sama bahkan membawa makna sebaliknya iaitu **لَا بَارَكَ اللَّهُ فِيكَ** yang memberi maksud semoga Allah tidak memberkati kamu. Jadi, kekeliruan ini dihilangkan dengan wujudnya huruf *'atf waw* tadi. Hal ini bagi menjelaskan maksud sebenar ayat.

2.5. **Ījāz (إيجاز), Iṭnāb (إطناب) dan al-Musāwāt (مساواة)**

Dari segi bahasa *ījāz* membawa erti pemendekan, *iṭnāb* bermaksud penambahan, manakala *al-musāwāt* memberi makna kesaksamaan. Ketiga-tiga bentuk gaya bahasa *ījāz* dan *iṭnāb* adalah daripada ilmu *ma'āni* yang mempunyai makna yang berbeza. Dengan kata lain, *ījāz* adalah lawan kepada *iṭnāb* manakala *al-musāwāt* pula adalah kalam yang bukan keduanya, iaitu kalam bukan *ījāz* dan bukan *iṭnāb*.

Ījāz sebagaimana yang didefinisikan oleh Qudamah dan Ibn Sinan ialah perkataan yang disampaikan lebih sedikit berbanding makna yang ingin disampaikan. (Faḍl Ḥassan 'Abbas, 1989). Maksudnya ialah sesuatu makna yang boleh diolah dengan menggunakan banyak perkataan, tetapi diolah dengan perkataan yang ringkas. Menurut Khatib al-Qazwini (1985:280), *ījāz* ialah penyampaian maksud daripada sesuatu percakapan dengan olahan yang ringkas dan berpada. Contoh *ījāz* sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Āli-Imrān ayat 59:

﴿إِن مِّثْلَ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمِثْلِ ءَادَمَ ۖ خَلَقَهُ مِن تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ۝﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya perbandingan kejadian Nabi Isa disisi Allah adalah sama seperti kejadian Nabi Adam AS, Allah telah menciptakan Adam daripada tanah lalu berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" maka menjadilah ia.”

Penerangan yang ringkas ini telah dapat memberi jawapan yang tepat tentang asal kelahiran Nabi Isa AS dan Nabi Adam AS, walaupun sepatutnya ia memerlukan dilahirkan tanpa bapa dan ibu. Walau bagaimanapun, kelahiran mereka adalah sama di sisi Allah SWT. Jawapan yang ringkas ini sekali gus menolak hujah yang mengatakan bahawa Nabi Isa AS adalah anak Allah SWT.

Itnāb pula ialah penyampaian maksud dengan menggunakan perkataan yang lebih atau banyak tetapi membawa makna yang sedikit. (Al-Hashimy:240:2008)

Daripada pentakrifan ini, dapatlah disimpulkan bahawa *tjāz* mempunyai makna yang berlawanan dengan *itnāb* iaitu ringkasan sesuatu maksud yang dikehendaki dalam sesuatu percakapan ialah *tjāz* dan yang di sebaliknya ialah *itnāb*. Secara ringkasnya dapatlah difahamkan bahawa *tjāz* berfungsi dengan sedikit perkataan sahaja dan *itnāb* pula berfungsi dengan menggunakan banyak perkataan. Contoh *itnāb* dalam firman Allah:

﴿فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ الشَّيْطَانُ قَالَ يَتَّعَادُمْ هَلْ أَدُلُّكَ عَلَى شَجَرَةِ الْخُلْدِ وَمُلْكٍ لَّا يَبْلَىٰ﴾

Maksudnya: *Setelah itu maka Syaitan membisikkan (hasutan) kepadanya, dengan berkata: “Wahai Adam, mahukah, aku tunjukkan kepadamu pohon yang menyebabkan hidup selama-lamanya, dan kekuasaan yang tidak akan hilang lenyap?”* (Surah Taha: 120)

Dalam contoh tersebut ayat فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ الشَّيْطَانُ telah diperincikan dengan ayat selepasnya.

Sebenarnya penggunaan gaya bahasa *tjāz* dan *itnāb* dalam perumpamaan al-Quran al-Karim adalah bergantung kepada maksud yang ingin disampaikan oleh ayat itu sendiri. Ada keadaan yang tidak memerlukan kepada penghuraian lanjut yang cukup dengan *tjāz* sahaja dan ada hakikat yang susah untuk memerlukan kepada *tjāz* sahaja dan ada hakikatnya yang

susah untuk diterima dan memerlukan kepada *iṭnāb* untuk mencapai keberkesanan mesej yang disampaikan (Azhar Muhammad, 1997).

Adapun *al-musāwāt* pula gaya bahasa yang menunjukkan makna asal percakapan (kalam) yang didatangkan dalam bentuk yang sama dengan makna yang asal dimaksudkan tanpa penambahan atau pengurangan lafaz (Aiman Amin, 2011:394). Contohnya, kita boleh lihat kepada pengurangan dalam kisah Nabi Allah Khaidir AS dan Musa AS dalam surah al-Kahfi 18:66-78, menceritakan bagaimana amaran pertama Nabi Khaidir AS kepada Nabi Musa AS sebelum mereka memulakan perjalanan bersama dalam ayat 67:

﴿قَالَ إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا﴾

Baginda menjawab: “*Sesungguhnya kamu sekali-kali tidak akan sanggup sabar bersama aku.*”

Ayat ini menjelaskan makna asal yang dimaksudkan tanpa ada padanya penambahan atau pengurangan kata (*tjāz* dan *iṭnāb*) dalam memahami pendengar dan pembaca. Hal ini juga sama keadaannya dengan yang berlaku dalam ayat yang berikutnya yang memberi makna asal tanpa penambahan dan pengurangan ketika mana Musa AS membuat bantahan pertamanya ketika Khaidir AS membakar kapal (Aiman Amin, 2011:410). Dalam surah tersebut juga, ayat 72:

﴿قَالَ أَلَمْ أَقُلْ إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا﴾

Baginda (Khaidir) berkata: “*Bukankah aku telah berkata: ‘Sesungguhnya kamu sekali-kali tidak akan sabar bersama dengan aku.’*”

Tetapi berlainan pula pada ayat yang berikutnya ketika Musa AS membantah buat kali yang kedua ketika Khaidir AS membunuh seorang budak pada ayat 75:

﴿قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَّكَ إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا﴾

Khaidir berkata: “*Bukankah sudah kukatakan kepadamu, bahawa sesungguhnya kamu tidak akan dapat sabar bersamaku?*”

Dengan penambahan frasa **لَكَ** pada ayat tersebut telah memberi penambahan dan ayat ini tergolong dalam gaya bahasa *itnāb* yang memberi makna tambahan kepada ayat asal yang telah dikemukakan sebelum itu, iaitu arahan atau amaran pertama yang telah Nabi Khaidir AS telah sebut sebelum mereka memulakan perjalanan pada ayat 64 surah al-Kahfi (Aiman Amin, 2011).

﴿قَالَ ذَٰلِكَ مَا كُنَّا نَبْغِ فَأَرْتَدَّا عَلَىٰٓءِثَارِهِمَا قَصَصًا﴾

Baginda menjawab: “*Sesungguhnya kamu sekali-kali tidak akan sanggup sabar bersama aku.*”

2.6. *Al-musnad dan Al-musnad ilaiyh*

Al-musnad ialah apa yang dibincangkan di dalam sesuatu ayat. *Al -musnad* terdiri daripada khabar (الخبار), kata kerja *tam* (الفعل التام), khabar bagi kata kerja nawasikh (أخبار النواسخ), kata terbitan yang berfungsi menggantikan kata kerja (المصدر نائب عن الفعل). *Al-musnad* boleh disebut (الذكر) atau digugurkan (الحذف), berbentuk *ma'rifah* (التعريف) atau *nakirah* (التنكير), boleh didahulukan (التقديم) atau diakhirkan (التأخير) dan sebagainya. (al-Hasyimi:131)

Al-musnad ilayh ialah perkara yang menjadi topik perbincangan. *Al-musnad ilaiyh* terdiri daripada muftada' yang mempunyai khabar (المبتدأ له خبر), kata pelaku (فَاعِل), pengganti *fa'il* (نائب الفاعل) dan kata nama bagi kata kerja nawasikh (أَسْمَاءُ النَّوَاسِخ). *Al-musnad ilayh* boleh disebut (الذكر) atau digugurkan (الحذف), *ma'rifah* (التعريف), berbentuk *nakirah* (التنكير).

(التنكير), boleh didahulukan (التقديم) atau diakhirkan (التأخير) dan sebagainya. (al-Hasyimi: 99)

2.6.1. Ayat Namaan (*Al-Jumlat al-Ismiyyah*) dan Ayat Kerjaan (*al-Jumlat al-Fi'liyah*)

Ayat namaan ialah susunan ayat yang terdiri atas *mubtada'* (subjek) dan *khavar* (predikat), sebagai contoh ayat مُحَمَّدٌ نَائِمٌ. Perkataan مُحَمَّدٌ merupakan *mubtada'* (subjek) manakala perkataan نَائِمٌ adalah *khavar* (predikat). Fungsi ayat namaan adalah untuk menetapkan sesuatu hukum pada sesuatu perkara.. Jika khabarnya berbentuk *fi 'il*, maka ia mengandungi makna waktu (lampau, sekarang, atau yang akan datang).

Manakala ayat kerjaan pula merupakan susunan perkataan yang terdiri dari kata kerja (فِعْلٌ) dan pelaku (فَاعِلٌ) dalam ayat aktif atau kata kerja (فعل) dan kata ganti pelaku (نَائِبُ الْفَاعِلِ) dalam ayat pasif. Contoh ayat kerjaan ialah ذَهَبَ مُحَمَّدٌ إِلَى الْمَدْرَسَةِ. Ayat ini mengandungi makna sempadan waktu sama ada lampau, sedang ataupun akan datang. Setiap kata kerja hanya ada satu sempadan waktu. Waktu pada kata kerja tidak perlu ada *qarīnah lafẓiyyah* tetapi pada kata nama perlu *qarīnah lafẓiyyah*. Contoh kata kerja (فعل) dan kata ganti pelaku (نَائِبُ الْفَاعِلِ) dalam ayat pasif (كُتِبَ الْخُطَابُ) ia menunjukkan pelaku tidak hadir dan menggantikan fungsinya dengan kata ganti pelaku. Ia juga berkait dengan masa bergantung kepada kata kerja yang digunakan.

Antara keistimewaan dan fungsi ayat namaan diringkaskan sebagaimana berikut:

- a. Ketetapan.

Contohnya: مُحَمَّدٌ صَادِقٌ (Muhammad seorang yang benar)

- b. Berterusan dan berlanjutan.

Contohnya: اللَّهُ رَحِيمٌ (Allah Maha Penyayang)

c. Khusus.

Contohnya: الْجَنَّةُ لِلْمُتَّقِينَ (Syurga untuk orang yang bertaqwa)

d. Menyeluruh.

Contohnya: الْمَاءُ ضَرْوْرَةٌ لِلْحَيَاةِ (Air sangat penting kepada kehidupan)

Manakala keistimewaan dan fungsi ayat kerjaan pula ialah:

a. menunjukkan berlakunya sesuatu peristiwa dan kejadian

Contohnya: فَتَحَ أَحْمَدُ الْبَابَ (Ahmad telah membuka pintu)

b. menunjukkan berlaku sesuatu pembaharuan dan perubahan.

Contohnya: أَصْبَحَ مُحَمَّدٌ مَلِكًا (Muhammad telah menjadi seorang raja).

2.6.2. Pendepanan (*Al-Taqdīm*) dan Pengakhiran (*al-Ta'khīr*)

Kedua-dua proses ini berkait rapat dengan susunan kata di dalam sesuatu ayat yang melibatkan berdasarkan makna yang ingin disampaikan. Sesuatu ayat itu mengandungi perkataan yang sama, tetapi berbeza dari aspek bentuk dan susunan katanya terhadap seorang pendengar dengan pendengar yang lain. *Al-taqdīm* ialah mendahulukan kata dalam susunan ayat, sementara *al-ta'khīr* ialah mengkemudiankannya. Perkara ini berlaku mengikut balaghah adalah semata-mata untuk menambah nilai makna yang ingin disampaikan dan pada masa yang sama menjadikan susunan kata lebih indah (al-Marāghiy, 1993:100).

Namun setiap proses *al-taqdīm* dan *al-ta'khīr* ini mempunyai faedah dan fungsinya tersendiri yang amat banyak mengikut keadaan yang telah dihuraikan oleh para sarjana bahasa Arab. ‘Abduh Abd al-‘Aziz Qalqūlah (1987) telah merumuskan dengan ringkas

tentang fungsi *taqdīm al-musnad ilayh* seperti berikut (‘Abduh Abd al-‘Aziz Qalqālah, 1987:204-209):

- a. Memperkukuhkan berita dalam minda pendengar kerana terdapat unsur tarikan dalam *al-mubtada*. Contohnya: الصَّبْرُ مِنَ الْإِيمَانِ maksudnya: Sabar itu sebahagian dari iman.
- b. Menyegerakan kegembiraan atau kesedihan dengan mendahulukan *al-musnad ilayh*. Contohnya: التَّجَاحُ حَلِيفُكَ maksudnya: Kejayaan bersamamu.
- c. Harapan mendapat keberkatan. Contohnya: اسْمُ اللَّهِ أَهْدَيْتُ بِهِ maksudnya: Aku mendapat petunjuk dengan Allah SWT.
- d. Menyegerakan mohon sesuatu. Contohnya: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ maksudnya: Kesejahteraan ke atas kamu.
- e. Menyerlahkan pengagungan atau penghinaan. Contohnya: اللَّهُ غَايَتُنَا maksudnya: Allahlah tujuan kami.

Sepertimana di atas, terdapat juga keadaan tertentu bagi *al-musnad* didahului ke atas *al-musnad ilayh*. Seperti yang diketahui, kedudukan *al-musnad* yang sebenar adalah di belakang *al-musnad ilayh*. Antara fungsi didahulukan *al-musnad* ialah:

- Mengkhususkan *al-musnad ilayh*. Contohnya: لِلَّهِ الْحَمْدُ. Maksudnya: Bagi Allah segala pujian. Dalam contoh ini lafaz Allah merupakan *al-musnad* yang didahulukan. Lafaz ini didahulukan bagi mengkhususkan *al-musnad ilayh* iaitu lafaz *al-hamd* (pujian) hanya bagi Allah semata-mata. Tidak layak pujian itu bagi selain-Nya.

- Memberi perhatian kepada khabar. Contoh: لَنَا مُصَلَّى فِي الْقُدْسِ. Maksudnya: Kami mempunyai tempat solat di *al-Quds*. Dalam contoh ini, lafaz (لَنَا) merupakan *al-musnad* yang menjadi khabar di dalam ayat.

2.6.3. Penyebutan (*al-Dhikr*) dan Pengguguran (*al-Hadhf*)

Dua perkara ini berkait rapat dengan komponen ayat *al-musnad ilayh* dan *al-musnad* iaitu subjek, prediket, *fi 'il* dan *fā 'il*. Penyebutan ialah menyebut *al-musnad ilayh* atau *al-musnad* di dalam sesuatu ayat untuk menyempurnakan makna. Penyebutan ini perlu dilakukan jika tiada sebarang penunjuk bahawa sesuatu dibuang. Namun jika penunjuk (قَرِينَةٌ) sudah wujud dalam ungkapan penyebutan masih boleh dilakukan kerana tujuan-tujuan tertentu seperti untuk memberi penegasan dan penerangan yang lebih jelas kepada pendengar seperti dalam firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah 2:5:

﴿أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya: “Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang berjaya.”

Perkataan (أُولَئِكَ) yang bermaksud ‘merekalah’ disebut pada potongan ayat yang kedua *al-musnad ilayh* ini disebut kali kedua sedangkan ia sudah diketahui melalui ayat yang pertama. Ini adalah bertujuan untuk memberi penegasan dan penerangan mereka itu pastinya akan mendapat kejayaan di akhirat nanti.

Manakala teknik pengguguran ialah tidak menyebut *al-musnad ilayh* atau *al-musnad* dalam sesuatu ayat. Teknik ini dilakukan bergantung kepada dua situasi, pertama ialah kerana sudah wujud penunjuk yang telah mencukupi untuk menyempurnakan makna sesuatu ayat. Manakala situasi yang kedua ialah apabila wujud sesuatu alasan menunjukkan pengguguran

sesuatu kata itu lebih baik dari menyebutnya. Situasi pertama melibatkan aspek nahu dan situasi kedua melibatkan aspek balaghah ('Abd al-'Aziz 'Atiq, 2006:97).

Antara contoh pengguguran dalam al-Quran al-Karim dalam surah al-Dhāriyāt 51:29, ialah:

﴿فَأَقْبَلَتْ امْرَأَتُهُ فِي صَرَةٍ فَصَكَّتْ وَجْهَهَا وَقَالَتْ عَجُوزٌ عَقِيمٌ﴾

Maksudnya: “(Mendengarkan berita yang mengembirakan itu), maka datanglah isterinya sambil menjerit (kehairanan) lalu menepuk mukanya sambil berkata: ‘Aku sudah tua, lagi mandul, (bagaimana aku boleh mendapat anak)?’ ”

Perkataan yang digugurkan di sini ialah أَنَا (aku). Ayat yang lengkapnya ialah وَقَالَتْ أَنَا عَجُوزٌ عَقِيمٌ, tetapi pengguguran di sini tidak menjejaskan maksud ayat. Faḍl Hassān ‘Abbās menyebut bahawa fungsi dan keperluan berlakunya pengguguran *al-musnad ilayh* terdapat persamaan dengan fungsi pengguguran *al-musnad* sehingga ia menjadi kerumitan bagi sesetengah pembaca untuk memahaminya (Faḍl Hassān ‘Abbās, 1997:259). Antara fungsi-fungsi penguguran secara umumnya ialah:

- a. Dalam situasi memuji atau meminta simpati atau mengeji. Contohnya firman Allah SWT : (Ibrahim 14: 1)

﴿الرَّ كَتَبْ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطٍ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ﴾

Maksudnya: Alif, Laam, Raa'. ini ialah Kitab (Al-Quran) Kami turunkan Dia kepadamu (Wahai Muhammad), supaya Engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap-gelita kufur kepada cahaya iman - dengan izin Tuhan mereka - ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji.

Al-Musnad ilayh yang digugurkan boleh diandaikan sebagai al-Quran kerana ia menonjolkan dan memuji kebesaran al-Quran yang membawa hidayah kepada manusia.

- b. Tiada keperluan menyebut *al-musnad ilayh*. Contohnya firman Allah SWT :
(al-Mukminun 23:92)

﴿عَلِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَتَعَلَّىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ﴾

Maksudnya: (Allah) Yang mengetahui segala yang tersembunyi dan yang nyata; maka (dengan yang demikian) Maha Tinggilah keadaannya dari segala yang mereka sekutukan.

Al-Musnad ilayh yang digugurkan di sini dapat diandaikan sebagai Allah SWT kerana ia sudah dimaklumi dengan sifat-sifat keagungan-Nya.

- c. Meringkaskan (*al-i'jāz wa al-ikhtisār*) Contohnya firman Allah SWT : (*al-Nahl* 16:126)

﴿وَإِنْ عَاقَبْتُمْ فَعَاقِبُوا بِمِثْلِ مَا عُوقِبْتُمْ بِهِ ۖ وَلَئِنْ صَبَرْتُمْ لَهُوَ خَيْرٌ لِلصَّابِرِينَ﴾

Maksudnya: Dan jika kamu membalas kejahatan (pihak lawan), maka hendaklah kamu membalas dengan kejahatan yang sama seperti yang telah ditimpakan kepada kamu, dan jika kamu bersabar, (maka) sesungguhnya yang demikian itu adalah lebih baik bagi orang-orang yang sabar.

Andaianya ialah *al-musnad ilayh* yang tidak disebut ialah النَّاسُ dalam ungkapan "عُوقِبْتُمْ بِهِ" bagi frasa "عَاقَبَكُمُ النَّاسُ بِهِ".

- d. Sesuatu yang sudah diketahui oleh pendengar. Contohnya firman Allah SWT : (*Al-Anbiya* '21 : 37)

﴿خُلِقَ الْإِنْسَانُ مِنْ عَجَلٍ ۚ سَأُورِيكُمْ آيَاتِي فَلَا تَسْتَعْجِلُونِ﴾

Maksudnya: *Jenis manusia dijadikan bertabiat terburu-buru dalam segala hal; Aku (Allah) akan perlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaan-Ku; maka janganlah kamu meminta disegerakan (kedatangannya).*

Al-Musnad ilayh yang digugurkan di sini ialah sesuatu yang sudah diketahui iaitu pencipta sekalian manusia, Allah SWT.

Fungsi ini dinyatakan secara umum dan ia bergantung kepada konteks ayat untuk membezakan kedua-duanya secara tepat.

2.6.4. *Al-Ta'rīf dan al-Tankīr*

Al-tankīr dan *al-ta'rīf* merupakan dua komponen perkataan yang diguna pakai di dalam bahasa Arab dalam membentuk ayat. Fungsi *al-ta'rīf* secara menyeluruh ialah menunjukkan sesuatu itu dikenali dan lebih khusus dari *nakirah*. Setiap apa yang bersifat khusus lebih sempurna makna yang dikehendaki ('Abduh 'Abd al-'Aziz Qalqilah, 1987:210). Sesuatu lafaz *nakirah* (umum) boleh bertukar menjadi *ma'rifaṭ* (khusus) dengan beberapa cara seperti:

a. *al-ta'rīf bi al-idhmar*. Contohnya:

﴿وَإِنْ كَانَ طَائِفَةٌ مِّنْكُمْ ءَامَنُوا بِالَّذِي أُرْسِلَتْ بِهِ ۖ وَطَائِفَةٌ لَّمْ يُؤْمِنُوا فَاصْبِرُوا
حَتَّىٰ تَحْكُمَ اللَّهُ بَيْنَنَا ۚ وَهُوَ خَيْرُ الْحَاكِمِينَ﴾

Maksudnya: "Dan jika ada segolongan dari kamu beriman kepada wahyu (perintah-perintah Allah) Yang Aku telah diutuskan untuk menyampaikannya, dan segolongan lagi tidak beriman, maka sabarlah sehingga Allah menjalankan hukumNya di antara kita semua, dan Dia lah jua sebaik-baik hakim".(*A'raf* 7 : 87)

b. *al-ta'rīf bi al-a'alamiyyat*. Contohnya:

﴿وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa Dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada Kami (amal kami); Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui; (Al-Baqarah 2: 127)

c. al-ta'rif bi al-mauṣul. Contohnya: (Surah al-Haj 22:50)

﴿فَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ هُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ﴾

Maksudnya: Maka orang-orang yang beriman dan beramal soleh akan beroleh keampunan dan limpah kurnia yang mulia.

d. al-ta'rif bi al-'isyārat. Contohnya: (Surah Qaf 50: 20)

﴿وَنُفِخَ فِي الصُّورِ ذَلِكَ يَوْمُ الْوَعِيدِ﴾

Maksudnya: Dan lagi (apabila sampai saat yang ditentukan) ditiuplah sangkakala (untuk menghidupkan semula makhluk-makhluk yang telah mati); saat itu ialah hari berlakunya amaran yang telah diberikan.

e. al-ta'rif bi 'ādat al-ta'rif. Contohnya:

﴿إِنَّا أَرْسَلْنَا إِلَيْكُمْ رَسُولًا شَاهِدًا عَلَيْكُمْ كَمَا أَرْسَلْنَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ رَسُولًا ۖ فَعَصَىٰ فِرْعَوْنُ الرَّسُولَ فَأَخَذْنَاهُ أَخْذًا وَبِيلًا﴾

Maksudnya:

15. Sesungguhnya Kami telah mengutus kepada kamu (Wahai umat Muhammad), seorang Rasul yang menjadi saksi terhadap kamu (tentang orang yang mematuhi

atau menolak seruannya), sebagaimana Kami telah mengutus kepada Firaun seorang Rasul.

16. Maka Firaun menderhaka kepada Rasul itu, lalu Kami menyeksakannya dengan azab seksa yang seberat-beratnya. (Surah Muzammil 73: 15-16)

f. *al-ta 'rīf bi al-idhafat*. Contohnya:

الْأَمِيرُ تَلْمِيزِي

Maksudnya: Gabenor itu pelajar saya

Bagi setiap jenis *al-ma 'rifah* ini mempunyai fungsi dan faedahnya tersendiri mengikut situasi dan konteks ayatnya. Sebagai contoh *al-ta 'rīf bi 'ādāt al-ta 'rīf* yang menggunakan *alif lām* (أل) mempunyai dua jenis atau dua fungsi. Pertama ialah *alif lām* (أل) *al-'ahdiyyat* (العهدية) yang berfungsi menggambarkan sesuatu yang sudah disebut sebelumnya atau yang telah diketahui, contohnya (جاءَ رَجُلٌ فَأَكْرَمْتُ الرَّجُلَ) *al-rajul* yang kedua disebut dalam bentuk *ma 'rifat* kerana ia telah disebut kali pertama dengan *nakirat*.

Manakala yang kedua ialah *alif lām* (أل) *al-jinsiyyat* (الجنسية) yang berfungsi menggambarkan jenis dan ia meliputi semua daripada jenis yang disebut seperti *al-rajul*, *al-mar'at*, *al-insān* dan lain-lain lagi. *Alif lām al-jinsiyyat* ini menggambarkan sesuatu dari jenis yang sama dan bukannya sesuatu yang telah disebutkan sebelumnya ('Abbas, 1997:312-314).

Manakala fungsi *al-ta 'rīf bi al-'isyārat* ialah ('Abduh abd al-'Aziz Qalqilah, 1987:220):

a. Penghinaan dengan isyarat dekat (*al-tahqir bi al-qurb*) sebagaimana firman Allah

Taala dalam Surah al-Furqān 25:41:

﴿... أَهْدَا الَّذِي بَعَثَ اللَّهُ رَسُولًا ۝﴾

Maksudnya: “Inilah orangnya yang diutus oleh Allah sebagai Rasul-Nya.”

- b. Pengagungan dengan isyarat dekat (*al-ta‘zīm bi al-qurb*) sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Isrā’ 17:9:

﴿إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي ... ۝﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam).”

Lafaz *hādha* di dalam kedua-dua contoh di atas merupakan lafaz *al-ma‘rifat* dalam bentuk *ism isyārat*. Walaupun lafaz yang sama tetapi berada dalam ayat berbeza, justeru ia mempunyai fungsi yang berbeza dari aspek maksud yang dikehendaki. Lafaz *hādha* yang pertama membawa maksud penghinaan manakala *hādha* yang kedua membawa maksud pengagungan. (‘Abduh Abdu al-‘Aziz Qalqīlah, 1987:226-227)

Manakala *al-tankīr* juga mempunyai maknanya sendiri yang terkandung di sebalik penggunaannya. Antaranya ialah (Faḍl Ḥassan ‘Abbas:1997: 329-331)

- a. Menggambarkan sesuatu yang banyak (*al-takthīr*). Contohnya, Allah SWT berfirman :

﴿وَإِنْ يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَتْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ وَإِلَى اللَّهِ تُرْجَعُ الْأُمُورُ﴾

Maksudnya: Dan jika mereka mendustakanmu (Wahai Muhammad), maka Sesungguhnya rasul-rasul yang terdahulu sebelummu telah juga didustakan (oleh kaumnya masing-masing). dan (ingatlah), kepada Allah jualah dikembalikan segala urusan.(Surah al-Fatir:4)

Penggunaan *al-tankīr* dalam ayat ini menggambarkan perkataan رُسُلٌ iaitu rasul-rasul yang terdahulu yang ramai.

- b. Menggambarkan sesuatu yang sedikit (*al-taqlīl*). Contohnya Allah SWT berfirman :

..... وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِيَ الشَّاكِرُونَ ﴿٢٠٦﴾

Maksudnya: ..dan sememangnya sedikit sekali di antara hamba-hamba-Ku yang bersyukur.

Ia digunakan untuk menggambarkan konteks sesuatu yang amat sedikit. Perkataan قَلِيلٌ datang dalam bentuk *al-tankīr* yang membawa maksud amat sedikit sekali.

- c. Pengagungan (*al-ta'zīm*). Contohnya dalam al-Quran Allah berfirman:

﴿لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman. (Surah al-Taubah:128).

Penggunaan *al-tankīr* di sini pada perkataan رَسُولٌ iaitu seorang dan satu-satunya rasul yang agung yang berada dalam kalangan kamu.

2.7. Penutup

Pada bahagian ini, dapat disimpulkan bahawa pecahan ilmu *ma'āni* sememangnya amat luas dan jika dibandingkan dengan pecahan ilmu lain dalam balaghah. Ilmu *ma'āni* merupakan bahagian ilmu balaghah yang terpenting dalam membahaskan tujuan-tujuan percakapan

yang berlandaskan kepada kesesuaian semasa penuturan dan penutur itu sendiri. Penulis hanya menyatakan bahagian yang penting berkenaan kajian yang dibina atas landasan balaghah yang terlibat dalam ayat-ayat ruqyah yang dikaji.

University of Malaya

BAB 3

DARUSSYIFA' DAN RUQYAH

3.0. Pendahuluan

Darussyifa' pada mulanya merupakan nama kepada sebuah bangunan yang menjadi pusat rawatan berasaskan pengubatan secara rohani atau Islam yang dibina oleh Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam bawah naungan Dato' Dr. Haron Din yang merangkap penasihat serta pengasas ilmu pengubatan mengikut konsep Islam.

Pertubuhan bawah seliaan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam ini merupakan sebuah tempat rawatan alternatif yang menggunakan komponen-komponen doa dan ruqyah khusus berpandukan al-Quran al-Karim dan al-Sunnah serta doa *ma'thur* daripada ulama *salafussoleh* iaitu ulama muktabar terdahulu. Pusat ini menempatkan beberapa buah bilik rawatan, dewan kuliah, pejabat pentadbiran pusat serta koperasi Darussyifa' (Amran Kasimin, 1991).

3.1. Darussyifa'

3.1.1. Penubuhan Darussyifa'

Perkataan (Darussyifa') adalah gabungan dua perkataan bahasa Arab iaitu perkataan دَارْ (pusat) dan الشِّفَاءُ (kesembuhan) yang membawa erti Pusat Rawatan atau Klinik Rawatan (Amran Kasimin, 1991).

Bermulanya cadangan membina bangunan Darussyifa' ini setelah bertambahnya pelajar-pelajar Dr. Haron Din dari tahun ke tahun iaitu bermulanya dengan pengambilan pelajar pertama iaitu pada tahun 1977 dan diikuti oleh kumpulan empat orang pada tahun berikutnya. Selepas itu bermulalah pengambilan pelajar secara tersusun pada pengambilan yang kumpulan ketiga iaitu seramai 32 orang (Amran Kasimin, 1991).

Setelah desakan keadaan bilangan yang semakin membesar, beberapa pertemuan dan mesyuarat diadakan maka terbentuklah jawatankuasa dan organisasi Darussyifa'. Dengan kerja keras yang digembeleng oleh jawatankuasa inilah maka terbinalah sebuah pertubuhan yang diberi nama Darussyifa' (Amran Kasimin, 1991).

Pusat rawatan ini telah mula beroperasi pada hari Ahad 17 Mac 1990 bersamaan dengan 1 Ramadan 1411 Hijrah dan dirasmikan oleh Tan Sri Dato' Azman Hashim pada 1 September 1991 bersamaan 22 Safar 1412 Hijrah.

3.1.2. Objektif dan Matlamat

Darussyifa' merupakan sebuah organisasi yang sememangnya berdiri sebagai sebuah pusat rawatan dan latihan serta dakwah yang ditubuhkan dengan matlamat dan objektif yang sangat jauh sebagaimana berikut:

- a. Menyatukan umat Islam di bawah satu semangat persaudaraan Islam.
- b. Meningkatkan kefahaman Islam dikalangan masyarakat Islam untuk mencapai tahap ketaqwaan yang tinggi kepada Allah.
- c. Berusaha untuk menguatkan keyakinan masyarakat Islam tentang ilmu perubatan cara Islam dengan bermatlamatkan untuk meningkatkan keimanan mereka kepada Allah.
- d. Menanam dan menyebarkan hakikat Islam yang sebenar kepada seluruh masyarakat Islam sebagai satu cara hidup yang merangkumi segala aspek kemajuan, pendidikan, kemasyarakatan dan pengubatan.
- e. Bekerjasama dengan mana-mana badan khasnya di Selangor dan amnya di Malaysia yang mempunyai kepentingan yang sejajar dengan objektif persatuan untuk kebajikan dan kemajuan Islam.
- f. Mengambil segala langkah untuk mencapai tujuan di atas.

3.1.3. Pengasas Darussyifa'

Pelopop, pengasas dan merangkap penasihat kepada Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam (Darussyifa') ialah Dato' Dr. Haron bin Din iaitu seorang tokoh ilmunan terkenal di Malaysia. Nama beliau tidak asing lagi kepada rakyat Malaysia bahkan dikenali di negara-negara jiran dengan ketinggian ilmu dan penguasaan bidang pengubatan Islam sekian lama.

Beliau dilahirkan 18 Ogos 1940 di Bohor Mali, Kayang, Perlis. Pendidikan tertinggi beliau ialah ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Syariah dari Fakulti Darul Ulum, Kaherah, Universiti Kaherah. Beliau terlibat secara langsung dalam bidang ilmu pengubatan Islam sejak zaman remaja lagi dan mewarisi ilmu pengubatan Islam daripada bapanya sendiri yang masyhur dengan panggilan Lebai Din pada zamannya. Beliau kemudiannya mempelajari ilmu pengubatan Islam dengan ramai pengamal perubatan di Nusantara, Timur Tengah dan negara-negara lain. Beliau juga merupakan seorang ahli akademik yang berkepakaran kekeluargaan Islam dan bertugas sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ketika menubuhkan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam atau Darussyifa'. Sehingga kini beliau yang cukup aktif dalam memberi rawatan, kuliah perubatan Islam, ceramah agama, diskusi serta memainkan peranan dalam pelbagai perkara dalam masyarakat dikenali di segenap pelusuk bukan sahaja dalam negara bahkan di peringkat antarabangsa. Ketokohan ilmunya tidak dapat dinafikan lagi. Beliau adalah tonggak utama dalam persatuan ini yang bertindak sebagai Tuan Guru kepada ahli-ahli yang terlibat sebagai perawat mahupun pelajar baharu.

3.1.4. Peranan dan Fungsi Darussyifa'

Peranan utama Darussyifa' ialah menjadi sebuah persatuan kebajikan yang berasaskan pengubatan Islam dan memberi khidmat rawatan secara percuma kepada segenap lapisan masyarakat di seluruh Malaysia. Darussyifa' juga menyediakan dan mengadakan kursus dan latihan kepada perawat-perawat pengubatan yang baharu dari masa ke masa demi memenuhi keperluan masyarakat dalam merawat penyakit zahir dan batin yang bertambah dari hari ke hari.

Darussyifa' juga menjalankan aktiviti dakwah dan kefahaman Islam kepada golongan bukan Islam dan *muallaf* yang dijalankan oleh bahagian khas di bawah persatuan ini. Secara peribadi, penulis melihat peranan paling penting yang dipikul oleh Darussyifa' ialah menjauhkan masyarakat serta mengubati mereka daripada bahaya syirik. Sebagaimana yang telah sedia maklum, masyarakat Melayu Islam Malaysia masih lagi terikat serta terikut-ikut dengan fahaman nenek moyang mereka berkenaan adat resam yang ditinggalkan mempunyai unsur khurafat dan syirik kepada Allah SWT. Fahaman atau pegangan ini didominasi dalam perubatan Melayu alternatif yang kebanyakannya mengamalkan campur aduk perubatan Islam dan Melayu Kuno yang mana jelasnya membelakangi syariat Allah.

3.1.5. Kelas Pengajian dan Pengijazahan

Sebagaimana yang telah disebut di atas bahawa Darussyifa' juga menjadi tempat melahirkan perawat-perawat baharu yang menjadi tunjang kepada perubatan Islam dalam masyarakat. Kursus dan latihan yang mengambil masa dalam tempoh setahun pengajian dijalankan pada setiap tahun dengan membuka pendaftaran dan temuduga pada tiap-tiap sesi pengajian. Kursus ini telah bermula pada lebih dua dekad yang lalu iaitu pada 1984.

Bermula dengan hanya seorang pelajar hinggalah lebih dari 400 orang pelajar pada tiap-tiap pengambilan. Selain itu, Darussyifa' telah mengembangkan sayapnya dengan menubuhkan cawangan-cawangan pusat perubatannya hampir di seluruh negara yang juga menawarkan perkhidmatan klinik dan pengajian perubatan Islam yang sama dengan tatacara dan aturan yang telah ditetapkan di pusat Darussyifa'.

Pengajian di Darussyifa' menyediakan silibus yang telah ditetapkan dengan penyemakkan dan pemurnian dibuat sepanjang waktu oleh Tuan Guru sendiri dan juga ahli jawatankuasa agar ia tidak terpesong daripada syariat. Perkara demikian sememangnya menjadi penekanan penting oleh Tuan Guru dalam menyampaikan ilmu pengubatan Islam.

Silibus terbaru Darussyifa' ialah dengan penerbitan terbaru Darussyifa' iaitu lima buah buku sebagaimana berikut:

- a. Pengantar Perubatan Islam
- b. Penyakit Jasmani I
- c. Penyakit Jasmani II
- d. Penyakit Rohani
- e. Penyakit Sihir

Kesemua ini merupakan penulisan Dato' Dr. Harun Din yang diterbitkan oleh penerbitan Darussyifa'. Buku-buku ini memuatkan kesemua silibus pengajian perubatan Islam yang diajar di Darussyifa'. Bermula dari pengenalan, sejarah, zikir dan amalan, jenis-jenis penyakit, jenis ubatan atau ramuan dan ayat-ayat jampi sehinggalah cara merawat pesakit semuanya digabungkan dalam buku-buku ini.

3.1.6. Etika Perawat dan Rawatan

Setiap pelajar yang telah tamat pengajian dan diberi ijazah perawat perubatan Islam Darussyifa' akan menjalani kursus praktikal merawat selama beberapa bulan di Darussyifa' sebelum diberi keizinan untuk mendapatkan kad perawat dan bertugas sebagai perawat di mana-mana cawangan Darussyifa', hal ini berbeza mengikut keperluan dan pengurusan Darussyifa' pusat dan cawangan. Setiap perawat yang telah ditauliahkan untuk berkhidmat maka semestinya melazimi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Tuan Guru dan pengurusan Darussyifa' bagi menjamin kelangsungan dan kesucian Darussyifa' dari sebarang anasir yang tidak sihat yang dapat menjejaskan imej perubatan Islam tu sendiri. Darussyifa' menggariskan sifat-sifat utama kepada semua perawatnya dengan perkara-perkara berikut:

- i. Keikhlasan diri
 - a) Sentiasa menjaga ibadat yang wajib.
 - b) Melakukan perintah Allah dengan rasa penuh kecintaan dan tunduk hati. kepada Allah.
 - c) Tidak melakukan perkara yang ditegah.
 - d) Tidak mementingkan dunia berbanding dengan kepentingan akhirat.
- ii. Memahami konsep kemakbulan doa.
- iii. Tidak mementingkan diri sendiri.
- iv. Bersedia membantu sesiapa sahaja.
- v. Memiliki asas ketahanan jiwa dan kekuatan roh
 - a) Keyakinan diri yang teguh.
 - b) Memiliki asas zikrullah.

- c) Berpengetahuan tentang makhluk halus
- vi. Mengetahui perkara yang menghalang usaha merawat

3.2. Ruqyah

Ruqyah atau jampi merupakan suatu perkara yang sudah sebatian dengan perubahan tradisional adat budaya masyarakat Melayu. Pengaruh kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha yang telah bertapak kukuh dalam kebudayaan Melayu menyebabkan pelbagai amalan karut, khurafat dan bida'ah termasuk hal-hal yang berkaitan dengan rawatan tradisional, terus menerus wujud. Agama yang dimiliki oleh orang Melayu pada hakikatnya setakat ini tidak berdaya mengikis keseluruhan cara hidup yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Namun demikian mengikut hemat penulis kebanyakan daripada masyarakat berpersepsi negatif terhadap perkataan 'jampi' yang bagi mereka ia memberi makna sihir dan berkaitan khurafat. Jadi lebih baiklah jika perkataan Arab ini (ruqyah) diterapkan dalam masyarakat supaya ia menjadi positif terhadap apa yang disyariatkan Allah tanpa timbul isu terhadap apa yang dibolehkan dalam Islam.

Jampi dan mentera atau dalam bahasa Arabnya ialah (*al-ruqyah*) manakala orang yang menggunakan ruqyah dalam rawatan dipanggil *al-raqi* sebagaimana termaktub dalam surah al-Qiyāmah, 75:25-26:

﴿كَلَّا إِذَا بَلَغَتِ التَّرَاقِيَ ﴿٦٦﴾ وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ ﴿٦٧﴾﴾

Maksudnya: “Sedarlah apabila rohnya sampai ke pangkal kerongkongan. Dan (orang yang hadir di sisinya heboh) berkata: Siapakah yang dapat menjampinya (mengubatnya)?”

Jampi dan mantera atau dalam bahasa Arabnya ialah ruqyah. Dari sudut bahasa perkataan al-ruqyah (الرُقْيَةُ) ialah kata *masdar* berasal daripada kata perbuatan (رَفَى) yang memberi erti jampi (*Mu'jam Asasi*). Manakala *Lisan al-Arab* pula memberi tarkifan sebagai العُودَةُ iaitu mantera perlindungan. Perlindungan ini, jika dibaca pada manusia maka akan menjadi tenang. Dinukilkan juga daripada Ibnu Athir mengatakan ruqyah ialah mantera perlindungan yang dibaca oleh orang yang ada ilmu tentang ruqyah ke atas pesakit yang mengalami demam dan pening kepala.

Jika dilihat dari segi istilah, ruqyah yang dimaksudkan oleh penulis ialah ruqyah yang dianjurkan dan telah diadaptasi serta diasimilasikan oleh Islam. Ruqyah dalam Islam ialah jampi yang berasaskan ayat-ayat suci al-Quran al-Karim dan doa-doa *ma'thur* dari Hadith Nabi SAW serta doa-doa baik yang lain.

3.2.1. Ruqyah Dari Sudut Istilah

Walaupun setelah zaman berganti zaman kini sudah semakin ramai masyarakat Islam di Malaysia memahami bahawa sebahagian daripada ayat-ayat al-Quran al-Karim, Hadith-Hadith dan dan doa-doa itu boleh digunakan untuk menyembuhkan penyakit, juga boleh mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh manusia walaupun sebahagian yang lain

mungkin tidak tahu ataupun tidak percaya akan amalan ini dan menganggap ia sebagai karut dan mereka lebih mempercayai kajian sains dan perubatan moden.

Hal yang demikian walau bagaimanapun tidak mengganggu pertumbuhan perubatan cara Islam berasaskan jampi dengan *al-ruqyah al-syar'iyah* di Malaysia kerana ia semakin berkembang dan dikenali serta mula dipercayai oleh segenap lapisan masyarakat, bahkan oleh masyarakat bukan Islam (Amran Kasimin, 1991).

Ismail Kamus (2006:150) menjelaskan bahawa jampi adalah terjemahan daripada perkataan 'الرَّقْي' . Perkataan ini sebenarnya merupakan satu komponen doa kepada Allah SWT. Setiap manusia dapat menggunakan kaedah jampi kerana jampi adalah doa dan dapat digunakan selagi tidak menyekutukan Allah SWT.

Demikianlah juga antara syarat-syarat untuk menjadi seorang perawat dalam perubatan Islam yang juga memerlukan persediaan dan pengetahuan yang banyak serta berkaitan dengan apa yang akan diungkapkan dalam proses penjampian.

Penulis melihat perkataan ini harus difahami dalam konteks Syariat Islam agar ia tidak terjerumus ke arah kesyirikan kepada Allah. Ini kerana ruqyah tanpa melalui penerapan nilai Islam akan membawa kepada khurafat dan kekufuran sebab ia juga berkait rapat dengan pemujaan jin, hantu, jembalang dan sebagainya.

3.2.2. Jenis Ruqyah

a. *Ruqyah Syar'iyah*

Ruqyah Syar'iyah yang dimaksudkan ialah jampi yang mengikut kriteria dan garis panduan yang telah diletakkan oleh syarak dan tidak bercampur aduk dengan larangan dan pengharaman Islam. Dalam hal ini, terdapat banyak Hadith yang menceritakan tentang jampi dalam pengubatan jampi secara Islam yang telah dianjurkan oleh Rasulullah SAW terutamanya berkenaan dengan hukum dan pencerahan tentangnya. Imam al-Suyuti mengariskan empat syarat *ruqyah syar'iyah* ini, iaitu:

- a. Hendaklah menggunakan kalam Allah, nama Allah dan sifat-sifat Allah dan juga sunnah Rasulullah.
- b. Menggunakan bahasa Arab dan yang diketahui maknanya.
- c. Hendaklah menyakini bahawa bacaan itu tidak memberi bekas tetapi kesemuanya hanyalah dengan izin dan kekuasaan Allah SWT jua.
- d. Jangan campur adukkan antara bacaan al-Quran al-Karim dan Sunnah Nabi dengan bacaan yang boleh menyekutukan Allah SWT. Ismail Kamus (2006:150)

Selain daripada syarat-syarat di atas, sama ada perawat mahupun pesakit harus beriktikad dengan penuh keyakinan bahawa hanya Allah SWT yang maha penyembuh dan akan menyembuhkan penyakit, bukanlah ruqyah itu penyembuh kepada penyakit. Ia tidak lebih daripada satu ikhtiar semata demi memohon dari rahmat Allah SWT jua. Sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Shu'arā' 26:80:

﴿وَإِذَا مَرَضْتُ فَبُهِتَ فَإِذَا مَرَضْتُ فَبُهِتَ﴾

Maksudnya: *“Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku.”*

Banyak Hadith berkaitan dengan ruqyah yang menjelaskan bagaimana Rasulullah SAW mengajar ruqyah dan merawat menggunakan doa-doa ruqyah. Seperti Hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Saidatina Aisyah RA:

وروى مسلم عن عائشة أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُهَا أَنْ تَسْتَرْقِيَ مِنَ الْعَيْنِ.

Maksudnya: *“Diriwayatkan oleh Muslim daripada Aishah RA beliau telah mengatakan bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW telah menyuruhnya meruqyah untuk penyakit al-Ain.”*

Antaranya juga sebagaimana diriwayatkan oleh Muslim daripada Jabir RA (Hadith riwayat Muslim, no. Hadith 5731):

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الرُّقْيِ، فَجَاءَ آلُ عَمْرِو بْنِ حَرْمٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ كَانَتْ عِنْدَنَا رُقِيَّةٌ نَرْقِي بِهَا مِنَ الْعُقْرِ، وَإِنَّكَ نَهَيْتَ عَنِ الرُّقْيِ، قَالَ: فَعَرِّضُوهَا عَلَيْهِ، فَقَالَ: مَا أَرَى بَأْسًا مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ أَخَاهُ فَلْيَنْفَعْهُ.

Maksudnya: *“Rasulullah SAW telah melarang dari jampi menjampi. Maka datanglah keluarga Amr bin Hazm menemui Rasulullah SAW lalu berkata: ‘Wahai Rasulullah SAW disisi kami terdapat jampi yang boleh digunakan untuk menjampi sengatan kala jengking, sedangkan engkau melarang kami daripada jampi-menjampi.’ Lalu mereka membentangkan jampi tersebut kepada Rasulullah SAW. Maka baginda bersabda, ‘Aku lihat ia tidak mengapa. Sesiapa di antara kalian yang mampu untuk membantu saudaranya, maka hendaklah ia melakukannya.’”*

Hadith lain sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Imam Muslim, daripada A'uf ibn Malik al-Asyja'i telah berkata (Hadith riwayat Muslim, no 5732):

”كنا نرقى في الجاهليَّة فقلنا يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ تَرَى فِي ذَلِكَ فَقَالَ اعْرِضُوا عَلَيَّ رِقَاكُمْ، لَا بَأْسَ بِالرُّقَى مَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ شِرْكٌ.“

Maksudnya: “Kami telah merawat semasa jahiliyyah. Kami telah bertanya: Wahai Rasulullah, bagaimana pendapat tuan mengenai perkara ini, Baginda menjawab: Ruqyah kamu dibenarkan selagi mana tidak terdapat unsur syirik.”

b. Ruqyah Syirkiyah

Apa yang dimaksudkan dengan ruqyah syirkiyah ialah bacaan-bacaan yang berasal daripada jampi atau guna-guna yang tidak dapat difahami maknanya, dengan lafaz-lafaz yang aneh dan rumit untuk dilafazkan. Ia adalah mentera yang syirik, dan ruqyah ini hanya boleh dilakukan oleh wali-wali syaitan dan pengikut-pengikutnya daripada kalangan bomoh atau pawang yang menggunakan perantaraan dan bantuan jin dalam rawatan.

Kebanyakan ruqyah syirkiyah ini selaras dengan larangan Allah SWT dengan mengambil perhatian bahawa syirik yang dilarang Allah SWT bukan sahaja syirik yang besar seperti menyembah berhala malah sekecil-kecil syirik pun adalah amat dilarang, dalam surah al-Nisā', 4:36:

﴿وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ...﴾

Bermaksud: “Dan sembahlah Allah dan jangan sekali-kali kamu mensyirikkan-Nya walaupun pada barang sedikit.”

Perintah Allah jangan mensyirikannya walaupun sedikit berulang dalam surah Āli-‘Imrān, 3:64:

﴿قُلْ يٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِۦ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ ۚ فَمَنِ تَوَلَّآ فَقُولُوٓا۟ أَشْهَدُوٓا۟ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾﴾

Bermaksud: “Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengan-Nya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah.’ Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: ‘Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam.’ ”

Dalam surah Yunus, 10:38 Allah SWT berfirman:

﴿أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَيْنَاهُ قُلْ فَٱتَوُوا۟ بِسُورَةٍ مِّثْلِهِۦ ۖ وَٱدْعُوا۟ مَنِ اسْتَطَعْتُمْ مِّن دُونِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٣٨﴾﴾

Bermaksud: “(Orang-orang kafir tidak mengakui hakikat yang demikian itu) bahkan mereka mengatakan: ‘Dialah (Muhammad) yang mengada-adakan Al-Quran menurut rekaannya.’ Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Kalau demikian, datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggilah siapa sahaja yang kamu dapat memanggilnya, yang lain dari Allah (untuk membantu kamu), jika betul kamu orang-orang yang benar!’ ”

Dalam Surah al-Nūr ayat 55 pula Allah SWT menceritakan:

﴿...يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ﴾

Maksudnya: “Mereka terus beribadat kepada-Ku dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain dengan-Ku. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka.”

Antara amalan dalam rawatan yang membawa kepada syirik nyata kepada Allah yang tidak boleh berada dalam rawatan Islam ialah perawat yang suka memberitahu perkara yang ghaib kepada pesakit. Hadith riwayat Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda (Hadith riwayat al-Baihaqi, no. Hadith 6939):

”مَنْ أَتَى سَاحِرًا أَوْ كَاهِنًا أَوْ عَرَافًا فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أُنْزِلَ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.“

Maksudnya: “Sesiapa yang mendatangi ahli sihir atau kahin (pengubat yang mendakwa mengetahui mengetahui perkara yang ghaib) atau ‘arraf (tukang tilik) lalu memercayai kata-kata mereka, maka sesungguhnya dia telah kufur dengan al-Quran yang diturunkan ke atas Nabi Muhammad SAW.”

Rasulullah SAW bersabda dalam Hadith riwayat al-Imam Ahmad, Abu Daud, Ibnu Majah, Al-Hakim dan lain-lain.

”إِنَّ الرِّقَى وَالتَّمَائِمَ وَالتَّوَلَةَ شِرْكٌ“

Maksudnya: “Sesungguhnya jampi serapah (yang bercanggah dengan syarak), tangkal menangkal dan tiwalah adalah syirik.”

Al-ruqa yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW dalam Hadith di atas ialah *al-ruqyah al syirkiah* yang bergantung harap pada selain daripada Allah SWT. Tiwalah adalah ilmu pengasih yang biasanya digunakan oleh orang perempuan untuk menambat kasih suaminya supaya terikat kepadanya sahaja, yang terkenal dalam masyarakat Melayu seperti ilmu penunduk, nasi tangas dan seumpama dengannya.

Dalam upacara menjampi, perawat menyeru asal-usul jenis penyakit yang dihadapi oleh pesakit dan kuasa-kuasa yang dipercayai mengganggu pesakit. Ini supaya penyakit itu hilang daripada tubuh pesakit.

Akibat dan kesan daripada jampi mantera itu, boleh mendatangkan banyak perkara yang tidak masuk akal. Selepas mantera dibaca, pihak musuh berasa takut, menjadi lumpuh, berasa sakit, diri menjadi kebal, menjadi kuat, dapat mengangkat batu yang besar dan sebagainya.

Ini bererti jampi mantera bukan hanya menyembuhkan penyakit sahaja tetapi juga digunakan untuk perkara-perkara lain seperti di atas. Contoh lafaz mantera:

“*Salam alaikum ya saudaraku Jibril, Engkau kuambil akan saudara, wujudku wujudmu, wujudku wujudmu, wujudkulah masuk dalam zatmu yang melipat. Wujudku dari dunia datang ke akhirat, Tutuplah pintu kiambang, pintu selaksa 999, tertudung, terkancing, terkunci. Tudung Allah, tutup Muhammad, kunci Ali, kunci Jibrail, lipas mas maujud. Dengan berkat La ilaha illallah Muhammadur Rasulullah.*” A.Samad Ahmad: 1989: 6)

Dalam lafaz mantera di atas, terdapat perkataan-perkataan mulia dan dihormati seperti Jibril, Allah, Muhammad, Ali dan kalimah syahadah (*La ilaha illallah*). Melalui sebutan nama malaikat Jibril, pengamalnya menyatakan dirinya itu seolah-olah bersama malaikat Jibril yang saling perlu-memerlukan dan saling wujud-mewujudkan. Pernyataan ini sudah bertentangan dengan Islam kerana tidak ada kelonggaran yang membenarkan orang itu memohon kepada mana-mana malaikat untuk apa-apa tujuan.

Selain daripada itu, perkataan Allah, Muhammad dan Ali dihubungkan dengan perkataan tudung, tutup dan kunci yang tidak tahu makna sebenarnya. Perkara-perkara sebegini dilarang Islam kerana ia seolah-olah mempermainkan nama-nama itu.

Terdapat juga jampi-jampi yang diucapkan dengan tujuan memerintahkan jin mengganggu manusia dan memberi mudarat seperti gila. Jampi seperti ini lebih jelas bertentangan dengan akidah Islam serta syirik kepada Allah sebagaimana keterangan yang dijelaskan dalam surah al-Jin, 72:6:

﴿وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا﴾

Maksudnya: *“Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat.”*

Jampi yang digunakan dengan perantaraan jin dan syaitan serta tidak fahami maknanya adalah termasuk dalam ruqyah *syirkiah*. Apa yang digariskan oleh Islam ialah demi

menjaga akidah yang suci umatnya dari mensyekutukan Allah dalam segenap perkara. Dengan penerangan di atas, penulis dapat menyimpulkan ruqyah *syirkiyah* sebagaimana berikut:

- a. Jelas penggunaan ruqyah itu menunjukkan pergantungan kepada selain dari Allah SWT.
- b. Ruqyah yang digunakan tidak difahami bahasanya sama ada secara penuh atau bercampur-aduk dengan bahasa yang difahami.
- c. Ruqyah yang menggunakan perantaraaan jin dan syaitan serta menggunakan pemujaan nama-nama tertentu.
- d. Ruqyah yang digunakan menggunakan elemen tertentu seperti azimat, *tiwalah*, *wafak* dan tangkal.
- e. Bacaan yang disusuli dengan ramalan tertentu tentang perkara ghaib dan sesuatu yang akan berlaku.

3.3. Ruqyah Darussyifa'

Darussyifa' mempunyai ruqyah dan doa amalan tersendiri yang telah disusun oleh Dato' Haron Din yang diambil daripada ayat al-Quran al-Karim pilihan dan sifat Allah SWT dari *al-asma' al-husna* serta wirid-wirid yang *ma'thur* telah diambil terus dari Hadith Rasulullah SAW sebagai penawar kepada penyakit tertentu, juga doa daripada ulama *salafussoleh* yang telah beramal dengan ayat tadi serta mengubati pesakit pada masa lalu. Ayat ini menjadi amalan wajib kepada semua penuntut ilmu pengubatan Islam di Darussyifa'.

Bacaan dan hafalan terhadap ayat ini juga merupakan salah satu syarat utama dalam pengijazahan ilmu pengobatan Islam di Darussyifa'. Terdapat tiga puluh ayat yang terdiri daripada elemen al-Quran al-Karim, Hadith dan doa dalam asas hafalan ruqyah di Darussyifa'. Tiga puluh ayat ruqyah yang dimaksudkan dinyatakan seperti di bawah.

A. RUQYAH ASAS PERTAMA

a. PENAWAR SERIBU GUNA (SURAH AL-FATIHAH 1:1-7)

﴿بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۝ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ مَلِكِ يَوْمِ
الدِّينِ ۝ إِلَهِكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ۝ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ۝ صِرَاطَ الَّذِينَ
أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ۝﴾

Maksudnya:

1. Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.
2. Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan Yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.
3. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.
4. Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat).
5. Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja Kami memohon pertolongan.
6. Tunjukilah Kami jalan Yang lurus.
7. Iaitu jalan orang-orang Yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang Yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.

b. AYAT KEAGUNGAN (AYAT KURSI, al-Baqarah 2:255)

﴿اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ﴾

Maksudnya: “Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang tetap hidup, Yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala apa yang berada di langit dan apa yang berada di bumi. tiada sesiapa Yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan Dengan izinNya. Yang mengetahui apa Yang ada di hadapan mereka dan apa Yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa Yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. dan Dia lah Yang Maha tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha besar (kekuasaan-Nya).”

c. AYAT PEMECAH DAN KESUBURAN (al-Anbiyaa’ 21:30)

﴿أَوَلَمْ يَرِ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ﴾

Maksudnya: “Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa Sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? maka mengapa mereka tidak mahu beriman?”

d. AYAT PERANGSANG SELERA (Fussilat 41:31-32)

﴿خُنْ أَوْلِيَائُكُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَلَكُمْ فِيهَا مَا تَشْتَهُ أَنْفُسُكُمْ وَلَكُمْ فِيهَا مَا تَدْعُونَ ﴿٣١﴾
نُزُلًا مِّنْ غَفُورٍ رَّحِيمٍ ﴿٣٢﴾﴾

Maksudnya: “Kamilah penolong-penolong kamu dalam kehidupan dunia dan pada hari akhirat; dan kamu akan beroleh - pada hari akhirat - apa yang diinginkan oleh nafsu kamu, serta kamu akan beroleh - pada hari itu - apa yang kamu cita-citakan mendapatnya.(31) (Pemberian-pemberian yang serba mewah itu) sebagai sambutan penghormatan dari Allah Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani! (32)”.

e. AYAT PEMECAH KEBUNTUAN (al-Hasyr 59:21-24)

﴿لَوْ أَنزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ ۚ وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا
لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ۚ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ ۚ هُوَ الرَّحْمَنُ
الرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ۚ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ ۚ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ ۚ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ
الْمُتَكَبِّرُ ۚ سُبْحَنَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾ هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ ۚ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ
يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾﴾

Maksudnya:

21. Sekiranya Kami turunkan al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya Engkau melihat gunung itu khusyuk serta pecah belah kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah), perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya.
22. Dialah Allah, Yang tidak ada Tuhan melainkan dia; yang mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata; Dialah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

23. *Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan dia; Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat Sejahtera (dari segala kekurangan); Yang Maha melimpahkan Keamanan; Yang Maha pengawal serta Pengawas; Yang Maha Kuasa; Yang Maha kuat (menundukkan segala-galanya); Yang Melengkapi Segala Kebesaran-Nya. Maha suci Allah dari segala yang mereka sekutukan dengannya.*
24. *Dialah Allah, Yang menciptakan sekalian makhluk; Yang mengadakan (dari tiada kepada ada); Yang membentuk rupa (makhluk-makhlukNya menurut Yang dikehendakiNya); bagi-Nyalah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepadanya Segala Yang ada di langit dan di bumi; dan Dialah Yang tiada banding-Nya, lagi Maha Bijaksana.*

- f. DOA PENGHILANG KESAKITAN (Hadith riwayat Ibn Majah, no Hadith 3522)

بِسْمِ اللَّهِ بِسْمِ اللَّهِ بِسْمِ اللَّهِ بِسْمِ اللَّهِ أَعُوذُ بِعِزَّةِ اللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أُحْذِرُ وَأُحَادِرُ

Dengan nama Allah, Dengan nama Allah, Dengan nama Allah, aku berlindung dengan kemuliaan Allah dan kekuasaan-Nya daripada kejahatan yang aku alami dan aku takuti.

- g. RUQYAH JIBRIL (Hadith riwayat Muslim, no. Hadith 5700)

بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ , مِنْ كُلِّ شَيْءٍ يُؤْذِيكَ , مِنْ شَرِّ كُلِّ نَفْسٍ أَوْ عَيْنٍ حَاسِدٍ , اللَّهُ يَشْفِيكَ , بِاسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ.

Maksudnya: “Dengan nama Allah aku menjampimu, daripada setiap penyakit yang menyakiti mu, dan daripada kejahatan setiapdiri dan pandangan mata jahat orang yang hasad, Allah yang akan menyembuhkan dikau, dengan nama Allah aku menjampimu.”

h. DOA PENYAKIT-PENYAKIT MATA (Hadith riwayat Bukhari, no. Hadith 5742)

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ، مُذْهِبَ الْبَاسِ، اشْفِ أَنْتَ الشَّافِي، لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ، شِفَاءٌ لَا يُعَادِرُ سَقَمًا وَلَا أَلَمًا إِلَّا شِفَاؤَهُ. ﴿فَكَشَفْنَا عَنْكَ غِطَاءَكَ فَبَصَرُكَ الْيَوْمَ حَدِيدٌ فَسَتُبْصِرُ وَيُبْصِرُونَ﴾

Maksudnya: “Ya Allah, Tuhan (yang memelihara) manusia, yang menghilangkan kesusahan, sembuhkanlah, Engkaulah yang menyembuhkan tidak ada suatu penyembuhan kecuali kesembuhan—Mu, sembuh yang tidak diiringi sakit jugapenderitaan kecuali kesembuhanNya. Maka kami singkapkan daripadamu tutup yang menutupi matamu, maka penglihatanmu pada hari ini amat tajam. Maka kelak kamu akan melihat dan mereka pun akan melihat.”

i. DOA ‘ILAJ ILAHI (Hadith riwayat Abu Dawud, no. Hadith 3892)

رُبُّنَا اللَّهُ الَّذِي فِي السَّمَاءِ، تَقَدَّسَ اسْمُكَ أَمْرُكَ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ، كَمَا رَحِمْتُكَ فِي السَّمَاءِ، فَاجْعَلْ رَحْمَتَكَ فِي الْأَرْضِ، وَاعْفِرْ لَنَا خُوبَنَا وَخَطَايَانَا، أَنْتَ رَبُّ الطَّيِّبِينَ، أَنْزِلْ رَحْمَةً مِنْ عِنْدِكَ، وَشِفَاءً مِنْ شِفَائِكَ عَلَى هَذَا الْوَجَعِ . فَيَبْرَأُ بِإِذْنِ اللَّهِ .

Tuhan kami Allah yang berada di langit (hakikatnya Allah tidak bertempat) Maha suci namaMu, urusanMu di langit dan bumi. Sepertimana rahmatMu terdapat di langit, maka anugerahkanlahrahmatMu di bumi, dan ampunilah bagi kami, dosa dan kesalahan kami. Engkau adalah Tuhan orang-orang yang baik. Turunkanlah Rahmat dari sisiMu, dan kesembuhan daripada kesembuhanmu terhadap sakit ini – sembuhlah ia dengan izin Allah.

j. DOA PENERANG HATI (Doa Mathur daripada salafussoleh)

يَا مُعَلِّمَ إِبْرَاهِيمَ الْحَكِيمَةَ عَلَّمَنَا، يَا مُفَقِّهَ سُلَيْمَانَ فَهَّمَنَا، فَفَهَّمَنَا سُلَيْمَانَ وَكُلًّا ءَاتَيْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا وَسَخَرْنَا مَعَ دَاوُودَ الْجِبَالِ يُسَبِّحُنَ وَالطَّيْرَ وَكُنَّا فَعَلِينَ، يَا رَبَّ سُلَيْمَانَ، وَيَا رَبَّ إِبْرَاهِيمَ، وَيَا رَبَّ مُوسَى وَعِيسَى، وَيَا رَبَّ مُحَمَّدٍ

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَخْرَجَنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ الْجَهْلِ وَالنَّسْيَانِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، اللَّهُمَّ زِدْنَا عِلْمًا، وَارْزُقْنَا فَهْمًا، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، اللَّهُمَّ نَوِّرْنَا بِنُورِ عِلْمِكَ، وَأَبْعِدْنَا النَّسْيَانَ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، اللَّهُمَّ ارْزُقْنَا فَهْمَ النَّبِيِّينَ، وَحِفْظَ الْمُرْسَلِينَ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Maksudnya: “Ya Allah, Tuhan yang mengajar Nabi Ibrahim akan hikmat, ajarkan kami, Ya Allah Tuhan yang mengajar Nabi Sulaiman akan kefahaman, berilah kefahaman kepada kami. Firman Allah SWT 'maka Kami (Allah) telah memberikan pengertian kepada Sulaiman tentang hokum (yang lebih tepat) dan kepada masing-masing mereka telah kami berikan hikmah dan ilmu dan telah Kami tundukkan gunung-gunung dan burung-burung, semua bertasbih bersama Daud. Dan Kamilah yang melakukannya.' Wahai Tuhan Nabi Sulaiman, juga wahai Tuhan Nabi Ibrahim, wahai Tuhan Nabi Musa dan Nabi Isa, wahai Tuhan Nabi Muhammad SAW, selamatkanlah kami daripada kegelapan jahiliyah dan lupa, dengan rahmat-Mu wahai Tuhan yang amat mengasihani daripada segala-galanya. Ya Allah, tambahkan ilmu kepada kami, dan anugerahkan kefahaman dengan rahmat-Mu wahai Tuhan yang amat mengasihani daripada segala-galanya. Ya Allah anugerahkanlah kami cahaya dengan cahaya ilmu-Mu, dan jauhkan kami daripada lupa dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan yang amat mengasihani daripada segala-galanya. Ya Allah, anugerahkanlah kami kefahaman Nabi-Nabi dan hafalan para utusan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan yang mengasihani daripada segala-galanya. Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian Alam.”

B. RUQYAH ASAS KEDUA

a. AYAT PEMECAH KEBUNTUAN (al-Mukminun 23:115-118)

﴿أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ﴾ ١١٥ فَتَعَالَى اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ ١١٦ وَمَنْ يَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لَا بُرْهَانَ لَهُ بِهِ فَإِنَّمَا حِسَابُهُ عِنْدَ رَبِّهِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الْكَافِرُونَ﴾ ١١٧ وَقُلْ رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ﴾ ١١٨

Maksudnya:

115. Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada kami?
116. Maka (dengan Yang demikian) Maha Tinggilah Allah Yang Menguasai seluruh alam, lagi Yang tetap benar; tiada Tuhan melainkan Dia, Tuhan yang mempunyai Arasy yang mulia.
117. Dan sesiapa yang menyembah Tuhan yang lain bersama-sama Allah, dengan tidak berdasarkan sebarang keterangan mengenainya, maka sesungguhnya hitungannya (dan balasan amalnya yang jahat itu) disediakan di sisi Tuhannya. Sesungguhnya orang-orang yang kafir tidak akan berjaya.
118. Dan berdoalah (Wahai Muhammad Dengan berkata): "Wahai Tuhanku, berikanlah ampun dan kurniakan rahmat, dan sememangnya Engkaulah sahaja sebaik-baik pemberi rahmat!"

b. AYAT PELEMBUT HATI (Ta' Ha 20: 1-5)

طه ﴿مَا أَنزَلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لِتَشْقَى﴾ ١ إِلَّا تَذَكُّرًا لِّمَنْ يَخْشَى﴾ ٢ تَنزِيلًا مِّمَّنْ خَلَقَ الْأَرْضَ وَالسَّمَوَاتِ الْعُلَى﴾ ٣ الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى﴾ ٤

Maksudnya

1. *Ta' Ha.*
2. *Kami tidak menurunkan Al-Quran kepadamu (Wahai Muhammad) supaya Engkau menanggung kesusahan.*
3. *Hanya untuk menjadi peringatan bagi orang-orang Yang takut melanggar perintah. Allah*
4. *(Al-Quran) diturunkan dari (Tuhan) yang menciptakan bumi dan langit yang tinggi.*
5. *Iaitu (Allah) Ar-Rahman, Yang bersemayam di atas Arasy.*

c. AYAT PENDAMAIAN (al-Hijr 15:47)

﴿وَنَزَعْنَا مَا فِي صُدُورِهِمْ مِّنْ غِلٍّ إِخْوَانًا عَلَىٰ سُرُرٍ مُّتَقَابِلِينَ﴾

Maksudnya: “Dan Kami cabut akan apa yang ada dihati mereka dari perasaan hasad dengki sehingga menjadilah mereka bersaudara (dalam suasana kasih mesra), serta mereka duduk berhadap-hadapan di atas pelamin masing-masing.”

d. AYAT MENDAPAT ZURIAT (Ali ‘Imran 3:38)

﴿هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَّا رَبَّهُ ۖ قَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِن لَّدُنكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً ۚ إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ﴾

Maksudnya: “Ketika itu Nabi Zakaria berdoa kepada Tuhannya, katanya: ‘Wahai Tuhanku! kurniakanlah kepadaKu dari sisiMu zuriat keturunan Yang baik; Sesungguhnya Engkau sentiasa mendengar (menerima) doa permohonan.’ ”

e. AYAT & DOA SELUSUH (al-Insyiqaq 84:4-5)

﴿وَأَلْقَتْ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتْ﴾ وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ﴿٤﴾

Maksudnya: “Serta mengeluarkan apa Yang di dalamnya, dan menjadi kosong,(4)Serta mematuhi perintah Tuhannya, dan sudah semestinya ia patuh; -

﴿كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَهَا لَمْ يَلْبَثُوا إِلَّا عَشِيَّةً أَوْ ضُحًى﴾

Maksudnya: “(Sangatlah dahsyatnya huru-hara hari itu, sehingga orang-orang Yang bersalah merasa) pada masa melihatnya: seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia melainkan sekadar satu petang atau paginya sahaja.” (Al-Nazi‘at 79:46)

f. TUJUH SYIFA’

إِلَهِي (إِلَهِنَا)، عَلِمْتُكَ كَافٍ عَنْ سُؤَالِي (سُؤَالِنَا)، أَكْفِنِي (أَكْفِنَا) بِحَقِّ الْفَاتِحَةِ سُؤَالًا، وَكَرَّمْتُكَ كَافٍ عَنْ مَقَالِي (مَقَالِنَا)، أَكْرَمَنِي (أَكْرَمْنَا) بِحَقِّ الْفَاتِحَةِ مَقَالًا، وَحَصِّلْ مَا فِي ضَمِيرِي (ضَمَائِرِنَا)، وَهُوَ شِفَاءٌ هَذَا الْمَرِيضِ، وَيَشْفِ صُدُورَ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ، وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ، فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ ، وَنُزِّلَ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ، وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ ، قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا هُدًى وَشِفَاءٌ، شِفَاءٌ عَاجِلًا ، لَا يُعَادِرُ سَقَمًا وَلَا أَلَمًا إِلَّا شِفَاءً.

Maksudnya: “Wahai Tuhanku (Tuhan Kami), ilmu-Mu cukup untuk memenuhi permintaanku (permintaan kami), sempurnakan hajatku (hajat kami) dengan hak surah al-Fatihah, kurniakanlah apa yang tersirat dalam hatiku (hati-hati kami), dan Dia adalah kesembuhan bagi pesakit ini (sebut nama pesakit dan ibunya), dan Dia menyembuhkan dada-dada kaum mukminin (al-Taubah:14), dan penyembuh bagi penyakit-penyakit (yang berada) dalam dada juga petunjuk dan rahmat bagi mereka yang beriman (Yunus:57), padanya (madu) mengandungi penawar bagi manusia (al- Nahl:69), dan kami (Allah)

menurunkan diantara al-Quran itu dan satu yang menyembuhkan dan rahmat bagi orang yang beriman (al-Israa':82), dan apabila aku sakit Dialah yang menyembuhkan (al-Syu'ara':80), katakanlah :yang demikian itu adalah bagi mereka yang beriman , sebagai petunjuk dan kesembuhan (al-Fussilat:44).

Kesembuhan yang cepat, tidak meninggalkan sakit atau penderitaan kecuali kesembuhan-Nya.

g. AYAT Mencari dan Mengembalikan Orang yang Hilang (al-Ra'd 13:31)

﴿وَلَوْ أَنَّ قُرْءَانًا سُيِّرَتْ بِهِ الْجِبَالُ أَوْ قُطِعَتْ بِهِ الْأَرْضُ أَوْ كَلِمَ بِهِ الْمَوْتَىٰ بَل لِّلَّهِ الْأَمْرُ جَمِيعًا أَفَلَمْ يَأْنَسِ الَّذِينَ ءَامَنُوا أَن لَّوْ يَشَاءُ اللَّهُ لَهْدَى النَّاسَ جَمِيعًا وَلَا يَزَالُ الَّذِينَ كَفَرُوا تُصِيبُهُم بِمَا صَنَعُوا قَارِعَةٌ أَوْ تَحُلُّ قَرِيبًا مِّن دَارِهِمْ حَتَّىٰ يَأْتِيَ وَعْدُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿٣١﴾﴾

Maksudnya: “Dan kalaulah ada mana-mana Kitab suci yang dengan sebabnya gunung-gunung terbongkar bergerak dari tempatnya, atau dengan sebabnya bumi dipecah-belah mengeluarkan isi kandungannya, atau dengan sebabnya orang-orang yang telah mati dapat menjawab kata-kata yang dihadapkan kepada-Nya, maka Al-Quran ialah Kitab suci yang mengandung mukjizat. (tetapi lahirnya sesuatu mukjizat itu adalah menurut kehendak Allah), bahkan segala urusan tertentu bagi Allah. maka tidakkah orang-orang yang beriman mengetahui bahawa kalaulah Allah menghendaki tentulah ia memberi petunjuk kepada umat manusia seluruhnya, (lalu menjadikan mereka semuanya beriman). dan orang-orang yang kafir itu (dengan sebab kekufuran mereka) sentiasa ditimpa bala bencana (ke atas diri atau harta benda mereka); atau pun bala bencana itu turun menimpa tempat-tempat yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka (lalu menjadikan mereka

gempar kecemasan), sehinggalah datang janji Allah (hari kiamat dan azabnya); Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janji-Nya.”

h. DOA MENGEMBALIKAN YANG HILANG

بِسْمِ اللَّهِ يَا هَادِيَ الضَّالِّينَ، وَيَا رَادَّ الضَّالِّينَ، أُرْزُقْ إِلَيْهِ ضَالَّتَهُ فَإِنَّهَا مِنْ عَطَائِكَ وَإِحْسَانِكَ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Maksudnya: “Dengan nama Allah wahai yang memberi petunjuk kepada kesesatan dan yang mengembalikan yang hilang kepada tuannya. Kembalikan kepadanya yang dia hilang kerana ia adalah anugerah pemberian-Mu kepada hamba-Mu. Ya Allah wahai Yang Paling Mengasihani daripada segala yang mengasihani.”

i. DOA MENGATASI SUKAR TIDUR (Hadith riwayat at-Tabaraniy, no. hadith 4817)

اللَّهُمَّ رَبَّ السَّمَوَاتِ السَّبْعِ وَمَا أَظْلَلَتْ، وَرَبَّ الْأَرْضِينَ وَمَا أَقْلَلَتْ، وَرَبَّ الشَّيَاطِينِ وَمَا أَضَلَّتْ، كُنْ لَهُ جَارًا مِنْ شَرِّ خَلْقِكَ كُلِّهِمْ جَمِيعًا، أَنْ يَفْرُطَ عَلَيْهِ أَحَدٌ مِنْهُمْ، أَوْ أَنْ يَبْغِيَ عَلَيْهِ، عَزَّ جَارُكَ وَجَلَّ تَنَاوُكَ، وَلَا إِلَهَ غَيْرُكَ. اللَّهُمَّ قَدْ غَارَتِ النُّجُومُ، وَهَدَّأَتِ الْعُيُونُ، وَأَنْتَ حَيٌّ قَيُّومٌ، لَا تَأْخُذُكَ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ، يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، أَهْدِنِي لِيَا إِلَهِهِ وَأَنْعَمْ عَيْنِيهِ.

Maksudnya: “Ya Allah, Tuhan Pemelihara langit yang tujuh dan apa yang dilindungiNya, tuhan pemelihara segala bumi dan apa yang terkandung di dalamnya, dan Tuhan pencipta syaitan dan apa yang tersesat kerananya, jadikanlah dia terpelihara daripada kejahatan makhluk-mu itu semua, jangan sampai seseorang daripada mereka mengalahkan dia dan melakukan kezaliman. Muliakanlah pemeliharaan-Mu, Maha Besar Puji-Mu, tidak ada tuhan selain-Mu. Ya Allah, bintang-bintang telah tenggelam, segala mata merasa tenang, sedangkan Engkau tetap hidup lagi berdiri sendiri, tiada mengantuk dan tiada tidur

menimpa-Mu, Ya Tuhan yang hidup, wahai Tuhan yang berdiri sendiri, tenangkan malam dia dan tidurkanlah mata dia.”

- j. DOA MENGATASI PENYAKIT RUMIT (Hadith riwayat Abu Dawud, no. Hadith 3106)

أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِيكَ

Maksudnya: “Aku bermohon kepada Allah Yang Maha Agung Tuhan yang memiliki Arasy yang agung, agar Dia menyembuhkan engkau.

- k. DOA BERTEMU JODOH (Doa mathur daripada *salafusoleh*)

اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا مَحْبُوبَةً فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ وَبَشِيرَةً بِالْغِنَى إِلَى مِئَةِ وَعِشْرِينَ حَسَنَةً، فَإِنَّهُ خَيْرٌ حَافِظًا وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ

Maksudnya: “Ya Allah, jadikanlah dia dikasihi pada hati-hati mereka yang beriman dan gembirakanlah dengan kekayaan sehingga memperolehi seratus dua puluh kebaikan. Allah adalah sebaik-baik pemelihara dan Dia amat mengasihi daripada segala-galanya.”

- l. DOA PENYEJUK (Hadith riwayat Abu al-Sheikh)

اللَّهُمَّ ارْحَمْ جِلْدَهُ الرَّقِيقَ، وَعَظْمَهُ الدَّقِيقَ، وَعِرْقَهُ الصَّغِيرَ، مِنْ شِدَّةِ الْحَرِّقِ، يَا أُمَّ مِلْدَمَ، إِنْ كُنْتَ ءَامَنْتِ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ، فَلَا تُصَدِّعِي الرَّأْسَ، وَلَا تُنْتِنِي الْفَمَ، وَلَا تَشْرِبِي الدَّمَ، وَتَحَوَّلِي عَنْهُ إِلَى مَنْ اتَّخَذَ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ.

Terjemahannya: “Ya Allah kasihanilah kulitnya yang lembut, tulangnya yang halus dan uratnya yang sempit daripada terlalu panas. Wahai Ummi Mildam, jikalau engkau sesungguhnya beriman dengan Allah yang Maha Agung, maka janganlah engkau sakiti kepala, dan janganlah kamu pahitkan mulut dan janganlah kau minum darah.

Berpindahlah kamu darinya kepada orang yang menyengcutukan Allah dengan Tuhan yang lain.”

m. DOA MENGATASI KERUNSINGAN (Hadith riwayat Ahmad, no. Hadith 3784)

اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ وَابْنُ عَبْدِكَ وَابْنُ أَمَتِكَ نَاصِيَتِي بِيَدِكَ مَاضٍ فِي حُكْمِكَ عَدْلٌ فِي قَضَائِكَ أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ سَمِيَتْ بِهِ نَفْسُكَ أَوْ أُنْزِلَتْهُ فِي كِتَابِكَ أَوْ عَلَّمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ أَوْ اسْتَأْثَرْتَ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رَبِيعَ قَلْبِي وَنُورَ صَدْرِي وَجِلَاءَ حُزْنِي وَدَهَابَ هَمِّي.

Terjemahannya: “Ya Allah sesungguhnya aku ini hambaMu dan anak kepada hamba lelakiMu dan anak kepada hamba perempuanMu, urusanku berada pada tanganMu, hukumMu terlaksana pada diriku, ketentuanMu adil padaku, aku meminta daripadaMu dengan setiap namaMu yang engkau namakan diriMu dengannya atau yang Engkau turunkannya dalam kitabMu atau yang Engkau ajarkannya kepada sesiapa dalam kalangan makhlukMu atau Engkau peliharanya dalam ilmu ghaib di sisiMu agar Engkau jadikan al-Quran pengubat hatiku, cahaya dadaku, penghilang kesedihanku dan rasa gundahku.”

C. RUQYAH ASAS KETIGA

a. Al-Mu‘Awwidhat (Surah al-Ikhlâs, Surah al-Falaq, dan Surah al-Nas)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝

Maksudnya:

1. Katakanlah (Wahai Muhammad): “(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa;
2. “Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat;

3. *“Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakkan;*
4. *“Dan tidak ada sesiapaupun Yang serupa denganNya.”*

﴿بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ﴾
 قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ﴿١﴾ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾ وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾ وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿٤﴾ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾

Maksudnya:

1. Katakanlah (Wahai Muhammad); “Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan Yang menciptakan sekalian makhluk,
2. “Dari bencana makhluk-makhluk Yang ia ciptakan;
3. “Dan dari bahaya gelap apabila ia masuk;
4. “Dan dari kejahatan makhluk-makhluk Yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan);
5. “Dan dari kejahatan orang Yang dengki apabila ia melakukan dengkinya.”

﴿بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ﴾
 قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾ مَلِكِ النَّاسِ ﴿٢﴾ إِلَهِ النَّاسِ ﴿٣﴾ مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ﴿٤﴾ الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٥﴾ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ﴿٦﴾

Maksudnya:

1. Katakanlah (Wahai Muhammad): “Aku berlindung kepada (Allah) Pemelihara sekalian manusia.
2. “Yang Menguasai sekalian manusia,
3. “Tuhan Yang berhak disembah oleh sekalian manusia,
4. “Dari kejahatan pembisik penghasut Yang timbul tenggelam, -

5. “Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke Dalam hati manusia,
6. “(Iaitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia.”

b. AYAT PEMBATAL SIHIR (Yunus 10:81-82)

﴿ مَا جِئْتُمْ بِهِ السِّحْرُ إِنَّ اللَّهَ سَيُبْطِلُهُ إِنَّ اللَّهَ لَا يُصْلِحُ عَمَلَ الْمُفْسِدِينَ ﴾ ٨١ ﴿ وَنُحِيقُ اللَّهُ الْحَقَّ بِكَلِمَاتِهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُجْرِمُونَ ﴾ ٨٢

Maksudnya: “Apa yang kamu datangkan itu, itulah sihir; sesungguhnya Allah akan mendedahkan kepalsuannya (dengan mukjizat yang dikurniakan-Nya kepadaku); Sesungguhnya Allah tidak akan menjayakan perbuatan orang-orang yang melakukan kerosakan.(81) Dan Allah juga sentiasa menetapkan perkara yang benar dengan kalimah-kalimah perintah-Nya, walaupun yang demikian dibenci oleh orang-orang yang melakukan dosa. (82)”

c. AYAT PENUNDUK SIHIR (al-‘Araf 7:118-122, Taha 20:69)

﴿ فَوَقَعَ الْحَقُّ وَبَطَلَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴾ ١١٨ ﴿ فَغَلِبُوا هُنَالِكَ وَانْقَلَبُوا صَغِيرِينَ ﴾ ١١٩ ﴿ وَأَلْقَى السَّحَرَةُ سَجْدِينَ ﴾ ١٢٠ ﴿ قَالُوا ءَامَنَّا بِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴾ ١٢١ ﴿ رَبِّ مُوسَى وَهَارُونَ ﴾ ١٢٢ ﴿ ... إِنَّمَا صَنَعُوا كَيْدَ سِحْرٍ وَلَا يُفْلِحُ السَّاحِرُ حَيْثُ أَتَى ﴾ ١٢٣

Maksudnya:

118. Maka sabitlah kebenaran (mukjizat Nabi Musa), dan batalah (sihir) yang mereka telah lakukan.

119. Oleh itu, kalahlah Firaun dan ketua-ketua kaumnya di situ dan kembalilah mereka Dengan keadaan Yang hina.

120. Dan (kemenangan Nabi Musa menjadikan) ahli-ahli sihir itu dengan sendirinya merebahkan diri mereka sujud,

121. Sambil berkata: "Kami beriman kepada Tuhan sekalian alam.

122. "(Iaitu) Tuhan bagi Nabi Musa dan Nabi Harun."

123. "Dan campakkanlah apa yang ada di tangan kananmu, nescaya ia menelan segala (benda-benda sihir) yang mereka lakukan, kerana sesungguhnya apa yang mereka lakukan itu hanyalah tipu daya ahli sihir; sedang ahli sihir itu tidak akan beroleh kejayaan, di mana sahaja ia berada."

69. ... Sesungguhnya apa yang mereka lakukan itu hanyalah tipu daya sihir, sedang ahli sihir itu tidak akan peroleh kejayaan, di mana sahaja ia berada."

d. AYAT PENDINDING DARIPADA SIHIR (Yusuf 12:64)

﴿فَقَاتِلْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا تُكَلَّفُ إِلَّا نَفْسَكَ وَحَرِّضِ الْمُؤْمِنِينَ عَسَى اللَّهُ أَنْ يَكُفَّ بَأْسَ الَّذِينَ كَفَرُوا ۚ وَاللَّهُ أَشَدُّ بَأْسًا وَأَشَدُّ تَنكِيلًا﴾ (٦٤) قَالَ هَلْ ءَامَنُكُمْ عَلَيْهِ إِلَّا كَمَا ءَامَنُتُمْ عَلَىٰ أَخِيهِ مِنْ قَبْلُ ۚ فَاللَّهُ خَيْرٌ حَافِظًا وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ ﴿٦٥﴾

Maksudnya: "Oleh itu, berperanglah (Wahai Muhammad) pada jalan Allah (untuk membela Islam dari pencerobohan musuh); Engkau tidak diberati selain daripada kewajipanmu sendiri. dan berilah peransang kepada orang-orang yang beriman (supaya turut berjuang dengan gagah berani). Mudah-mudahan Allah menahan bahaya serangan orang-orang yang kafir itu. dan (ingatlah) Allah amatlah besar kekuatan-Nya dan amatlah berat azab seksa-Nya.(63) Bapa mereka berkata: '(Jika Aku lepaskan dia pergi bersama-sama kamu), Aku tidak menaruh kepercayaan kepada kamu menjaganya melainkan seperti kepercayaanku kepada kamu menjaga saudaranya dahulu (yang telah kamu hampakan.

oleh itu Aku hanya menaruh kepercayaan kepada Allah), kerana Allah jualah Penjaga yang sebaik-baiknya, dan Dia lah jua Yang Maha Mengasihani dari sesiapa sahaja yang menaruh belas kasihan. ’ ”

e. AYAT PENDINDING DARIPADA SYAITAN (al-Mu'minun 23:97-98)

﴿ وَقُلْ رَبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ هَمَزَاتِ الشَّيْطَانِ ﴾ وَأَعُوذُ بِكَ رَبِّ أَنْ تَحْضُرُونِ ﴿٩٨﴾

Maksudnya: “Dan katakanlah: "Wahai Tuhanku, Aku berlindung kepadamu dari hasutan syaitan-syaitan (97) dan Aku berlindung kepadaMu, wahai Tuhanku, supaya syaitan-syaitan itu tidak menghampiriku. (98)”

f. AYAT PERLINDUNGAN DARIPADA SYAITAN (al-‘Araf 7:27)

﴿ إِنَّهُ يَرَانَكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ إِنَّا جَعَلْنَا الشَّيَاطِينَ أَوْلِيَاءَ لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya syaitan dan kaumnya melihat kamu dengan keadaan yang kamu tidak dapat melihat mereka. Sesungguhnya Kami telah menjadikan syaitan-syaitan itu teman rapat bagi orang-orang yang tidak beriman.”

g. RUQYAH NABAWIYAH

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ، الَّتِي لَا يَجَاوِزُهُنَّ بَرٌّ وَلَا فَاجِرٌ، مِنْ شَرِّ مَا يَلِجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا، وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَ مَا يَعْرُجُ فِيهَا، وَمِنْ فَتَنِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ، وَمِنْ طَوَارِقِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ، إِلَّا طَارِقًا يَطْرُقُ بِخَيْرٍ يَا رَحْمَنُ.

Maksudnya: “Aku memohon perlindungan dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna, yang tidak dilampaui akan dia oleh mereka yang baik dan mereka yang jahat yang melakukan maksiat, dan daripada kejahatan yang menyusup dalam bumi, dan yang keluar darinya, dan daripada yang turun daripada langit, dan kejahatan yang naik padanya, juga

daripada musibah-musibah di waktu malam dan siang dan daripadasesuatu kejadian pada waktu malam dan siang, kecuali sesuatu kejadian pada waktu malam dan siang yang membawa kebaikan, ya Allah yang Maha Pemurah.”

h. DOA MENGHINDAR SYAITAN

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ ، مِنْ كُلِّ عَدُوٍّ وَهَامَّةٍ ، وَمِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَعَيْنٍ لَّامَّةٍ ، أَعُوذُ بِاللَّهِ الْوَاحِدِ الْمَجِيدِ ،
مِنْ كُلِّ عَدُوٍّ وَحَاسِدٍ ، وَمِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَارِدٍ ، بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ عَلَى عَبْدِهِ بِقَوْلِهِ ، { لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي
أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ . }

Maksudnya: “Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada setiap musuh dan binatang berbisa, juga daripada setiap syaitan dan pandangan/pandangan mata yang tercela. Aku berlindung kepada Allah yang Esa lagi Mulia, daripada setiap musuh dan orang yang hasad, juga daripada syaitan yang derhaka. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah terhadap hambanya dengan firmanNya ‘Sesungguhnya Kami telah jadikan manusia itu dalam keadaan sebaik-baik kejadian.’ ”

i. DOA MENGHINDAR HASUTAN SYAITAN

أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ، مِنْ هَمْزِهِ وَنَفْخِهِ وَنَفْثِهِ

Maksudnya: “Aku berlindung dengan Allah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui daripada syaitan yang direjam, daripada hasutannya, tiupannya dan simpulannya.”

j. DOA MENGHINDAR GANGGUAN SYAITAN

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ غَضَبِهِ وَعِقَابِهِ وَشَرِّ عِبَادِهِ وَمِنْ هَمْزَاتِ الشَّيَاطِينِ وَأَنْ يَخْضُرُونَ

Maksudnya: “Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna, daripada kemurkaan-Nya, balasan buruk-Nya, kejahatan hamba-hamba-Nya, dan daripada hasutan-hasutan syaitan dan supaya mereka tidak menghampiri.

3.4. Penutup

Setelah digambarkan secara umum berkenaan Darussyifa’ dan semua yang berkaitan dengan rawatan serta amalan perawat persatuan kebajikan dan perubatan Islam ini, dapat disimpulkan bahawa Darussyifa’ merupakan satu institusi rawatan secara Islam yang sangat penting dalam pembinaan masyarakat Malaysia daripada melakukan kesyirikan kepada Allah dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dalam ilmu perubatan serta rawatan Islam yang dianjurkan oleh Islam dan diajarkan oleh junjungan besar kita iaitu Nabi Muhammad SAW.

Penulis juga telah mendedahkan secara umum tentang definisi dan konsep dalam menggunakan *al-ruqyah al-syari’iyyah* dan perbezaannya ayat ketara dengan *al-ruqyah al-syirkiyyah* yang membawa kesyirikan kepada Allah Ta’ala. Penulis telah menjawab soalan kajian yang berkaitan Darussyifa’ dan ruqyah.

BAB 4

ANALISIS AYAT-AYAT RUQYAH

4.0. Pendahuluan

Ayat-ayat ruqyah merupakan ‘alat’ yang digunakan dalam perubatan Islam yang menjadi elemen utama dalam rawatan cara Islam. Ia juga merupakan satu cara untuk merawat pesakit dan merupakan perantaraan perawat dengan Allah SWT dan juga pesakit dengan Allah SWT. Ia tidak akan berkesan jika kedua-dua belah pihak tidak ada nilai kebergantungan (*tawakkal*) kepada Allah SWT semata-mata. Rawatan ini juga dinamakan jampi doa oleh sesetengah masyarakat kerana ingin membezakan dengan jampi serapah dalam perubatan tradisional Melayu yang masyhur dengan penggunaan jampi serapah dan mantera. Itulah kelebihan perubatan Islam yang menjadi tunggak kepada aliran yang bercanggah dengan garis panduan syariat Islam yang sebenar dalam menggunakan jampi dalam perubatan.

Bab yang keempat ini merupakan bab analisis dan kemuncak kepada perbincangan dalam kajian ini. Dengan menggunakan pendekatan metode analisis penulis akan menjalankan kajian dan analisis ke atas ruqyah-ruqyah yang bukan ayat al-Quran yang diguna pakai oleh Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam di Darussyifa’. Analisis dijalankan dengan berdasarkan ilmu *Ma’ani* dan tujuannya ke atas setiap struktur ayat-ayat jampi dan menjelaskan unsur-unsur balaghah yang terdapat padanya dengan mengambil kira perkaitan dengan jenis-jenis penyakit atau keadaan doa jampi dibacakan.

4.1. Analisis Balaghah Terhadap Ayat-Ayat Ruqyah

Setelah dinilai dan diamati hanya terdapat sebanyak 14 teks doa yang bersumberkan Hadith Rasulullah SAW dan ayat bukan hadith yang telah diadunkan berdasarkan apa yang telah disampaikan dan diajar dalam *al-sunnah* dan juga pengalaman para *salafussoleh* sebagaimana telah dibahasakan dalam bab yang ketiga.

Perbahasan balaghah yang akan dinilai berdasarkan ilmu *Ma'ani* sahaja yang terangkum padanya perbahasan yang telah dibincangkan dalam bab kedua. Ayat-ayat ruqyah yang dipilih merupakan elemen-elemen ruqyah yang berbentuk doa yang mempunyai fungsi terhadap sakit-sakit tertentu.

4.1.1. Ruqyah Pertama: Doa Penghilang Kesakitan

بِسْمِ اللَّهِ بِسْمِ اللَّهِ بِسْمِ اللَّهِ أَعُوذُ بِعِزَّةِ اللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأُحَاذِرُ

Maksudnya: “Dengan nama Allah, dengan nama Allah, dengan nama Allah, aku berlindung kepada kemuliaan Allah dan kekuasaan-Nya daripada keburukan yang aku sedang alami dan aku takuti.”

Ruqyah ini digunakan ketika rawatan peringkat pertama ketika pesakit mengadu kesakitan. Ia dibacakan pada tempat yang sakit tersebut. Ayat pertama dimulakan dengan frasa *jar* dan *majrur* iaitu pada frasa بِسْمِ اللَّهِ. *Basmalah* didahulukan dan membawa maksud keutamaan pergantungan hanya kepada Allah semata-mata.

Ayat pertama *basmalah* yang diulangi sebanyak tiga kali menggunakan *tawkid lafziy* (gaya bahasa penegasan) melalui *takrar* (pengulangan) yang memberi makna *tawkid*. Pada asalnya *tawkid* berbentuk pengulangan ini adalah untuk pendengar yang berstatus *inkariy* yang memerlukan pengulangan bagi tujuan penegasan. Namun *takrar* atau pengulangan ini digunakan bukan kerana pendengar (pesakit) ini merupakan orang yang mengingkari penyakitnya tetapi kerana ruqyah ini digunakan untuk mengurangkan atau menyembuhkan kesakitan yang dialami oleh pesakit, dibacakan kepada pesakit yang mengadu kesakitan.

Pesakit bukannya tidak percaya kesakitannya tetapi penderitaan yang ditanggungnya agak berat yang memerlukan penegasan berulang kali. Demikian antara sebab *takrar* penting dalam bacaan ruqyah ini.

Ayat kerjaan seterusnya dalam *أَعُوذُ بِعِزَّةِ اللَّهِ وَقُدْرَتِهِ* ialah *uslub khabariy* yang datang dalam bentuk meminta perlindungan (*al-ta'awudz*). Ayat ini menggunakan *uslub khabariy* tetapi memberi makna *uslub insyā'iy* iaitu permohonan yang memberi maksud doa. *أَعُوذُ* bermaksud aku berlindung tetapi maksudnya disini ialah *أَعِزَّنِي* (lindungilah aku). Doa biasanya terbentuk daripada ayat kata kerja perintah (*fi'l amr*) tetapi ia datang dalam kata kerja kini *fi'l mudari'* iaitu *أَعِزَّنِي* yang membawa pengertian bahawa jampi yang dibaca merupakan doa memohon perlindungan yang tidak terbatas kepada waktu atau sekarang dan sentiasa diperlukan oleh manusia khususnya oleh pembaca ruqyah dan pesakit.

Pada ayat akhir doa iaitu frasa, *وَأُحَازِرُ مَا أَجْدُ مِنْ شَرٍّ* diakhiri dengan *uslub khabariy* dalam dua ayat kerjaan. Kedua-duanya mempunyai *fi'il mudari'* yang memberi makna 'sedang'

iaitu pesakit sedang sakit pada waktu itu. Ia juga menggunakan perkataan ما sebelum *fi'il mudari'*, yang membawa erti umum dan apa sahaja penyakit yang Allah SWT lebih mengetahui. Ini jelas dalam konteks ini ia menunjukkan pesakit amat merasai kesakitan dan memohon perlindungan Allah dari segala yang apa dideritai pada saat itu.

4.1.2. Ruqyah Kedua: Ruqyah Jibril

بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ ، مِنْ كُلِّ شَيْءٍ يُؤْذِيكَ، مِنْ شَرِّ كُلِّ نَفْسٍ أَوْ عَيْنٍ حَاسِدٍ، اللَّهُ يَشْفِيكَ، بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ.

Maksudnya: “Dengan nama Allah aku menjampimu, daripada setiap sesuatu yang menyakiti mu, dan daripada kejahatan setiap diri dan pandangan mata jahat orang yang hasad, Allah yang akan menyembuhkan dikau, dengan nama Allah aku menjampimu.”

Ruqyah ini dibacakan kepada pesakit yang mengadu kesakitan pada peringkat pertama rawatan dijalankan. Ia juga adalah penenang kepada pesakit yang mengalami gangguan makhluk halus dan sihir. Ia dinamakan ruqyah Jibril kerana ia merupakan bacaan ruqyah yang dibaca oleh malaikat Jibril A.S kepada Rasulullah SAW ketika Baginda sakit akibat daripada perbuatan sihir. Rasulullah SAW kemudiannya menggunakannya kepada keluarga dan sahabatnya [Kitab al-Salam, no.hadith 5700]. Lihat Muslim (2000M), h.1066.)

Ayat بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ didahulukan dengan frasa *jar* dan *majrur*, iaitu بِسْمِ اللَّهِ kerana menunjukkan pergantungan kepada Allah. *Takrar* (pengulangan) bagi ayat بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ berlaku pada ayat akhir kerana tujuan penegasan kepada pesakit dan pengharapan yang tinggi kepada Allah untuk menyembuhkan pesakit tersebut. أَرْقِيكَ merupakan *uslub khabariy* yang digunakan sebanyak dua kali dari segi balaghahnya memberi makna *uslub*

insyā'iy yang memberi tujuan doa yang dibaca kepada pesakit yang datang meminta rawatan. Pengulangan ini digunakan di sini kerana pendengar (pesakit) yang merupakan *mukhatab* walaupun bukan dari golongan mengingkari tetapi memerlukan penegasan dalam pertuturan demi mengharapkannya bertambah keyakinan untuk sembuh serta mendorongnya lebih kuat dengan bantuan yang disalurkan melalui rawatan peringkat pertama.

مِنْ كُلِّ شَيْءٍ يُؤْذِيكَ، مِنْ شَرِّ كُلِّ نَفْسٍ أَوْ عَيْنٍ حَاسِدٍ perkataan yang bergaris merupakan perkataan yang masing-masing memberi makna (sesuatu, kejahatan, jiwa atau diri dan pandangan mata) . Semua perkataan ini digunakan dalam *nakirah* (kata nama am). Ini memberi makna tambahan kepada perkataan berikut kerana *tankir* yang digunakan membawa tujuan makna umum dan meluas. Ia merangkumi segala kemudharatan, segala kejahatan, semua jenis ancaman yang dipohon daripadanya perlindungan dari Yang Maha Esa.

Ruqyah ini juga menggunakan pemisahan ayat (*uslub fasl*) tanpa penggunaan huruf و yang memisahkan antara ayat يُؤْذِيكَ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ dan ayat selepas مِنْ شَرِّ كُلِّ نَفْسٍ أَوْ عَيْنٍ حَاسِدٍ . Tujuan dihilangkan و disini ialah untuk menunjukkan perkaitan yang amat rapat antara perkara yang menyakiti dan pandangan mata yang jahat individu yang dengki.

Frasa اللَّهُ يَشْفِيكَ adalah ayat namaan yang merupakan *uslub khabariy* dengan menyebut nama Allah SWT di permulaan kerana ia lebih kuat. Ia juga merupakan kata-kata yang diucapkan kepada pesakit yang memberi tujuan makna balaghahnya sebagai doa dan harapan kepada pesakit bahawa Allah SWT sahaja akan menyembuhkannya.

4.1.3. Ruqyah ketiga: Doa Penyakit Mata

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ، مُذْهِبَ الْبَاسِ، اشف أنت الشافي، لا شفاء إلا شفاؤك، شفاء لا يُعَادِرُ سَقَمًا وَلَا
أَلَمًا إِلَّا شِفَاهُ. ﴿فَكَشَفْنَا عَنْكَ غِطَاءَكَ فَبَصَرُكَ الْيَوْمَ حَدِيدٌ﴾ ﴿فَسُبُّصِرْ وَيُبَّصِرُونَ﴾.

Maksudnya: “Ya Allah, Tuhan (yang memelihara) manusia, yang menghilangkan kesusahan, sembuhkanlah, Engkaulah sahaja yang menyembuhkan. Tidak ada suatu penyembuhan kecuali kesembuhan–Mu, sembuh yang tidak diiringi sakit juga penderitaan kecuali kesembuhan-Nya. (Maka kami singkapkan daripadamu penutup yang menutupi matamu, maka penglihatanmu pada hari ini amat tajam. Maka kelak kamu akan melihat dan mereka pun akan melihat.”)

Ruqyah ini digunakan untuk merawat segala jenis penyakit mata dan radang mata. Frasa اللَّهُمَّ merupakan *uslub insyā’iy* dalam gaya seruan (*uslub nida’*) yang memberi makna doa pada permulaan ayat dengan menyeru Allah SWT dengan dua sifat-Nya, iaitu yang Maha Memelihara manusia dan juga yang Maha menghilangkan kesusahan iaitu sakit dan penyakit mata yang dialami oleh pesakit. Kalimah رَبَّ merupakan kalimat yang diguna pakai kerana ia bermaksud untuk memohon daripada sifat Allah SWT sebagai Pencipta, Pemelihara dan Tuhan sekalian alam yang mengurus dan mentadbir secara mutlak dan total. Setiap doa yang berkenaan dengan urusan kehidupan di dunia dan di akhirat biasanya dimulai dengan perkataan رَبَّ dan bukannya إِلَه. Permohonan yang dibuat adalah untuk meminta belas dari Allah SWT dengan kesempurnaan sifat-Nya.

Perkataan مُذْهَبِ الْبُأْسِ dalam bentuk *idhofah* dan *makrifah* yang tujuannya mengkhususkan seruan kepada Allah sebagai Tuhan diyakini Maha Menghilangkan segala kesusahan. Walaupun ia khusus kepada mata, tetapi sebagaimana kita tahu jika mata sakit segala perkara menjadi susah dan segala pergerakan terbatas.

Perkataan إِشْفِ datang dalam bentuk *uslub al-amr* jenis *insyā'iy ṭalabiy* yang datang dalam bentuk ucapan dari bawah ke atas yakni daripada hamba kepada Tuhan maka ia akan bermaksud doa. Frasa أَنْتَ الشَّافِيَّ adalah *uslub khabariy* yang bukan bertujuan memberitahu Allah SWT tetapi tujuan *ta'zīm* atau membesarkan dengan mengatakan bahawa hanya Dia sahaja penyembuh tetap. Jika diperhatikan, ayat namaan yang digunakan ialah jenis *khavar makrifah* الشَّافِيَّ iaitu terdapat tanda ال padanya. Keadaan ini berlaku dalam bahasa Arab dan membawa makna *al- istighraq* iaitu makna sebenar –benar atau hakikat bahawa Allah SWT adalah Maha Penyembuh dan sememangnya diketahui akan sifat Penyembuh itu wujud pada Zat Allah SWT yang Maha Esa dan akan menyembuhkan kesakitan dan virus yang terdapat pada mata.

لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ، شِفَاءٌ لَا يُعَادِرُ سَقَمًا وَلَا أَلَمًا إِلَّا شِفَاؤُهُ.

Kedua-dua ayat yang datang selepas itu menggunakan *uslub qasar* dengan *nafi* dan *istisna'* iaitu mengkhususkan bahawa tiada penyembuh atau ubat yang dapat menyembuhkan sebarang penyakit atau sakit mata yang dialami melainkan kehendak Allah SWT semata-mata dan tidak akan ada lagi sebarang kesakitan yang akan dirasai selepas mendapat rahmat kesembuhan dari Allah SWT. Perkataan شِفَاءٌ yang ialah *tawkid* ketiga dalam bentuk *maf'ul muṭlaq* untuk menegaskan kesembuhan yang dipohon.

Seterusnya ayat لَا يُعَادِرُ سَقَمًا وَلَا أَلَمًا إِلَّا شِفَاهُ menggunakan *uslub qasr* sekali lagi untuk mengkhususkan bahawa tiada akan hilang kesakitan dan penderitaan melainkan kesembuhan dari Allah sahaja.

Ruqyah ini kemudian diakhiri dengan ayat yang bergaris di atas merupakan *al-iqtibas* (الاقْتِبَاس) dari ayat al-Quran al-Karim untuk keberkatan. Secara leksikal *al-iqtibas* bermakna ‘menyalin’ dan mengutip. Sedangkan secara istilah *al-iqtibas* adalah ayat yang disusun dengan menggunakan petikan ayat al-Quran atau Hadith ke dalam teksnya tanpa menjelaskan bahawa petikan itu berasal dari ayat al-Quran atau Hadith. (ayat ini tidak dianalisis dalam kajian ini).

4.1.4. Ruqyah keempat: Doa ‘Ilaj Ilahi

رَبُّنَا اللَّهُ الَّذِي فِي السَّمَاءِ تَقَدَّسَ اسْمُكَ أَمْرُكَ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ، كَمَا رَحِمْتُنَا فِي السَّمَاءِ ، فَاجْعَلْ رَحْمَتَكَ فِي الْأَرْضِ، وَاغْفِرْ لَنَا خُوبَنَا وَخَطَايَانَا، أَنْتَ رَبُّ الطَّيِّبِينَ، أَنْزِلْ رَحْمَةً مِنْ عِنْدِكَ، وَشِفَاءً مِنْ شِفَائِكَ عَلَى هَذَا الْوَجْعِ ، فَيَبْرِأَ بِإِذْنِ اللَّهِ.

Maksudnya: “Tuhan kami Allah yang berada di langit¹ , Maha suci nama-Mu, urusan-Mu di langit dan bumi. Sepertimana rahmat-Mu terdapat di langit, maka anugerahkanlah rahmat-Mu di bumi, dan ampunilah bagi kami, dosa dan kesalahan kami. Engkau adalah Tuhan orang-orang yang baik. Turunkanlah rahmat dari sisi-Mu, dan kesembuhan daripada kesembuhanmu terhadap sakit ini –maka ia sembuh dengan izin Allah.”

¹ Hakikatnya, Allah SWT tidak bertempat menurut Ahli Sunnah wa Al-Jamaah

Ruqyah ini digunakan untuk merawat sakit yang kronik dan berulang seperti penyakit kencing manis, ketumbuhan, radang paru-paru, masalah jantung dan lain-lain.

Frasa رَبُّنَا اللَّهُ الَّذِي فِي السَّمَاءِ (Tuhan kami Allah yang berada di langit) merupakan ayat *uslub khabariy* yang memberi tujuan pujian kepada Allah SWT. Ayat namaan digunakan untuk pengakuan Allah SWT itu Tuhan kerana ia lebih kuat berbanding dengan menggunakan ayat kerjaan.

Manakala ayat تَقَدَّسَ اسْمُكَ (Maha suci nama-Mu) merupakan ayat *uslub khabariy* yang bukan bertujuan memberitahu Allah SWT tetapi mempunyai tujuan yang sama dan merupakan ayat penegasan pengakuan penegasan terhadap sifat Allah SWT pada ayat namaan sebelumnya. *Uslub* ini juga menggunakan *fa'il mady* تَقَدَّسَ pada permulaan ayat untuk menunjukkan kepastian bahawa Maha suci zat Allah di langit dan di bumi.

Ayat وَأَمْرُكَ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ juga merupakan ayat *uslub khabariy* dan bukannya bertujuan memberitahu Allah SWT tetapi yang membawa makna pengakuan dan pujian tentang urusan Allah di langit dan di bumi yang tiada satu pun terlepas daripada pengetahuan Allah SWT. Seterusnya pada ayat كَمَا رَحِمْتُكَ فِي السَّمَاءِ فَاجْعَلْ رَحِمَتَكَ فِي الْأَرْضِ ayat naman yang datang selepasnya menggunakan *uslub khabariy* perkataan رَحِمْتُكَ dalam kedua-dua ayat pula berbentuk *al-ta'rif bi al-idhafat* yang memberi maksud *ta'zi:m* dan juga banyaknya rahmat-Mu di langit itu jadikanya banyak juga di bumi demi mengharapakan masalah yang kami hadapi sekarang dibantu dengan rahmat-Mu yang banyak itu.

فَجْعَلْ رَحْمَتَكَ فِي الْأَرْضِ / وَاعْفِرْ لَنَا خُوبَنَا وَخَطَايَانَا / أَنْزِلْ رَحْمَةً مِنْ عِنْدِكَ، وَشِفَاءً مِنْ شِفَائِكَ عَلَى هَذَا الْوَجَعِ.

Ayat-ayat di atas merupakan ayat kerjaan yang menggunakan kata kerja perintah dengan tujuan ayat doa dari hamba kepada penciptanya. Perawat memohon Allah SWT menurunkan rahmat-Nya, mengampunkan kesalahannya sebelum memohon dari Allah SWT supaya dengan rahmat yang diberikan dari keampunan-Nya serta rahmat-Nya yang meliputi alam semesta ini, lantas dapat jua diberikan kepadanya ketika itu untuk didengari permintaannya untuk diberikan kesembuhan kepada pesakit yang dirawat.

Ayat أَنْتَ رَبُّ الطَّيِّبِينَ (*Engkau adalah Tuhan orang-orang yang baik*) pula adalah ayat namaan yang menggunakan *uslub khabariy* yang bukan bertujuan memberitahu tetapi pengertiannya untuk pujian (*al-madah*) kepada Allah SWT. Perkataan الطَّيِّبِينَ atau maksudnya orang-orang yang baik itu ialah ditujukan kepada orang sakit tersebut.

Perkataan رَحْمَةً dan perkataan شِفَاءً datang dalam bentuk nakirah yang memberi makna gambaran sesuatu yang banyak (*al-takthi:r*) iaitu penyembuhan dan rahmat Allah yang banyak. Ayat terakhir فَيَبْرِأُ بِإِذْنِ اللَّهِ (*maka ia sembuh dengan izin Allah*) adalah ayat kerjaan dalam *uslub khabariy* memberi maksud *uslub insyā'iy* dengan tujuan doa. Ini merujuk kepada penyakit atau sakit akan disembuhkan oleh Allah SWT dengan keizinan-Nya yang mutlak.

4.1.5. Ruqyah kelima : Doa Penerang Hati

يَا مُعَلِّمَ إِبْرَاهِيمَ الْحِكْمَةَ عَلِّمْنَا، يَا مُفَهِّمَ سُلَيْمَانَ فَهِّمْنَا، ﴿فَفَهَّمْنَاهَا سُلَيْمَانَ وَكُلًّا ءَاتَيْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا وَسَخَّرْنَا مَعَ دَاوُودَ الْجِبَالَ يُسَبِّحْنَ وَالطَّيْرَ وَكُنَّا فَاعِلِينَ﴾ يَا رَبَّ سُلَيْمَانَ، وَيَا رَبَّ إِبْرَاهِيمَ، وَيَا رَبَّ مُوسَى وَعِيسَى، وَيَا رَبَّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَخْرِجْنَا مِنْ ظُلُمَاتِ الْجَهْلِ وَالنَّسْيَانِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، اللَّهُمَّ زِدْنَا عِلْمًا، وَارْزُقْنَا فَهْمًا، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، اللَّهُمَّ تَوَزَّنَا بِنُورِ عِلْمِكَ، وَأَبْعِدْنَا النَّسْيَانَ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، اللَّهُمَّ ارْزُقْنَا فَهْمَ النَّبِيِّينَ، وَحِفْظَ الْمُرْسَلِينَ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Maksudnya: “Ya Allah, Tuhan yang mengajar Nabi Ibrahim AS akan hikmat, ajarkan kami, Ya Allah Tuhan yang mengajar Nabi Sulaiman AS akan kefahaman, berilah kefahaman kepada kami. (Firman Allah SWT) ‘Maka Kami (Allah) telah memberikan kefahaman kepada Sulaiman tentang hukum (yang lebih tepat) dan kepada masing-masing mereka Kami telah berikan kebijaksanaan dan ilmu dan telah Kami tundukkan gunung-gunung dan burung-burung, semua bertasbih bersama Daud. Dan Kamilah yang melakukannya.’ Wahai Tuhan Nabi Sulaiman AS, juga wahai Tuhan Nabi Ibrahim AS, wahai Tuhan Nabi Musa AS dan Nabi Isa AS, wahai Tuhan Nabi Muhammad SAW, selamatkanlah kami daripada kegelapan jahil dan lupa, dengan rahmat-Mu wahai Tuhan yang amat mengasihani daripada segala-galanya. Ya Allah, tambahkan ilmu kepada kami, dan anugerahkan kefahaman dengan rahmat-Mu wahai Tuhan yang amat Mengasihani kepada segala-galanya. Ya Allah, terangilah kami dengan cahaya ilmu-Mu, dan jauhkan kami daripada lupa dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan yang amat mengasihani kepada segala-galanya. Ya Allah, anugerahkanlah kami kefahaman Nabi-Nabi dan hafalan para utusan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan yang mengasihani kepada segala-galanya. Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian Alam.”

Ruqyah penerang hati ini digunakan untuk pesakit yang mempunyai masalah dalam pengajian contohnya seperti masalah ingatan, hafalan dan kefahaman. Pada kebiasaannya pesakit adalah pelajar-pelajar dan kanak-kanak yang ingin doa penerang hati, atau mahu dibacakan kepadanya ruqyah agar diberi cahaya pada hati untuk menuntut ilmu Allah SWT.

Ruqyah ini bermula dan mengandungi sebanyak 13 kali *uslub nida'* yang mengkhususkan seruan atau panggilan kepada Allah SWT dengan sifat-sifat-Nya yang Agung lagi sempurna berkaitan ilmu. Pada ayat *insyā'iy* الْحِكْمَةُ يَا مُعَلِّمَ إِبْرَاهِيمَ dan يَا مُفَقِّهَ سُلَيْمَانَ فَهَمَّنَا and terdapat dua *uslub insyā'iy al-ṭalabiy* yang berbentuk *uslub nida'*. Kalimah وَالْحِكْمَةُ yang memberi maksud kebijaksanaan, perkataan ini sememangnya berkait rapat dengan ilmu dan pengetahuan manusia. Ungkapan عَلِّمْنَا juga merupakan ayat *insyā'iy al-ṭalabiy* yang datang dalam bentuk *amr* (suruhan) yang membawa tujuan balaghah, bermaksud untuk tujuan doa. Makna asalnya ialah 'ajarkan kami', tetapi dalam konteks ini ia bermaksud ajarkan kami jalan yang padanya kami dapat mencapai ilmu dan hikmat.

Uslub amr dalam ayat فَهَمَّنَا ialah bertujuan doa untuk diberi kefahaman. Untuk memohon penerang hati terutama pelajar yang menuntut ilmu, ruqyah ini dituju kepada Pemilik segala hikmah dan ilmu. Allah SWT jua yang memberi hikmah dan pengetahuan kepada semua hamba-Nya termasuklah Nabi Ibrahim AS yang dikurniakan hikmah manakala Nabi Sulaiman AS diberi kefahaman merupakan antara hamba-Nya yang diberi kelebihan berupa mukjizat kefahaman dan ilmu pengetahuan yang tinggi seperti mukjizat memahami bahasa binatang sehingga tiada manusia dan makhluk lain dapat memahaminya.

Penggunaan *uslub nida'* yang berterusan yang menyeru Tuhan kepada Nabi Sulaiman AS, Nabi Ibrahim AS, Nabi Musa AS, Nabi Isa AS, dan berakhir dengan Nabi Muhammad SAW yang semua para Nabi yang disebut merupakan Rasul *Ulul Azmi* yang bertujuan memohon dengan mengambil berkat daripada para Rasul yang paling banyak diuji serta paling besar mukjizat kepada mereka yang pastinya ada dalam kalangan mereka juga yang mempunyai Kitab Samawi yang menjadi panduan kepada manusia.

Ungkapan yang seterusnya *ظُلُمَاتِ الْجُهْلِ وَالنَّسْيَانِ* ialah ayat yang berunsurkan *uslub insyā'iy* dan tujuan doa kepada Allah SWT. Ayat ini menggunakan perkataan *ظُلُمَاتِ الْجُهْلِ* kegelapan kejahilan dan sifat lupa dalam menggambarkan teruknya kehidupan dalam musibah kejahilan dan memohon supaya Allah mengeluarkan pesakit daripada kegelapan yang ibarat bala kebodohan dan pelupa. Dalam frasa *يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ* berlaku pengulangan (*takrar*) dalam setiap permohonan yang membawa maksud pengharapan dan doa. Ia berulang sebanyak 4 kali. Doa hamba akan hanya dimustajabkan dengan meminta dari anugerah Tuhan yang Maha Pengasih terhadap hamba-Nya. Ini juga adalah amalan para Rasul dan Nabi dalam memohon doa kepada Allah SWT.

Frasa *اللَّهُمَّ* merupakan *uslub insyā'iy* dalam gaya doa yang menggunakan gaya seruan (*uslub nida'*) yang bererti wahai Allah pada permulaan setiap ayat di atas. *Uslub nida'* juga berlaku *takrar* yang banyak iaitu pengulangan *يَا* yang bermaksud wahai dan *اللَّهُمَّ* ertinya wahai Allah dengan menyeru Allah SWT dengan zat-Nya. Ini membuktikan pengharapan yang mendalam dan sangat kuat dengan hati yang tawaduk kepada Allah

untuk diberi ilmu dan kefahaman kerana dengan itulah manusia dapat pedoman kehidupan sehingga menjadi tamadun.

Ayat *فَهُمَا* dan *عِلْمًا* menggunakan *nakirah* pada kedua perkataan *اللَّهُمَّ زِدْنَا عِلْمًا، وَارْزُقْنَا فَهُمَا* memberi maksud sesuatu yang banyak (*al-takthi:r*) . Jadi memohon ilmu dan kefahaman secara banyak dari gedung ilmu Allah SWT yang akan memberikan sinar kejayaan dunia dan akhirat .

Ayat berikutnya didatangkan lagi *uslub nida* ' *اللَّهُمَّ* dan diikuti dengan ayat *uslub amr* yang bertujuan doa iaitu (cahayailah kami) *نَوِّرْنَا*, (jauhilah kami) *أَبْعِدْنَا* , (anugerahkanlah kami) *ارْزُقْنَا* yang mana semuanya menyeru dengan memohon cahaya Allah SWT dan dipinta untuk dijauhkan dengan bala lupa yang mana sangat bahaya kepada orang yang menuntut ilmu, kerana ia akan menjejaskan pengajiannya. Akhirnya memohon mendapatkan anugerah kefahaman Nabi-Nabi dan hafalan para utusan Allah yang dengan rahmat Allah mereka menjadi kuat ingatan dan hafalan.

4.1.6. Ruqyah kelima: Doa Mengatasi Sukar Tidur

اللَّهُمَّ رَبَّ السَّمَوَاتِ السَّبْعِ وَ مَا أَظَلَّتْ، وَ رَبَّ الْأَرْضَيْنِ وَ مَا أَقَلَّتْ، وَ رَبَّ الشَّيَاطِينِ وَ مَا أَصَلَّتْ، كُنْ لَهُ جَارًا مِنْ شَرِّ خَلْقِكَ كُلِّهِمْ جَمِيعًا، أَنْ يَفْزُطَ عَلَيْهِ أَحَدٌ مِنْهُمْ، أَوْ أَنْ يَنْبَغِي عَلَيْهِ عَزَّ جَارُكَ وَجَلَّ ثَنَاؤُكَ، وَلَا إِلَهَ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ قَدْ غَارَتِ النُّجُومُ ، وَهَدَّاتِ الْعُيُونُ، وَأَنْتَ حَيٌّ قَيُّومٌ، لَا تَأْخُذُكَ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ، يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، أَهْدِنِي لِيَايَتِهِ وَأَنْمِ عَيْنِيهِ.

Maksudnya: “Ya Allah, Tuhan Pemelihara langit yang tujuh dan apa yang dilindungi-Nya, Tuhan Pemelihara segala bumi dan apa yang terkandung di dalamnya, dan Tuhan Pencipta syaitan dan apa yang tersesat kerananya, jadikanlah Engkau

Pemelihara baginya daripada kejahatan makhluk-Mu itu semua, jangan sampai seseorang daripada mereka mengalahkan dia dan melakukan kezaliman. (Dengan) Pemeliharaan-Mu, Maha Besar Puji-Mu, tidak ada tuhan selain-Mu. Ya Allah, bintang-bintang telah tenggelam, segala mata merasa tenang, sedangkan Engkau tetap hidup lagi berdiri sendiri, tiada mengantuk dan tiada tidur menimpa-Mu, Ya Tuhan yang hidup, Ya Tuhan yang berdiri sendiri, tenangkan malamnya dan tidurkanlah matanya.”

Ruqyah ini digunakan untuk pesakit *insomnia* atau kesukaran untuk tidur atau juga gangguan-gangguan makhluk halus ketika hendak tidur. Ruqyah ini mempunyai dua komponen doa, yang pertama memohon perlindungan dari kejahatan makhluk, manakala yang kedua memohon untuk tidur.

Ayat permulaan menggunakan *al-insyā'iy al-ṭalabiy* ini menggunakan gaya seruan (*uslub nida'*) yang memberikan tujuan *takzīm* iaitu membesarkan Allah SWT dengan menyebut sifat Allah SWT yang menciptakan langit, bumi, syaitan dan kesesatannya itu setelah mengingkari perintah Allah SWT.

Kalimah رَبِّ digunakan kerana ia bermaksud untuk memohon daripada sifat Allah SWT sebagai Pencipta, Pemelihara dan Tuan sekalian alam yang mengurus dan mentadbir secara mutlak dan total. Setiap doa yang berkenaan dengan urusan semasa dan berkenaan dengan urusan kehidupan di dunia dan di akhirat biasanya dimulai dengan perkataan رَبِّ dan bukannya إِلَه. Permohonan yang dibuat adalah untuk meminta belas dari Allah SWT dengan kesempurnaan sifat-Nya.

Ruqyah ini seterusnya menggunakan *uslub wasl* untuk menunjukkan perkaitan antara ayat رَبِّ السَّمَوَاتِ السَّبْعِ وَ مَا أَظْلَمَتْ , ayat kedua رَبِّ الْأَرْضِينَ وَمَا أَفْلَحْتُ dan ayat ketiga رَبِّ الشَّيَاطِينِ وَمَا أَضَلَّتْ mengaitkan dengan kejadian tujuh langit, bumi dan bintang yang tenggelam dalam menceritakan kejadian malam dan siang yang saling berkait antara satu dengan yang lain akan tetapi ia tidak terlepas sama sekali daripada pengetahuan dan jagaan Allah SWT yang Maha Hidup lagi Perkasa pada ayat . Begitulah juga Allah SWT melindungi hamba-Nya daripada gangguan syaitan yang mengganggu manusia ketika apa yang berlaku di langit dan di bumi pada waktu manusia tidur dan rehat.

Penggunaan مَا di sini memberi makna umum iaitu memberi maksud apa sahaja yang terkandung dalam langit, apa sahaja yang terkandung dalam bumi dan apa sahaja yang menjadi sesat kerana syaitan.

Kemudian disusuli dengan ayat perintah yang membawa makna tujuan doa dan pengharapan, iaitu كُنْ لَهُ جَارًا مِنْ شَرِّ خَلْقِكَ (jadikanlah Engkau Pemelihara baginya daripada kejahatan makhluk-Mu itu semua) kepada Allah SWT agar menjadi Pemelihara dan Pelindung kepada pesakit *insomnia* (kesukaran tidur) yang kebanyakannya diganggu oleh syaitan. Perkataan جَارًا digunakan dalam bentuk *nakirah* yang memberi maksud umum iaitu pemelihara daripada segala bentuk gangguan kejahatan makhluk .

Manakala frasa كُلِّهِمْ (makhluk-Mu itu semua) merupakan *uslub khabariy* datang dalam bentuk *tauwkid ma'nawiy* yang membawa makna keseluruhan atau segala jenis gangguan dan kejahatan makhluk terutama syaitan yang mengganggu mata serta jiwa manusia untuk berehat dan tidur pada waktu malam.

Seterusnya dua perkataan *fi'il mudori'* yang dibawa iaitu أَنْ يَفْرُطَ dan أَنْ يَبْغِيَ yang membawa makna bahaya sekarang dan akan datang. Perkataan أَحَدٌ digunakan sebagai *nakirah* yang memberi maksud umum yang menegaskan tiada seorang atau sesiapa pun yang dapat masuk ke kawasan peribadinya untuk menyakiti dan menzaliminya.

Kemudian وَلَا إِلَهَ غَيْرُكَ pula adalah ayat namaan datang dalam *uslub qasr* yang bertujuan mengkususkan Tuhan itu hanya Allah semata-mata tiada yang selain-Nya. Perkataan وَجَلَّ ثَنَاؤُكَ dan عَزَّ جَاؤُكَ dibawa dengan *al-ta'rif bi al-ida'fat* yang membawa makna keagungan Allah SWT.

Doa yang kedua menggunakan *uslub nida'* اللَّهُمَّ dan didatangkan *tawkid* dengan digunakan قَدْ untuk tujuan penegasan dan menggunakan *fi'il mady* iaitu غَارَتِ dan وَهْدَأَتْ yang menunjukkan penegasan kelemahan segala makhluk berbanding dengan Allah SWT yang berdiri gagah tiada yang dapat menandingi kekuasaan-Nya. *Uslub wasl* dengan menggunakan وَ untuk menunjukkan kaitan antara sudah datangnya malam waktu itu manusia sudah kepenatan dan memerlukan tidur.

Kemudian diikuti sebutan *al-musnad ilayh* أَنْتَ pada ayat وَأَنْتَ حَيٌّ قَيُّومٌ pujian dengan sifat Allah dalam bentuk *nakirah* yang menunjukkan pengagungan kepada Allah SWT dengan sifat-Nya yang Maha Hidup dan Maha Berdiri Sendiri. Selepas itu pengakuan dalam bentuk *tawkid* dengan pengulangan لَا pada ayat تَأْخُذُكَ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ bagi menegaskan Allah tiada pada zat-Nya mengantuk dan tidur. Ruqyah ini berakhir dengan أَهْدِيْ لِيَّالِيْهِ وَأَنْمِ dalam bentuk *uslub insyā'iy* jenis doa memohon ditidurkan pesakit yang tidak dapat tenang jiwanya dengan gangguan yang dialaminya. Ayat akhir ini juga menggunakan *wasl*

iaitu untuk menunjukkan perkaitan rapat antara ketenangan malam dan tidur. Allah SWT menjadikan siang untuk bekerja dan malam untuk berehat. Psikologi dan sistem badan manusia akan terganggu jika waktu malamnya tidak dapat berehat dan tidur secukupnya.

4.1.7. Ruqyah keenam: Doa Mengatasi Penyakit Rumit

أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِيكَ

Maksudnya: “Aku bermohon kepada Allah Yang Maha Agung Tuhan yang memiliki Arasy yang agung agar Dia menyembuhkan engkau.”

Ruqyah ini ditujukan kepada pesakit yang mengalami kesakitan yang rumit atau penyakit yang kronik seperti koma, komplikasi jantung atau pernafasan, kencing manis yang kronik dan sebagainya. Bacaan ruqyah ini diulang sebanyak tujuh kali semasa rawatan. Ayat kerjaan dalam *uslub khabariy* pada ruqyah ini membawa makna *insyā’iy al-ṭalabiy* yang bertujuan doa. *Uslub doa* bermula dengan *fi’il al-mudhari* أَسْأَلُ الله bermaksud “...aku memohon kepadamu Allah”. Berlaku *takrar* apabila ayat ini diulang sebanyak 7 kali. Ini menunjukkan *tawkid* berlaku secara *takrar* (pengulangan) ayat semua sekali untuk menunjukkan penegasan kepada pesakit yang bukannya ia daripada golongan ‘*inka:riy*’ tetapi untuk menunjukkan bahawa Allah SWT akan menyembuhkan kamu dan memberikan harapan kepada pesakit dengan kesembuhan dari Allah SWT. Ruqyah ini berakhir dengan *fi’il mudari* يَشْفِيكَ yang memberi bermaksud Dia sembuhkan kamu. Tujuannya memberi harapan kepada pesakit Allah pasti sembuhkan kamu sekarang atau sedikit masa lagi.

4.1.8. Ruqyah ketujuh: Doa Bertemu Jodoh

اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا حُبُوبَةً فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ وَبَشِيرَةً بِالْغَنَى إِلَى مِئَةِ وَعِشْرِينَ حَسَنَةً، فَإِنَّ اللَّهَ خَيْرُ حَافِظٍ وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّحِمِينَ.

Maksudnya: “Ya Allah, jadikanlah dia dikasihi pada hati-hati mereka yang beriman dan gembirakanlah dengan kekayaan sehingga memperolehi seratus dua puluh kebaikan. Allah adalah sebaik-baik pemelihara dan Dia-lah sebaik-baik yang Maha Mengasihi berbanding segala yang mengasihi .

Ruqyah ini digunakan untuk merawat pesakit yang sukar bertemu jodoh dan mempunyai masalah dengan pasangan. *Uslub al-nida'* dipermulaan dengan ungkapan اللَّهُمَّ yang membawa maksud wahai Allah. Dimulai dengan *insyā'iy al-talabiy*, اجْعَلْهَا jenis ayat perintah yang membawa tujuan makna doa kerana ia diungkapkan oleh hamba kepada Tuhannya kemudian diikuti oleh doa yang kedua وَبَشِيرَةً dengan ayat kerjaan yang sama tujuannya.

Ungkapan وَبَشِيرَةً , jika dilihat dua *fi'il* dari satu konteks yang ia datang atas wazan فَعَّلَ, iaitu wazan *mazid* yang memberi makna kata kerja itu diminta dengan banyak dan kesungguhan dan memberi maksud gembirakanlah ia dengan pemberian yang sebenar.

Hal ini demikian kerana psikologi pesakit yang lambat jodoh ini amat celaru kerana terlampau memikirkan kehidupan tanpa pasangan sehingga mengalami masalah kerungsingan dan memerlukan motivasi untuk menghilangkan kesedihannya. Justeru, pesakit perlu didoakan dengan penuh kesungguhan supaya dia mendapat kegembiraan dan perasaan kasih manusia terhadapnya.

Ruqyah ini diakhiri oleh ayat yang di petik daripada al-Quran iaitu ayat **فَاللَّهُ خَيْرٌ حَافِظًا وَهُوَ** **أَرْحَمُ الرَّحِيمِينَ** yang memberi tujuan khusus dalam memohon peliharaan Allah dan jagaan-Nya untuk individu yang belum mendirikan rumahtangga untuk menjaga diri dan maruah-Nya.

4.1.9. Ruqyah kelapan: Doa Penyejuk

اللَّهُمَّ ارْحَمْ جِلْدَهُ الرَّقِيقَ، وَعَظْمَهُ الدَّقِيقَ، وَعِرْقَهُ الصَّغِيرَ، مِنْ شِدَّةِ الْحَرِيقِ، يَا أُمَّ مِلْدَمٍ، إِنْ كُنْتَ آمَنْتَ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ، فَلَا تُصَدِّعِي الرَّأْسَ، وَلَا تُنْتِنِي الْفَمَ، وَلَا تَشْرِبِي الدَّمَ، وَتَحْوِلِي عَنْهُ إِلَى مَنْ اتَّخَذَ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ.

Maksudnya: “Ya Allah kasihanilah kulitnya yang lembut, tulangnya yang halus dan uratnya yang kecil daripada terlalu panas. Wahai Ummi Mildam, jika sesungguhnya engkau benar-benar beriman dengan Allah yang Maha Agung, maka janganlah engkau sakiti kepala, dan janganlah kamu pahitkan mulut dan janganlah kau minum darah. Berpindahlah kamu darinya kepada orang yang menyekutukan Allah dengan Tuhan yang lain.”

Seperti ruqyah yang lain, ruqyah ini bermula dengan ungkapan **اللَّهُمَّ** iaitu *uslub nida'* yang bermaksud *wahai Allah* dengan menimbulkan rasa rendah diri dan mohon belas kasihan daripada Allah SWT. Ayat **أَرْحَمْ جِلْدَهُ الرَّقِيقَ** ayat *insyā'iyat* kerana perkataan **أَرْحَمْ** yang digunakan membawa maksud permintaan atau doa kerana ia datang dalam *uslub amr* yang memohon kepada Allah SWT dengan memohon belas kasihan-Nya terhadap kelemahan yang ada pada badan manusia.

Ruqyah ini seterusnya ditujukan kepada sesuatu yang bernama *Ummu Mildam* yang menyebabkan kepanasan dan sakit kepala. Frasa يَا أُمِّ مِلْدَمٍ menggunakan *uslub al-nida'* yang ditujukan kepada makhluk yang diberi nama *Ummu Mildam* dan diikuti dengan ayat berikut إِنَّ كُنْتَ آمَنْتَ بِاللَّهِ perkataan آمَنْتَ menggunakan *fii'l madhi* bertujuan untuk menunjukkan penegasan iaitu betul-betul kamu beriman kepada Allah SWT. Pada ayat ini dikaitkan dengan keimanan kerana *Ummu Mildam* yang mengganggu kesihatan manusia ini merupakan makhluk Allah .

Ayat kerjaan yang menyeru makhluk itu dengan ayat *syart* yang memerlukan *jawab syart* yang datang selepasnya iaitu فَلَا تُصَدِّعِي الرَّأْسَ، وَلَا تُتْنِي الْفَمَ، وَلَا تَشْرِي الدَّمَ dalam gaya larangan (*uslub nahy*) iaitu menggunakan لَا *al-nahiyah* bermaksud jangan, yang mengkhususkan untuk menghentikan pergerakan atau gangguan makhluk yang dinamakan *Ummu Mildam* sehingga memanaskan kepala, memahitkan mulut dan minum darah (yang dimaksudkan mengganggu peredaran darah dalam kepala). Pada ayat terdapat *wasl* iaitu penggunaan و memberi maksud tiga perkara itu berkait rapat dengan bentuk gangguan *Ummu Mildam* tersebut itu memeningkan kepala, memahitkan mulut dan meminum darah pesakit.

Uslub amr sekali lagi digunakan di akhir ayat iaitu وَخَوِّلِي yang ditujukan kepada *Ummu Mildam* dengan mengarahkannya untuk keluar dengan tegas. Di sini berlaku interaksi dengan *Ummu Mildam* yang mengganggu dalam badan pesakit. Ia datang dalam *uslub wasl* kepada *Ummu Mildam* itu supaya beransur keluar dari badan pesakit dan beralih kepada orang yang tidak beriman.

4.1.10. Ruqyah kesembilan: Doa Mengatasi Kerunsingan

اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ وَابْنُ عَبْدِكَ وَابْنُ أَمَتِكَ، نَاصِيَتِي بِيَدِكَ، مَاضٍ فِيَّ حُكْمُكَ، عَدْلٌ فِيَّ قَضَاؤُكَ، أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ سَمِّيَتْ بِهِ نَفْسُكَ أَوْ أُنْزِلَتْهُ فِي كِتَابِكَ أَوْ عَلَّمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ أَوْ اسْتَأْثَرَتْ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ، أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رِيْعَ قَلْبِي وَنُورَ صَدْرِي وَجَلَاءَ حُزْنِي وَذَهَابَ هَمِّي.

Maksudnya: “Ya Allah sesungguhnya aku ini hamba-Mu dan anak kepada hamba lelaki-Mu dan anak kepada hamba perempuan-Mu, urusanku berada pada tangan-Mu, hukum-Mu terlaksana pada diriku, ketentuan-Mu adil padaku, aku meminta daripada-Mu dengan setiap nama-Mu yang engkau namakan diri-Mu dengannya atau yang Engkau turunkannya dalam kitab-Mu atau yang Engkau ajarkannya kepada sesiapa dalam kalangan makhluk-Mu atau Engkau peliharanya dalam ilmu ghaib di sisi-Mu agar Engkau jadikan al-Quran pengubat hatiku, cahaya dadaku, penghilang kesedihanku dan rasa gundahku.”

Uslub *al-nida'* digunakan pada permulaan ruqyah iaitu اللَّهُمَّ yang bermaksud wahai Allah yang tujuannya ialah membuat rintihan dengan menyeru Allah SWT dengan nada orang yang menyeru dengan harapan dan rendah diri . Seterusnya ayat إِنِّي عَبْدُكَ وَابْنُ عَبْدِكَ وَابْنُ أَمَتِكَ (sesungguhnya aku ini hamba-Mu dan anak kepada hamba lelaki-Mu dan anak kepada hamba perempuan-Mu) merupakan ayat namaan iaitu dalam uslub *al-khabariy* yang juga menggunakan lafaz *tawkid*. Lafaz *tawkid* إِنَّ adalah untuk memberi penegasan iaitu menggunakan *mukhattab* satu *tawkid* (*mutaraddid*). Walaubagaimana pun Allah SWT dalam ayat ini bukannya *mutaraddid* , hal ini kerana pada ayat إِنِّي عَبْدُكَ وَابْنُ عَبْدِكَ , penggunaan uslub khabar yang bukan dalam konteks asal atau sebenar . Uslub ini digunakan untuk menyatakan rasa rendah diri, penghambaan, kehinaan dan kelemahan

seorang hamba kepada pencipta-Nya. Ayat berikutnya نَاصِيَتِي بِيَدِكَ، مَاضٍ فِي حُكْمِكَ، عَدْلٌ فِي merupakan tiga ayat yang menggunakan *uslub fasl* yang menunjukkan pertalian yang hampir sama tujuannya iaitu perasaan penyerahan diri kepada Allah dengan redha.

Ayat berikutnya بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ سَمِيَتْ بِهِ نَفْسُكَ أَوْ أُنْزِلَتْ فِي كِتَابِكَ أَوْ عَلَّمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ أَوْ menggunakan *uslub khabariy* yang menceritakan tentang nama-nama Allah, bukan kerana Allah tidak tahu tetapi kerana ingin merintah dengan sebanyak nama Allah yang ada dan menunjukkan kehinaan dan tawaduk seorang hamba yang terhad ilmunya dalam memohon daripada rahmat Allah SWT dari ilmu-Nya .

Ungkapan أَسْأَلُكَ pula adalah *uslub khabariy* yang bermaksud *uslub insyā'iy* untuk tujuan doa dan ayat akhir menggunakan *wasl* yang diselang-seli dengan *al-ta'rif bi al-ida:fat* . أَنْ يَجْعَلَ الْقُرْآنَ رَبِيعَ قَلْبِي وَنُورَ صَدْرِي وَجَلَاءَ حُزْنِي وَدَهَابَ هَمِّي yang memberi makna pengagungan (*al-ta'zim*) kepada kalam Allah SWT iaitu al-Quran iaitu cahaya kepada segala kesulitan , kesedihan dan perasaan gundah gelana.

4.1.11. Ruqyah kesepuluh: Ruqyah Nabawiyah

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ الَّتِي لَا يَجَاوِزُهُنَّ بَرٌّ وَلَا فَاجِرٌ مِنْ شَرِّ مَا يَلِجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا، وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا، وَمِنْ فَتَنِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ، وَمِنْ طَوَارِقِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ، إِلَّا طَارِقًا يَطْرُقُ بِخَيْرٍ يَا رَحْمَنُ.

Maksudnya: “Aku memohon perlindungan kepada kalimah-kalimah Allah yang sempurna, yang tidak dilampaui oleh mereka yang baik dan mereka yang jahat, daripada kejahatan yang menyusup dalam bumi, dan yang keluar darinya, dan daripada yang turun daripada langit, dan kejahatan yang naik padanya, juga daripada musibah-musibah di

waktu malam dan siang dan daripada sesuatu kejadian pada waktu malam dan siang, kecuali sesuatu kejadian yang membawa kebaikan, ya Allah yang Maha Pemurah.”

Ruqyah ini merupakan ruqyah yang digunakan untuk pesakit yang mengalami gangguan makhluk halus dan terkena perbuatan sihir selain ia merupakan benteng menghadapi semua jenis gangguan luar.

Al-isti‘azah atau *al-ta‘awudz* (mohon perlindungan) merupakan satu daripada syariat Islam yang dibaca sebelum memulakan sesuatu ibadah. (Wahbah al-Zuhaili:1991)

Ungkapan *أَعُوذُ* menggunakan ayat kerjaan, ayat *khabariy* tetapi memberi makna *insyā’iy* iaitu dengan tujuan memohon doa. Walaupun *أَعُوذُ* maknanya *aku berlindung* tetapi erti sebenar ialah *أَعِزَّنِي* *lindungilah aku*.

Bahawa kalimah-kalimah Allah SWT itu Maha sempurna lagi tiada dapat ditangani oleh sebarang benda, perkara dan peristiwa yang berlaku di langit dan di bumi dan apa yang berlaku antara keduanya dalam menghadapi apa jua musibah. Segala kejahatan akan lemah dan tunduk kepada kebesaran Allah SWT, maka selamatlah dan aman orang yang memohon perlindungan daripada segala unsur kejahatan dan musibah.

Ayat berikutnya *لَا يُجَاوِزُهُنَّ بَرٌّ وَلَا فَاجِرٌ* menggunakan *tawkid* selepas *لَا* nafi dan menggunakan *nakirah* pada perkataan *بَرٌّ* dan *فَاجِرٌ* ini memberi maksud umum dan menyeluruh yang membawa maksud tiada siapa pun dapat masuk dalam kawalan Allah SWT yang sempurna sama ada baik atau jahat. Bacaan ini biasanya dibaca kepada makhluk halus yang masuk ke badan manusia. Begitu juga dengan tujuan penggunaan *مَا* dan *fi’il mudori‘* dalam ayat

berikutnya *مَا يَلْجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا، وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَ مَا يَعْرُجُ فِيهَا* yang membawa makna merangkumi dan meliputi secara keseluruhan perlindungan yang dipohon terhadap segala jenis kejahatan yang berlaku dan bakal berlaku dalam segala bentuk dan cara serta dimana jua kita berada, dan mungkin melibatkan kita. Pada ayat ini juga terdapat *uslub wasl* yang menunjukkan pertalian pelbagai segi datangnya kejahatan yang minta perlindungan Allah SWT.

وَمِنْ طَوَارِقِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ، إِلَّا طَارِقًا يَطْرُقُ بِخَيْرٍ يَا رَحْمَنُ.

Fungsi *إِلَّا* dan disusuli *nakirah* ialah pengecualian yang mengkhususkan sebarang perkara dan kejadian kebaikan semata yang dipohon dalam perlindungan. Ruqyah ini diakhiri dengan *uslub nida'* yang menyeru dengan sifat Allah yang Maha Pemurah *يَا رَحْمَنُ* iaitu sifatnya yang memberi rahmat keseluruh alam.

4.1.12. Ruqyah kesebelas: Doa Menghindar Syaitan

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ ، مِنْ كُلِّ عَدُوٍّ وَهَامَّةٍ ، وَمِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَعَيْنٍ لَّامَّةٍ ، أَعُوذُ بِاللَّهِ الْوَاحِدِ الْمَجِيدِ ، مِنْ كُلِّ عَدُوٍّ وَخَاسِدٍ ، وَمِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَارِدٍ ، بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ عَلَى عَبْدِهِ بِقَوْلِهِ ، لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ.

Maksudnya: “Aku berlindung kepada kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada setiap musuh dan kecelakaan, juga daripada setiap syaitan dan pandangan/pandangan mata yang mencela. Aku berlindung kepada Allah yang Esa lagi Mulia, daripada setiap musuh dan orang yang hasad, juga daripada syaitan yang derhaka. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah terhadap hambanya dengan firman-Nya, ‘Sesungguhnya Kami telah jadikan manusia itu dalam keadaan sebaik-baik kejadian.’ ”

Ruqyah ini dibacakan kepada pesakit yang histeria dan mengalami gangguan syaitan dan jin atau biasa difahami sebagai rasukan jin. Selain itu ia juga digunakan sebagai doa pendinding atau pelindung daripada syaitan dan sihir.

Al-isti'azah (mohon perlindungan) digunakan pada ruqyah ini dalam bentuk ayat kerjaan dalam *uslub khabariy* yang membawa makna *insyā'iy* yang membawa tujuan doa, iaitu ungkapan *أَعُوذُ* maknanya *aku berlindung* tetapi erti sebenar ialah *لindungilah aku*. Perlindungan yang dipohon ini ialah perlindungan daripada syaitan yang menjadi punca misteri kesengsaraan manusia dan punca penyakit dan semua tragedi.

Berlaku *takrar* pada perkataan *أَعُوذُ* sebanyak dua kali yang menunjukkan penegasan kepada perlindungan yang dipohon terhadap musuh yang licik serta sangat halus kejahatannya. Pada ayat *وَمِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَعَيْنٍ لَّامَّةٍ* ، dan ayat berikutnya iaitu *مِنْ كُلِّ عَدُوٍّ وَهَامَّةٍ* ، menggunakan *uslub wasl* . Ini memberi maksud terdapat pertalian kuat antara kejahatan, musuh, hasad dan syaitan dalam memerangi umat manusia terutama yang beriman kepada Allah SWT. Penggunaan *tanki:r* pada perkataan *لَّامَّةٍ* , *شَيْطَانٍ* , *وَعَيْنٍ* , *حَاسِدٍ* , *وَهَامَّةٍ* , *عَدُوٍّ* dan *مَارِدٍ* pula memberi maksud *takthi:r* iaitu berlaku gangguan dengan banyak dan dalam pelbagai segi.

Penggunaan *basmalah* dan menyebut sepotong ayat al-Quran al-Karim ialah untuk memohon keberkatan basmalah, dalam ungkapan *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ عَلَى عَبْدِهِ بِقَوْلِهِ* , kepada hamba-hamba Allah SWT dengan menegaskan seperti dalam *لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ* , bahawa Allah SWT telah menjadikan manusia sebaik-baik kejadian. Ayat ini didatangkan

untuk mencetus kemarahan dan ketakutan kepada jin dan syaitan dalam badan pesakit sehingga ia keluar. Sebagaimana yang diketahui syaitan sememangnya takabur dan tidak mengiktiraf manusia selepas penciptaannya sehinggalah ia memohon dari Allah SWT untuk merosakkan umat manusia sehingga mereka berpaling kepada Allah SWT. Mereka mendatangkan gangguan kesihatan dan psikologi kepada manusia agar manusia kufur kepada Allah dan mencari rawatan sehingga percaya akan kuasa ghaib selain Allah maka mereka (syaitan) telah berjaya menyebabkan seseorang itu menyekutukan Allah SWT.

4.1.13. Ruqyah kedua belas: Doa Menghindar Hasutan Syaitan

أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ، مِنْ هَمْزِهِ وَنَفْخِهِ وَنَفْثِهِ

Maksudnya: “Aku berlindung dengan Allah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui daripada syaitan yang direjam, daripada hasutannya, tiupannya dan simpulannya.”

Ruqyah ini juga untuk menghindari kehadiran syaitan dalam badan pesakit yang lebih khusus berkaitan dengan perbuatan sihir. Ruqyah ini dimulakan dengan *al-isti'azah*, iaitu بِاللَّهِ أَعُوذُ iaitu memohon perlindungan daripada Allah SWT. Ayat yang digunakan ialah ayat kerjaan, menggunakan *uslub khabariy* yang membawa makna *insyā'iy* iaitu memberi makna untuk tujuan doa agar mendapat perlindungan Allah SWT. أَعُوذُ maknanya *aku berlindung* tetapi erti sebenar ialah أَعِزَّنِي *lindungilah aku*.

Ruqyah ini menggunakan *ta'rif* pada dua perkara yang berbeza dan memberi makna yang berbeza iaitu dengan mendatangkan perkataan السَّمِيعِ الْعَلِيمِ untuk memberi makna

pengagungan (*ta'zi:m*) iaitu memagungkan Allah SWT dengan mendatangkan sifat-Nya yang Maha Mendengar rintihan hambanya dan Maha Mengetahui segala apa yang berlaku secara khusus. Kemudian perkara kedua ialah pada perkataan الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ yang mana keduanya didatangkan sifat syaitan yang umum mengetahui bahawa Allah SWT telah mengistiharkan mereka akan sentiasa direjam selepas durhaka kepada Allah SWT. Jadi disini membawa makna (*tahqi:r*) iaitu penghinaan terhadap kejahatan yang dibawa oleh mereka.

Penggunaan *uslub wasl* pada perkataan hasutan, tiupan dan simpulan digunakan diakhir ayat dalam bentuk *al-ta'ri:f bi al-ida:fat*. ini kerana syaitan menggunakan tiga cara berkenaan secara kolektif dan berangkai serta dalam keadaan yang pelbagai . Sangat halus kejahatan syaitan dalam mengganggu dan menyakiti manusia dengan sihir yang dilakukannya. Namun dengan izin Allah SWT jua berlaku sihir ini, sebab itulah sangat digalakkan untuk membaca doa ruqyah ini sebagai amalan untuk mendapat perlindungan Allah SWT dari kejahatan syaitan.

4.1.14. Ruqyah ketiga belas: Doa Menghindar Gangguan Syaitan

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ عَذَابِهِ وَعِقَابِهِ وَشَرِّ عِبَادِهِ وَمِنْ هَمْزَاتِ الشَّيَاطِينِ وَأَنْ يَخْضُرُونَ.

Maksudnya: “Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna, daripada kemurkaanNya, balasan burukNya, kejahatan hamba-hambaNya, dan daripada hasutan-hasutan syaitan dan supaya mereka tidak menghampiri.”

Ruqyah ini juga sama dengan kegunaan di atas dan lebih untuk berlindung daripada kehadiran syaitan dan sekutunya. Ruqyah ini dimulakan dengan *al-isti'azah* بِاللَّهِ أَعُوذُ iaitu

memohon perlindungan daripada Allah SWT. Ayat yang digunakan ialah ayat kerjaan, menggunakan *uslub khabariy* yang membawa makna *uslub insyā'iy* iaitu memberi makna untuk tujuan doa agar mendapat perlindungan Allah SWT. *Uslub* permohonan yang memberi maksud doa. *أَعُوذُ* bermaksud aku berlindung tetapi maksudnya disini ialah *أَعِزَّنِي* lindungilah aku. Semua berfungsi memohon perlindungan Allah dengan menggunakan *al-* ayat kerjaan yang menggunakan *fi'il mudhori* yang bermaksud sekarang dan akan datang. Manusia seharusnya sentiasa memohon perlindungan daripada Allah SWT demi kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Perkataan *التَّائِمَاتِ* datang dalam *ma'rifaṭ* kerana menunjukkan keagungan kalimat-kalimatnya apatah kuasa Allah yang Maha Sempurna dan tiada sesuatu yang dapat menandinginya. Pada ayat *مِنْ عَذَابِهِ وَعِقَابِهِ وَشَرِّ عِبَادِهِ وَمِنْ هَمْزَاتِ الشَّيَاطِينِ* pengulangan *من* adalah untuk memberi maksud *tawkid* untuk memberi penegasan agar dilindungi oleh kemurkaan Allah SWT dan dilindungi daripada kejahatan musuh Allah iaitu syaitan. Ruqyah ini diakhiri dengan *وَأَنْ يَخْضَرُونَ* iaitu *fi'il mudhori* yang memberi maksud sekarang sentiasa dan selamanya syaitan tidak menghampiri dan mengganggu.

4.1.15. Ruqyah keempat belas: Mengembalikan Barang yang Hilang

بِسْمِ اللَّهِ يَا هَادِي الضَّالِّ، وَيَا رَادَّ الضَّالِّ، أُرْزِدْ إِلَيْهِ ضَالَّتَهُ فَإِنَّهَا مِنْ عَطَائِكَ وَإِحْسَانِكَ، يَا أَرْحَمَ الرَّحِمِينَ.

Maksudnya: “Dengan nama Allah wahai yang memberi petunjuk kepada kesesatan dan yang mengembalikan yang hilang kepada tuannya. Kembalikan kepadanya yang dia hilang kerana ia adalah anugerah pemberian-Mu kepada hamba-Mu. Ya Allah wahai Yang Paling Mengasihani daripada segala yang mengasihani.”

Ruqyah ini bermula dengan *basmalah* yang terdiri daripada huruf *jar* dan *ism majrur* dan yang dikedepankan untuk menunjukkan dengan nama Allah jua segala permulaan. Kemudian diikuti oleh *uslub nida'* yang mendatangkan *al-munada* dalam bentuk *al-ta'rif bi al-ida'fat*, bertujuan untuk menegaskan secara menyeluruh bahawa Allah jua Yang Maha Penunjuk Jalan. Seterusnya *takrar* pada *uslub nida'* ia merupakan gaya yang hampir dikatakan wajib dalam berdoa kepada Allah. . Ayat ^{أُزِدُّ} yang menggunakan *uslub amr* iaitu untuk tujuan doa. Doa yang dimaksudkan kembalikanlah wahai Allah apa yang hilang daripadanya.

Jika perhatikan pada ayat ini terdapat penggunaan *tawkid* pada perkataan bergaris فَإِنَّهَا مِنْ ^{عَطَاءِكَ وَإِحْسَانِكَ} ini menunjukkan berlakunya penggunaan *uslub khabar* luar dari keadaannya yang asal. *Mukhatab* disini adalah Allah SWT dan ayat ini ditujukan kepada-Nya bukan bermakna Allah tidak mengetahui barang hilang itu pemberian-Nya tetapi disebut sebagai rintihan kepada Allah SWT dengan ujian-Nya yang menghilangkan nikmat pemberian-Nya sebelum itu.

Berlakunya *uslub wasl* dalam ayat ^{عَطَاءِكَ وَإِحْسَانِكَ} untuk menegaskan ia kurniaan-Mu wahai Allah bukan kerana Allah tidak mengetahuinya tetapi kerana kita amat bersyukur dengan pemberian itu sehingga merintih dengan ayat itu minta dikembalikan barang yang hilang itu sehingga terus menjadi orang yang bersyukur dengan pemberian Allah SWT.

4.2. Penutup

Uslub-ustlub balaghah yang dirungkaikan dalam ayat-ayat ruqyah *syar'iyah* yang bersumberkan daripada Hadith dan doa *mathur* daripada *salafusoleh* yang digunakan di Darusyifa' Malaysia mempunyai nilai balaghah yang tersendiri dan mempunyai kaitan yang amat kompleks dan unik dengan penyakit dan pesakit serta perawat yang menggunakan ruqyah ini. *Ruqyah syar'iyah* dalam perubatan Islam menekankan keimanan dan keyakinan manusia kepada Tuhan sekalian alam yang mempunyai sifat belas kasihan terhadap hambanya. Rahmat Allah SWT meliputi alam semesta dan jika hamba-Nya mengadu tentang sesuatu musibah penyakit khususnya dan merintih serta berdoa, tiadalah yang dijawab melainkan dengan kesembuhan dan rahmatnya yang hanya keyakinan dan keimanan seseorang sahaja dapat menilainya.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0. Pendahuluan

Kajian ini mengemukakan ayat jampi atau *al-ruqyah al-syari'iyah* yang mana digunakan oleh Darussyifa' Malaysia dalam merawat pesakit dengan bimbingan al-Quran al-Karim dan al-Hadith yang menggunakan bahasa Arab sepenuhnya. Walau bagaimanapun ia hanya tertumpu kepada ruqyah yang berasal dari Hadith dan doa *mathur* sahaja. Kajian ini berfokuskan analisis balaghah dalam disiplin ilmu *Ma'ani* yang menzahirkan bahasa pilihan Allah SWT ini merupakan bahasa yang cukup indah dan menyimpan seribu satu makna. Balaghah Arab merupakan satu medan linguistik bahasa Arab yang amat bernilai dan penting kepada para linguis Arab dan bukan Arab dalam menilai ketinggian nilai yang terdapat pada bahasa tersebut.

5.1. Rumusan

Kajian ini akhirnya dapat merungkaikan persoalan dan mencapai objektif yang telah dirangka. Ruqyah merupakan susunan kata yang mempunyai makna tertentu yang mempunyai tujuan untuk penyembuhan. Ia digunakan untuk rawatan penyakit, pesakit dan merawat bangunan dan rumah. Ada yang dipetik daripada al-Quran, Hadith, dan daripada amalan *salafussoleh*. Penulis merumuskan kajian ini sebagaimana berikut:

1. Bahasa yang digunakan dalam setiap ruqyah ini unik dan pelbagai . Setiap susunan membawa makna dan sebab dan tujuan tertentu
2. Jampi atau ruqyah terbahagi kepada dua jenis iaitu *al-ruqyah al-syari'iyah* dan *al-ruqyah al-Syirkiah*. *Al-Ruqyah al-syari'iyah* ini dibenarkan oleh Nabi Muhammad

SAW sebagaimana terdapat dalam kitab-kitab hadis dalam bab perubatan dan doa-doa Nabi SAW.

3. *Al-Ruqyah al-syirkiyah* adalah amalan jampi yang diamalkan bercanggah dengan syariat, menggunakan jampi yang mensyirikkan Allah SWT dan menggunakan perantaraan jin dan syaitan
4. Rawatan yang menggunakan perantaraan makhluk halus, tangkal menangkal, jampi serapah yang tidak mengikut syarak, menceritakan yang ghaib, menenung nasib, meramal penyakit menggunakan bahan yang jelas haram seperti darah, hempedu, daging binatang yang diharamkan, rajah-rajah pelindung sihir-menyihir dan sebagainya adalah dilarang.
5. *Uslub nida'* sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan doa, terutama dalam ruqyah. *Uslub nida'* di sini kebanyakannya ditujukan kepada Allah SWT dalam permohonan ditambah dengan keagungan sifat-sifat-Nya dalam permulaan doa. Ini semua menggalakkan ruqyah yang dibaca tidak sama sekali terlibat dari permohonan selain daripada Allah SWT (tidak menyekutukan Allah SWT). *Uslub* ini juga digunakan perawat untuk berinteraksi sama ada dengan Allah SWT (maksud berdoa), dengan pesakit, dengan penyakit dan dengan syaitan atau jin yang berada dalam badan manusia.
6. *Uslub amr* paling banyak penggunaannya dalam memberi maksud doa iaitu ketika berinteraksi (memohon) dengan Allah SWT. Selain itu yang memberi makna arahan dan perintah ketika berinteraksi dengan penyakit atau makhluk halus yang berada dalam badan pesakit.

7. *Uslub nahy* pula digunakan ketika memberi arahan kepada penyakit atau makhluk halus yang mengganggu badan pesakit supaya beredar.
8. Antara *uslub* yang paling banyak digunakan ialah *uslub khabariy* yang datang atas makna *uslub insyā'iy* yang membawa tujuan doa.
9. *Basmalah* dan *al-isti'azah* merupakan suatu syariat yang amat dituntut dalam melakukan sesuatu. Ini termasuklah dalam menggunakan ruqyah terhadap pesakit. *Uslub isti'azah* menggunakan ayat kerjaan. Ungkapan *أَعُوذُ* merupakan struktur ayat kerjaan yang membawa fungsi menunjukkan sesuatu peristiwa berlaku dalam masa yang sekarang dan akan datang. Ia diungkapkan dengan membawa makna *insyā'iy* walaupun zahir ayat ia ayat *khabariy*. Ini memberi kesan mendalam ke dalam jiwa perawat dan pesakit yang membacakannya dengan beriman bahawa syaitan dan sekutunya adalah musuh Allah SWT dan hanya Allah SWT tempat berlindung dari kejahatan mereka.
10. Penggunaan *taqdim* dan *ta'khir* dalam ayat juga menjadi satu trend atau kebiasaan dalam ayat ruqyah. Ia juga *uslub qasr* dalam permohonan iaitu menunjukkan kebesaran Allah SWT dalam menyembuhkan penyakit dan untuk fokuskan doa kepada apa yang dikehendaki.
11. Menggunakan *taqdim jar* dan *majrur* dalam ayat *Basmallah* untuk menguatkan kebergantungan kepada Allah SWT sebelum memohon pada-Nya.
12. Penggunaan *tawkid* yang menggunakan *takrar* atau pengulangan juga banyak digunakan, bahkan hampir semua ayat ruqyah yang dikaji menggunakan *tawkid* dalam bentuk pengulangan perkataan dan ayat. *Uslub tawkid* adalah lafaz yang bertujuan memberi penegasan kepada ruqyah itu bahawa pesakit akan sembuh dan

hanya Allah SWT sebagai penyembuhnya. Pelbagai bentuk *tawkid* digunakan antaranya pengulangan. Contohnya ketika ruqyah penerang hati digunakan *takrar* pada perkataan *يَا أَرْحَمَ الرَّحِيمِينَ* iaitu memohon dengan *sunnah* para Nabi dan Rasul terdahulu serta memohon dari Tuhan yang maha memberi anugerah kepada hambanya. Perkataan ini juga amat banyak digunakan dalam doa-doa harian biasa mengikut *sunnah* Rasulullah SAW dan ia amat mujarab dan mustajab

13. *Uslub yang menggunakan al-ta'rif wa al-tanki:r* juga sangat banyak dalam menjelaskan pemilihan perkataan dalam setiap ruqyah dan apa yang dikehendaki pada setiap bacaan dan tujuan bacaan tersebut. Penulis mendapati sebutan ini berkaitan dengan permintaan sama ada secara khusus atau umum.
14. Kebanyakan *uslub* yang dihadirkan akan memberi satu harapan baru kepada pesakit dan memberi motivasi untuk terus berdoa dan berharap kesembuhan daripada Allah SWT.

5.2. Cadangan

Sepanjang kajian ini dijalankan, penulis mendapati bahawa masih banyak aspek yang masih boleh dikaji berkaitan dengan ruqyah ini seta ayat-ayat al-Quran al-Karim dan Hadith Nabawi yang berkaitan dengannya. Penulis hanya membuat kajian tentang ruqyah ini dari aspek balaghah dengan memberi tumpuan kepada komponen ilmu *Ma'ani* sahaja dan membongkar ciri-ciri keunikannya dalam setiap ayat ruqyah itu berdasarkan penyakit dan masalah yang dihadapi. Justeru itu terdapat beberapa saranan dan cadangan penulis kepada penulis seterusnya untuk membuat kajian tentang ruqyah ini sebagaimana berikut:

1. Ruqyah ini dikaji dalam disiplin lain dalam ilmu balaghah untuk membongkar lebih banyak rahsia keunikan bahasa ruqyah ini dan kpentingannya dalam perubatan Islam.

2. Memperluaskan kajian terhadap ayat-ayat ruqyah daripada al-Quran al-Karim dan Hadith serta mengkaji makna-makna ayat disebalik ilmu tafsir dan ilmu bahasa.
3. Mengkaji juga struktur ayat ruqyah dalam ilmu sintaksis dan semantik supaya lebih terserlah rahsia keunikan bahasa jampi.
4. Mengadakan kerjasama dengan pihak perubatan *Allopathy* atau pengamal perubatan moden dan juga pengamal perubatan Islam dalam mengkaji kesan bacaan ruqyah ini terhadap penyakit-penyakit tertentu dengan bantuan alat moden untuk diagnosis penyakit dan sebagainya.
5. Memperluaskan pengajian ilmu pengubatan Islam kepada masyarakat agar tidak berlaku salah faham terhadap *ruqyah syar'iyah* dan *ruqyah syirkiyyah*.
6. Mengkaji juga kesan penggunaan bahasa ruqyah yang tiada asal usulnya dan kesan terhadap salah tanggap dan campur aduk Perubatan Islam.
7. Mengembangkan sayap dan menjelaskan fungsi Darussyifa' Malaysia sebagai pelopor dalam ilmu pengubatan Islam yang bersandarkan syariat kepada masyarakat umum di Malaysia.

5.3. Penutup

Penulis berharap agar kajian ini dapat memberi manfaat dan nilai tambah kepada ilmu bahasa terutama yang berkaitan dengan kajian bahasa al-Quran al-Karim. Semoga kajian ini dapat menyumbang idea dan maklumat yang berharga kepada para penulis, pencinta bahasa Arab dan pengamal Perubatan Islam. Seterusnya dapat memberi sumbangan ke arah meningkatkan penghayatan keagungan bahasa al-Quran al-Karim dan pelaksanaan segala isi kandungannya serta khasiat yang terkandung pada setiap susun kata yang telah

diungkapkan oleh al-Quran al-Karim dan Hadith Rasulullah SAW yang menjadi mukjizat kepada kita semua. Insya-Allah, Allah jua Maha Mengetahui segalanya.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

Rujukan bahasa Arab

‘Abbas, Faḍl Ḥassan. (1996). *al-Balāghat funūnuha wa afnāniha : ‘Ilm al-Bayān wa al-Badi’*. Cetakan ke 2. Amman: Dār al-Furqān wa al-Tauzī ‘.

‘Abbas, Faḍl Ḥassan. (1997). *al-Balāghat funūnuha wa afnānuha: ‘Ilm al-Ma‘āniy*. Cetakan ke 4. Amman: Dār al-Furqān wa al-Tauzī ‘.

‘Abbas, Faḍl Ḥassan & Sana’ Faḍl Ḥassan ‘Abbas, (2006). *I’jāz al-Qur’ān al-Karim*. Ed ke 6. ‘Amman: Dar al-Furqan .

‘Abd al-Bāqī, Muhammad Fu’ad. (1992). *al-Mu’jam al-Mufaḥras lil alfāz al-Qur’an al-Karīm*. Beirut: Dar al-Fikr.

‘Abduh Abd al-‘Aziz Qalqūlah (1987). *al-Balāghat al-Isṭilāḥiyyat*. Cetakan ke 2. al-Qahirat: Dar al-Fikr al-‘Arabiyy.

Abd al-‘Aziz ‘Atiq. (1985). *‘Ilm al-Bayan*. Beirut: Dar al-Nahdat al-Arabiyyat.

Abd al-Qahir al-Jurjaniyy. (1984). *Asrar al-Balaghat*. Beirut: Dar al-Ma‘rifat.

Abu ‘Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwiniyy. (1417H). *Sunan Ibn Majah*. Ar-Riyad: Maktabat wa Matba‘ah al-Nahdah al-Hadithiyyah.

Abu Dawud Sulayman bin al-Asy‘at al-Sajastani al-Azdi. (1424H). *Sunan Abu Dawud*. Al-Riyad: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tawzi ‘.

Abu Ya’kub Yusuf bin Abu Bakr Muhammad bin Ali al-Sakkakiyy. (1987). *Miftah al-‘Ulum*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat.

Ahmad bin Hanbal Abu ‘Abdullah al-Syaibani. (1999). *Al-musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Ditahqiqkanoleh Shu‘aib al-Arnu‘ut et. al. Beirut: Mu‘assasah ar-Risalah.

Ahmad Mustafa Al-Maraghiyy. (1917). *‘Ulum Al-Balaghat*. Al-Khurtum: Matba‘at Muhammad Matar.

- Amir Abdul Aziz. (2000). *Tafsir al-Syamil Li al-Qur'an al-Karim*. Jilid 4. Darul Salam.
- Badr ad-Din Muhammad Ibn Abd Allah az-Zakarsyi. (1957). *Al-Burhan fi 'Ulum al-Quran*.
Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Khalidi & Sallah Abdul Fatah. (1994). *Fizilal Iman*. Damsyik: Darul Qalam.
- Khatib al-Qazwiniy. (1993). *Al-Idhah fi 'Ulum al-Balaghaṭ*. (Cet ke-3, Jld 5).
Kaherah: Maktabaṭ al-Azhariyyaṭ li al-Turath.
- Maraghi, Ahmad Mustafa. (1993). *'Ulum al-balaghaṭ al-bayan wa al-ma'ani wa al-badi'*.
Cetakan Ketiga. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyaṭ.
- Muhammad Fakhruddin al-Razi. (1995). *Tafsir Fakhru al-Razi*. Juzu' 23. Beirut: Darul Fikir.
- Muslin bin al-Hajjaj Abu Husain al-Qusyairi an-Naisaburi. (2000). *Sahih Muslim dalam Mausuaḥ al-Hadith al-Sharif al-Kutub as-Sittah*. Ar-Riyad Dar Salam li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Mustafa, Ibrahim. (t.t.). *Mu'jam al-Wasit*. Juzu' 1. Maktabah Islamiyyah.
- Sayuti & Abdul Rahman bin Kamal Jalaluddin. (1993). *Tafsir al-Darul al-Mansur Fi al-Tafsir al-Ma'sur*. Juzu' 6. Beirut: Darul Fikir.
- Tabari & Abi Ja'far Muhammad bin al-Jarir. (1999). *Jami' al-Bayanan Ta'wil al-Qur'an*.
Juzu' 18. Beirut: Darul Fikir.
- Ribab Muhammad Samahah. (1996). *Dalil Mu'alijin bi Quranul Kareem*. Kaherah: Al-Maktabah al-Ataufiqiah.
- Wahbah al-Zuhaili. (1998). *al-Tafsir al-Munir Fi al-Akidah Wal Syariah Wa al-Manhaj*.
Juzu' 17-18. Beirut: Darul Fikir.
- Hadith riwayat Muslim [Kitab al-Salam, no.hadith 5700]. Lihat Muslim (2000M), Sahih Muslim dalam Mawsu,,ah al-Hadith, ibid., h.1066.

Rujukan Bahasa Melayu

- A. Samad Ahmad. (1982). *Warisan Perubatan Melayu*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim b. Brahim. (1997). *Jenis-jenis ayat penyata dari segi Balaghah dalam Bahasa Arab*. (Disertasi Sarjana Pengajian Moden). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdul Hamid bin Sulaiman. (2000). *Analisis wacana tafsiran Al-Quran (tumpuan dalam surah Al-Fatihah)*. (Disertasi Sarjana Pengajian Moden), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Amran Kasimin & Harun Din. (1997). *Doa & Rawatan Penyakit (i)*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- Amran Kasimin & Harun Din. (1997). *Doa & Rawatan Penyakit (ii)*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- Amran Kasimin. (1991). *Darussyifa'*. Bangunan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- Awang Haji Abdul Rajak bin Haji Md. Dali. (2012). *Darussyifa Warrafahah: Kearah menguasai Semula Perubatan Islam di Brunei Darul Salam*. Kongres Pengubatan Islam Nusantara 2012. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Azhar Bin Muhammad. (1997). *Penggunaan Gaya Bahasa Perumpamaan Dalam Dalam Al-Quran*. Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam, September 2011. Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Harimurti Kridalaksana. (1987). *Keutuhan Wacana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harmy Mohd Yusuf. (2011). *Fikah Perubatan*. Selangor: TS Millenia Sdn.Bhd..

- Haron Din. (2011). *Jilid 1: Siri Pengajian Perubatan Islam*. Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia Darussyifa & Koperasi Darussyifa' Berhad.
- Haron Din. (2011). *Jilid 2: Rawatan Penyakit Jasmani (I)*. Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia Darussyifa & Koperasi Darussyifa' Berhad.
- Haron Din. (2011). *Jilid 3: Rawatan Penyakit Jasmani (II)*. Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia Darussyifa & Koperasi Darussyifa' Berhad.
- Haron Din. (2011). *Jilid 4: Rawatan Penyakit Rohani*. Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia Darussyifa & Koperasi Darussyifa' Berhad.
- Haron Din. (2011). *Jilid 5: Rawatan Penyakit Akibat Sihir*. Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia Darussyifa & Koperasi Darussyifa' Berhad.
- Haron Din. (2012). "Kearah Memartabat Dan Memperkasa Pengubatan Islam Sepanjang Hayat". *Kongres Pengubatan Islam Nusantara 2012*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Harun Din. (2010). *Hafalan Asas Ruqyah*. Kuala Lumpur: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia.
- Kamus Besar Dewan Arab Melayu*. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. Edisi ke 4. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasyfullah bin Abdul Kadir. (2005). *Ayat Perintah dalam Surah Al-Taubah: Satu Analisis Wacana*. (Disertasi Sarjana Pengajian Moden). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Suhaimi Bin Rozali. (2012). "Sihir dan Implikasinya terhadap Kehidupan Umat." *Kongres Pengubatan Islam Nusantara 2012*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nurmawati Syakroni APT. (2012). "Pengenalan Herba An-Nabaat." *Kongres Pengubatan Islam Nusantara 2012*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Roslan bin Ab. Rahman (2005). *Isti'arat Dalam Surah al-Baqarat: Satu Analisis Balaghah*. (Disertasi Sarjana Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik). Kuala Lumpur: Univerisiti Malaya.
- Saiful Barin bin Ramli. (2004). *Analisis Gaya Bahasa Doa: Satu Kajian Deskriptif di dalam al-Quran*. (Disertasi Sarjana Pengajian Moden). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sakinah bt Saptu & Mohammed Yazid Abd Samad. (2012). "Amalan Ruqyah Syar'iyah Di Singapura: Satu Sorotan." *Kongres Pengubatan Islam Nusantara 2012*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Siti Ikbal Sheikh Salleh. (1999). *Analisis Gaya Bahasa Al-Insya' dalam Surah Al-Nur*. (Tesis Ph.D). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.

Rujukan laman sesawang.

1. http://www.darussyifa.org/AsasPengubatanDS_Iss1%285-May-2006%29.ph
2. http://www.darussyifa.org/AsasPengubatanDS_Iss1%285-May-2006%29.php
3. <http://www.hamidarshat.com/perubatan-islam-informasi-134.html>
4. <http://www.ruqyahandhealing.com/>
5. <http://www.missionislam.com/health/ruqiyahrecitation.html>
6. <http://faktakesehatan.wordpress.com/2008/11/14/ruqyah-syar%E2%80%99iyah-vs-ruqyah-syirkiyyah/>
7. http://www.almaany.com/home.php?language=arabic&lang_name